

**Bil. 3**

**Rabu  
30 April 2008**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**



## K A N D U N G A N

<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b>	
- Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 1)
- Pelantikan Ketua Pembangkang	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):</b>	
▪ <b>Perjanjian Royalti Petroleum</b>	
- <i>Y.B Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)</i>	(Halaman 27)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 30)
<b>USUL:</b>	
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	
- <i>Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting (Kulai)</i>	(Halaman 30)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia, S.U.M.W., P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
4. “ Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
5. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
7. “ Menteri Pelajaran, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
9. “ Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. “ Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) – UMNO
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
16. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) – UMNO
17. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) –PBB

18. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
20. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
22. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
23. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
24. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
25. “ Menteri Penerangan, Dato’ Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
26. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
27. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
28. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid bin Ibrahim – *Senator*
31. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Amirsham A. Aziz – *Senator*
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRIS
2. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
8. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

10. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
12. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
14. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
17. “ Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
18. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) – MCA
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
21. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
23. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
25. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Wan Ahmad Farid bin Dato’ Wan Salleh – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
30. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
31. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
32. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO

33. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Saifuddin bin Abdullah (Temerloh) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C. (Kuala Pilah) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin (Beaufort) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
6. “ Dato' Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
7. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
8. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi) – UMNO
9. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
10. “ Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO
14. “ Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. “ Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
19. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
20. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
21. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
22. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
23. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA



24. Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
25. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
26. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
27. “ Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
28. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
29. “ Dato’ Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
30. “ Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
31. “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
32. “ Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
33. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
34. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
35. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
36. “ Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
37. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
38. “ Dato’ Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
39. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) – UPKO
40. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
41. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
42. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
43. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
44. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
45. “ Dato’ Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
46. “ Dato’ Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
47. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
48. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
49. “ Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
50. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
51. “ Dato’ Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
52. “ Dato’ Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
53. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
54. “ Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB
55. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
56. “ Dato’ Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA

57. Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
58. “ Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
59. “ Tuan Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
60. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) – SUPP
61. “ Puan Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
62. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
63. “ Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
64. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
65. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
66. “ Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
67. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
75. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
7. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)
8. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
9. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
10. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
11. “ Tuan Johari bin Abdul (Sungai Petani)
12. “ Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)

13. Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
14. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
15. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
18. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
19. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
20. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
21. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
22. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
23. “ Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
24. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
25. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
26. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. “ Dato’ Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. “ Dato’ Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

**AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)

18. Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ Tuan Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena)
10. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
12. “ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
13. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
14. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
15. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
16. “ Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
17. “ Tuan Haji Roslan Shahrarum (Bukit Gantang)
18. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato’ Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

#### **AHLI (Bebas)**

1. Yang Berhormat Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)

---

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Ikmalrudin bin Ishak

**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nurul'aini binti Wahab

Siti Norhazarina binti Ali

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Hidayah binti Janudin

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Hafizah binti Abu Samah



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Rabu, 30 April 2008**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 29 April 2008, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Ucapan Diraja adalah seperti di Lampiran]*

**PERLANTIKAN KETUA PEMBANGKANG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4A(3), saya suka hendak memaklumkan iaitu mengikut maklum balas yang saya terima, saya berpuas hati bahawa Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Kawasan Permatang Pauh telah sebulat suara mendapat sokongan dari kalangan ahli-ahli pembangkang di Parlimen untuk dilantik sebagai Ketua Pembangkang. *[Tepuk]*

Oleh sebab itu, saya dengan ini mengiktiraf Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Kawasan Permatang Pauh sebagai Ketua Pembangkang dan diberi kemudahan-kemudahan di bawah seksyen kecil (2), seksyen 3, Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980 mulai pada hari ini.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Ini adalah mengenai apa yang terjadi kelmarin mengenai angkat sumpah, merujuk kepada peraturan 5(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Izinkan saya membaca dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cuma beritahu *gist order* tadi, tidak perlu baca.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Gist order* ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang terjadi pada hari itu adalah semua Ahli Yang Berhormat membaca apa yang ada di

dalam buku yang isi kandungannya ialah *the Sixth Schedule* kepada Perlembagaan, tetapi apa yang ada disebut dalam peraturan 5(1) adalah seperti berikut, dengan izin:

*"5.(1) The oath to be taken in the form set out in the Sixth Schedule to the Constitution shall be administered by the Setiausaha, and every member taking the Oath shall sign the book to be kept for the purpose by the Setiausaha at the Table."*

*"Shall be administered by the Setiausaha"*. *Administered* bermakna Setiausaha sendiri yang kena diwajibkan untuk baca apabila seseorang Ahli Yang Berhormat mengangkat sumpah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Gelugor...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *you are the lawyer, so am I*. Kalau di*administered* by the Setiausaha, apa maknanya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor, hal angkat sumpah ini sudah pun selesai dua hari yang lalu. [*Tepuk*] Semua mengiktiraf bahawa yang mengangkat sumpah itu sudah sah menjadi Ahli-ahli Parlimen.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ini perkara yang boleh *nullify*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak berpendapat begitu, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Kita masih ada lagi perkara-perkara yang hendak dibincang dalam Parlimen ini perkara yang penting daripada perkara seperti begitu. Saya sudah buat keputusan, Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor, dan saya rasa keputusan saya adalah muktamad. Angkat sumpah itu semuanya sah.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** [*Masih meneruskan percakapan tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor, saya sudah buat keputusan. Itu adalah *precedent*nya daripada dahulu bukan yang baru dibuat.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Bukankah *precedent* itu pun *illegal*, tidak sah. Semua tidak sah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah buat keputusan bahawa ia sah dan itu adalah keputusan saya. [*Tepuk*]

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat sebab-sebabnya di mana keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah sah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Bukit Gelugor, apabila Speaker bercakap dalam persidangan harus semua diam. Itu peraturan tetap. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor adalah peraturan *point of order*, peraturan tetap. Saya juga telah membuat keputusan bahawa semua yang mengangkat sumpah pada hari itu semuanya sah dan keputusan saya adalah muktamad, dan tidak boleh untuk disoalkan lagi. Itu keputusan muktamad. Kalau umpamanya...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Kalau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, diam dulu sekejap.

#### ■1010

Kalau umpamanya, Yang Berhormat Bukit Gelugor, diam dulu sekejap. Kalau umpamanya saya biarkan semua bercakap macam Yang Berhormat Bukit Gelugor, kita tidak menjalankan tanggungjawab yang sebenar. [*Tepuk*] Kalau kita pertikaikan soal-soal teknikal, soal perkataan, adakah ini menjadikan kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat yang betul-betul dapat menjalankan tugas. Banyak lagi perkara yang kita bincang mengenai dengan soal rakyat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Buang masa!



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Berhormat daripada Kinabatangan, tolong. *[Tepuk]* Sewaktu Tuan Yang di-Pertua bercakap, tiada siapa yang dibenarkan untuk mengganggu. Itu peraturan tetap kita. Sila, *point of order*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Speaker dengan izin Tuan Speaker, tadi apa yang diminta oleh Ahli Berhormat Bukit Gelugor, adalah perkara yang baru dan perlu dibawa kepada perhatian dewan ini. Tuan Speaker harus memberi satu keputusan berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong, Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya belum habis lagi Tuan Speaker. Saya juga diberi hormat dan dibenarkan habis sebelum Tuan Speaker mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat daripada Puchong, saya tahu apa yang Ahli Yang Berhormat akan cakap iaitu menyokong dengan cadangan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya belum cakap lagi, biar saya cakap Tuan Speaker kalau boleh. Yang saya kata ialah yang Berhormat Bukit Gelugor menimbulkan isu yang baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mahu dengar isu baru daripada Yang Berhormat Puchong ini. Sila. *[Tepuk]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor menimbulkan isu yang baru, berkenaan dengan tafsiran '*order five*'. Itu belum lagi diputuskan oleh Tuan Speaker dan tidak boleh menyatakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Puchong saya sudah membuat keputusan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bila?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuma Ahli Yang Berhormat tidak dengar keputusan saya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya hendak dengar keputusan hari ini!

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kata keputusan saya adalah muktamad. Angkat sumpah semua itu adalah sah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Berkenaan dengan isu *order five*. Sama ada ianya perlu diadili...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, semua Ahli Yang Berhormat yang mengangkat sumpah itu sah. Ahli Yang Berhormat dari Puchong tolong duduk. Jangan ganggu persidangan kita yang pertama pada hari ini. Banyak peluang lagi untuk bercakap.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Nampaknya Tuan Speaker tidak mahu membuat keputusan berkenaan isu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong duduk Yang Berhormat Puchong. *[Disampuk]* Saya sudah memberi jawapan. Keputusan saya adalah muktamad. Tolong duduk Yang Berhormat Puchong. *[Dewan riuh]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong senyap. Kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini tidak menghormati keputusan Speaker, siapa pun yang diminta untuk duduk di atas ini tidak akan kesampaian kerana masing-masing cuba untuk menegakkan benang yang basah. Saya rasa kuasa saya sebagai Tuan Yang di-Pertua duduk di sini, apabila saya mengatakan senyap, harus semua senyap. Apabila saya katakan saya membuat keputusan muktamad maka ianya adalah muktamad.

Sudah pun saya buat keputusan bahawa apa pun yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menimbulkan *point of order*, angkat sumpah pada dua hari yang lalu adalah muktamad.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Apa yang tidak sah, tidak boleh dianggap sebagai sah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Gelugor tolong senyap. Kalau ada *point of order* lain, sila.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Administer ad oath*, ada faham itu?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon penjelasan dengan merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 14(1), sejauh mana peranan dan pengaruh Tuan Yang di-Pertua dalam menyusun urutan pertanyaan lisan dalam persidangan Dewan Rakyat pada hari ini? Saya mendapati Dewan yang mulia ini tidak mengiktiraf peranan dan kedudukan Ketua Pembangkang Dewan Rakyat pada hari ini. Sepatutnya Ketua Pembangkang dalam Dewan Rakyat diberikan keutamaan untuk mengemukakan soalan yang pertama dalam persidangan Dewan Rakyat

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat tolong senyap.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang kedua, kita dapati daripada sepuluh soalan pertama yang dikemukakan pada hari ini, tujuh diperuntukkan barisan Nasional. Hanya tiga untuk Pakatan Rakyat. Saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa, setelah berlakunya tsunami politik pada 8 Mac. [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat tolong senyap.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua saya hendak rumuskan, jumlah Ahli Dewan Rakyat di kalangan Pakatan Rakyat adalah 82 dibandingkan hanya 77 Barisan Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebab itu saya ingin mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, daripada sepuluh soalan yang pertama yang dikemukakan, sepatutnya dan seadilnya enam dikemukakan kepada Pakatan Rakyat hanya empat kepada Barisan Nasional. [*Dewan riuh*]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Timur, saya belum lagi membuat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya berdiri atas *point of order* yang sama, sebelum Tuan Yang di-Pertua buat keputusan dalam perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey sila, ini penghabisan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ini mustahak oleh sebab selepas peristiwa tsunami 8 Mac, Barisan Nasional sudah hilang majoriti 2/3. Hegemoni UMNO sudah dihapuskan. Ini realiti, tidak boleh lari daripada itu. [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. [*Tepuk*]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Oleh kerana perkara ini ada dibangkit oleh Tuan Yang di-Pertua semalam, oleh Yang Berhormat Gombak ada 24 jam untuk ubah suai susunan aturan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ini ada dibuat. Biar saya habiskan. Ini ada dibuat, kalau mengikut aturan mesyuarat, di mana untuk mengemukakan usul hari ini, persembahkan ucapan terima kasih kepada titah ucapan ditukar daripada Yang Berhormat Muar kepada Yang Berhormat Kulai. Ini sebenarnya tidak mengikut aturan mesyuarat. Ini usul yang baru dan perlu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh Yang Berhormat Ipoh Timur duduk sekejap.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kalau boleh buat perubahan kepada itu, tentulah mengenai susunan soalan-soalan patutlah ada perubahan, khasnya mengambil kira kedudukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk datang awal patutlah diberi

keutamaan dan yang kedua ambil kira kedudukan Ketua Pembangkang dan pemimpin parti-parti pembangkang dan itu pun patut diambil kira. Ketiga, mengenai demografi dalam Dewan yang mulia ini. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat tolong senyap sekejap. Ipoh Timur. *[Tepuk]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Demografi dalam Dewan ini di mana parti Pakatan Rakyat melebihi ahli Parlimen *backbencher*, kecuali Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat tolong senyap sekejap, kerana Tuan Yang di-Pertua mahu membuat keputusan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Itu mustahak. Ketiga-tiga kriteria supaya penempatan soalan-soalan ialah *transparent* yang adil dan mengikut perjalanan *first world* Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Timur, mesej daripada Yang Berhormat itu sudah saya faham.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, *[Menunjukkan Buku Peraturan Mesyuarat]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Kinabatangan dan Ipoh Timur tolong duduk dulu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Soalan Kedua sebagai contoh, melanggar mesyuarat lebih daripada 40 patah perkataan. Ada dua bahagian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Timur, sudah saya faham apa mesej Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua.. *[Sambil menunjukkan Buku Peraturan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kinabatangan, tolong duduk. Sekarang kita mengambil masa lebih kurang 18 minit.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak adil Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur dibagi, kita tidak bagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Timur tolong duduk. Yang Berhormat Kinabatangan tolong duduk sekejap.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Point of order*, tidak ada. Saya ingin mencabar pihak pembangkang peraturan mana yang diguna pakai. Soalan mesti atas nama Ketua Pembangkang yang pertama. Tidak ada dalam peraturan mesyuarat. *[Tepuk]* Itu bohong belaka.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak, duduklah Yang Berhormat Tolonglah duduk. Sila duduk. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat semua membuat peranan seperti begini, pada hari ini negara Malaysia tertumpu pada Dewan yang mulia ini. Yang dibangkitkan ini adalah soal-soal teknikal dan remeh, sedangkan soalan-soalan yang kita akan jawab, soalan yang akan dikemukakan adalah lebih penting daripada soalan-soalan remeh.

Keputusan saya adalah baru tadi dimasyhurkan bahawa wakil rakyat daripada Permatang Pauh adalah sah sebagai Ketua Pembangkang. *[Tepuk]*

#### ■ 1020

Surat itu yang ditandatangani oleh semua ketua parti, baru saya terima petang kelmarin. Maka segala apa urusan mesyuarat mengenai dengan soalan-soalan ini, harus

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa saya baru angkat sumpah sebagai Tuan Yang di-Pertua dua hari yang lalu. Bagilah peluang kepada Tuan Yang di-Pertua. Lama lagi ini bertahun-tahun. Mudah-mudahan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat, sudah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apakah Tuan Yang di-Pertua memberi jaminan, mulai esok Tuan Yang di-Pertua akan teliti semula urutan Pertanyaan Lisan dalam Dewan Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah. Sebelum saya memanggil untuk soalan pertama dipanggil, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan bahawa tidak ada termaktub pun dalam peraturan tetap soalan mana yang perlu wujud didahulukan. [*Dewan riuh*][*Tepuk*] Ini adalah soal *convention*. Soal *political convention*, tetapi itu pun tertakluk kepada budi bicara Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah kuasa Tuan Yang di-Pertua. Jadi untuk tidak menghabiskan masa lagi, sekarang kita tumpukan perhatian kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh wakil rakyat. Soalan pertama, Tuan Razali bin Haji Ibrahim.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Tuan Razali bin Haji Ibrahim.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** A'udzubillahiminasyaitannirrajim. Bismillahirrahmanirrahim.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, sila Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya, *point of order*. Saya harap *bigfoot* dari Kinabatangan tidak akan mengganggu saya apabila saya... [*Ketawa*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You under creature*. Berdirilah kalau berani!

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ha, *bigfoot*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan, tolonglah...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Peranan *bigfoot*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan):** *You big monkey! Big monkey!*

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Bigfoot sit down*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Bukan Ahli Yang Berhormat Kinabatangan, *big foot*. Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada Peraturan 2(1)...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Memang *a bigfoot, you big monkey*.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Menetapkan kerusi Ahli-ahli. Ini adalah mengenai Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Pasir Mas. Yang Berhormat Pasir Mas adalah satu tata politik yang bertanding atas simbol PAS, tetapi dia ada duduk dalam Dewan yang mulia ini sebagai Ahli Bebas. Bolehkah saya dapat tahu apa profesion dia ke dalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya tidak akan melayan lagi *point of order* mengenai dengan soal-soal remeh.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ini bukan remeh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini remeh oleh sebab untuk menetapkan siapa yang duduk di mana, itu adalah budi bicara Dewan, dan itu adalah kuasa saya. Saya telah menetapkan bahawa di mana Ahli Yang Berhormat duduk patut duduk, maka di situlah duduk. [*Tepuk*] Sila, Tuan Razali bin Haji Ibrahim.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Hendak tanya soalan nombor satu pun sudah dekat setengah jam.

1. **Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]** minta Perdana Menteri menyatakan pendekatan baru dan bagaimanakah kerajaan bercadang untuk terus menambah baik kualiti kehidupan rakyat terutamanya dalam aspek peneguhan kuasa beli pengguna, keselamatan awam dan integrasi kaum.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Jemaah Menteri yang pertama yang diadakan pada 9 Mac 2008 telah pun mengambil kira keputusan pilihan raya yang telah pun diadakan dan isu-isu yang telah pun menjadi isu yang penting yang ada hubung kait dengan kepentingan rakyat.

Oleh itu, beberapa langkah telah pun saya maklumkan kepada Jemaah Menteri supaya diambil tindakan. Yang pertamanya ialah yang berkaitan dengan sudah tentu berkaitan dengan kenaikan harga barang, berkaitan dengan harga minyak yang kian meningkat dan sekarang pun harga minyak telah naik USD120 bagi satu *barrel*.

Ini adalah satu situasi yang tentu sekali akan membawa banyak kesan yang akan juga menimbulkan banyak kesusahan kepada rakyat, terutama sekali apabila ia melibatkan pula nanti kenaikan harga barang-barang dan kenaikan-kenaikan kepada pengangkutan dan sebagainya. Di samping itu juga, oleh sebab kedudukan yang ada sekarang ini, maka apa yang diperlukan, langkah pertamanya, saya telah pun memastikan supaya tindakan-tindakan diambil untuk menangani isu ini.

Sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada ahli Jemaah Menteri dan juga pegawai-pegawai tinggi telah pun diwujudkan untuk membincang dan mencari langkah-langkah yang boleh membawa kepada penyelesaian ataupun kepada pendekatan-pendekatan yang akan membantu mengurangkan beban rakyat oleh sebab masalah yang saya sebutkan tadi yang berpunca daripada kenaikan harga minyak itu.

RM4 bilion telah pun kita peruntukkan untuk tujuan memastikan akan adanya bekalan negara yang cukup. Dasar yang berkaitan dengan dasar *food security policy* ataupun dasar menjamin barang makanan yang cukup telah pun saya umumkan dan sedang diperhalusi sekarang ini. Di samping itu juga, wujudkan stok penimbal. Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun ditugaskan untuk menjadi agensi utama bagi mencadangkan secara terperinci stok penimbal yang dimaksudkan itu dan kertas kerjanya telah pun siap dan telah pun dimaklumkan dan akan dibentangkan oleh Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang akan datang.

#### ■1030

Yang keduanya juga ada langkah-langkah lain yang perlu untuk memastikan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh rakyat itu dapat diutamakan. Ini sudah semestinya ada hubung kait dengan langkah untuk mengkaji semula atau yang berkaitan dengan kajian separuh penggal, *midterm review* bagi Rancangan Malaysia Kesembilan di mana telah pun ditetapkan pendekatannya mestilah mengutamakan projek-projek yang ada kepentingan rakyat artinya *people oriented project*. Ini terpaksa dilakukan kerana kenaikan harga barang sudah semestinya membawa kesan kepada peruntukan-peruntukan yang telah disediakan.

Peruntukan-peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah dikira berasaskan daripada harga minyak yang dahulunya yang jauh lebih murah, lebih rendah daripada harga minyak yang ada pada hari ini. Maka ini akan menyebabkan nanti peruntukan itu tidak cukup jika sekiranya ia mempunyai peruntukan untuk melaksanakan sesuatu program ataupun projek ataupun juga apa-apa program ataupun

rancangan-rancangan yang lain yang diperlukan oleh rakyat dan untuk kemajuan negara kita. Maka dalam me'*review*'kan semua ini, maka keputusan yang diambil kalau ada projek-projek yang terpaksa dikurangkan peruntukan ataupun ditangguhkan pelaksanaannya pastikanlah projek-projek yang ada hubung kait dengan kesejahteraan dan kesentosaan rakyat itu tidak dikorbankan.

Ini termasuk perkara-perkara yang ada hubung kait dengan projek-projek prasarana dan kemudahan-kemudahan yang lain di kawasan-kawasan luar bandar ataupun di bandar-bandar, di mana terdapat golongan kemiskinan yang juga ramai iaitu kawasan-kawasan yang sekarang ini didiami oleh setinggan dan juga langkah-langkah perlu diambil untuk memperbaiki kehidupan mereka dengan membekalkan rumah-rumah murah yang mampu disewa ataupun yang mampu dibeli.

Begitu juga, kita mahu mengurangkan jurang pendapatan di kalangan dan di antara golongan etnik di samping memastikan kesaksamaan untuk semua rakyat Malaysia ini sedang diberi perhatian dan sekarang ini apa yang kita laksanakan melalui pembentukan Kabinet, jawatan ataupun portfolio mengenai perpaduan itu telah pun dipindahkan kepada satu kementerian penuh iaitu Kementerian Kebudayaan dan Warisan dan juga Kementerian Perpaduan serta dapat memfokuskan kepada perkara-perkara berkaitan. Dalam manifesto telah pun dimasukkan iaitu manifesto parti Barisan Nasional untuk pilihan raya yang diadakan baru-baru ini diutamakan juga pembangunan bagi pembangunan yang berkaitan dengan kawasan-kawasan Kampung Baru. *Is a master plan* untuk kemajuan Kampung Baru dan itu perlu dilaksanakan dan ini pun telah dimasukkan juga dalam *review* Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang keduanya yang berkaitan dengan pembangunan komuniti rakyat Malaysia yang ada di kawasan-kawasan yang dulunya adalah kawasan estet, kawasan *plantation* dan yang ketiganya juga yang ada hubung kait dengan rakyat Malaysia yang ada di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Itu merupakan satu pendekatan yang memerlukan peruntukan tambahan dan adalah diharapkan daripada RM4 bilion yang ditetapkan itu akan ada sekian peratus untuk tujuan tersebut dan kalau tidak maka ia perlu dibawa daripada peruntukan-peruntukan yang lain.

Mengurangkan jenayah akan diteruskan kerana ini pun akan menjadi satu kesusahan kepada rakyat kita dan langkah-langkah yang telah pun diambil. Saya biasa umumkan iaitu meningkatkan keupayaan PDRM daripada segi anggota menambahkan bilangannya dan juga menambahkan segala keperluan dan peralatan yang diperlukan. Di samping juga sebagai langkah cepat yang mesti diambil ialah mengutamakan pendekatan iaitu bagi anggota polis yang masih sihat yang rekodnya baik kalau mereka telah bersara dalam tiga tahun dahulu, maka mereka boleh diambil balik untuk bekerja bagi menambah kakitangan yang diperlukan dan bagi mereka yang bercadang yang mengikut rekod akan bersara dalam tiga tahun yang akan datang maka mereka juga akan ditawarkan untuk terus berkhidmat.

Di samping itu untuk mempercepatkan lagi kemudahan-kemudahan yang lain, kemudahan seperti keperluan balai-balai polis maka kita utamakan balai-balai itu biarlah kepada bangunan-bangunan yang sudah wujud pada masa sekarang ini dan boleh disewa. Mungkin daripada segi keperluannya dan kemudahannya itu tidak sama seperti balai polis kerana bangunan-bangunan ini distrukturkan mengikut keperluan yang lain tetapi ia masih boleh diubahsuai untuk tujuan yang berkenaan. Ini adalah langkah-langkah awalan supaya di kawasan-kawasan di mana diperlukan balai polis itu diwujudkan maka ia dapat diwujudkan dengan cepat.

Di samping itu juga saya telah umumkan baru-baru ini iaitu yang berkaitan dengan pembaharuan yang berkaitan dengan sistem keyakinan dan juga yang berkaitan dengan BPR, kita juga mengakui bahawa perkara ada hubung kait dengan hubungan kaum ini adalah perkara yang penting dan juga yang berkaitan dengan agama yang juga menjadikan perkara yang penting maka ini adalah perkara yang perlu ditangani segera dan perbincangan-perbincangan sedang dilaksanakan dengan aktifnya adalah menjadi satu kehendak saya supaya kita dapat dihubungkan dengan secepat mungkin.

Lagi satu, walaupun usaha-usaha untuk menambahbaikkan lagi sistem perkhidmatan yang diberikan pada rakyat (*public service delivery system*), dengan izin Tuan Yang di-Pertua jadi usaha untuk menambahkan kebaikan, kecekapan dan integriti perkhidmatan awam itu juga dilaksanakan dengan baik dan akan ditambahkan lagi kerana kejayaan yang diperolehi pada peringkat ini walaupun sudah nampak jelas ada penambahan kebaikannya, tetapi masih belum mencukupi dan usaha-usaha itu akan diteruskan maka dengan cara ini kita harap akan membawa kepada *improvement* secara menyeluruh bukan hanya khidmat yang hendak diberi kepada kaunter tetapi juga daripada segi kecekapan untuk menguruskan keperluan-keperluan yang lain supaya dapat ditingkatkan, dipercepatkan dan ini adalah untuk kebaikan rakyat dan juga akan menjadi kebaikan juga kepada pihak swasta kerana apabila tindakan dan keputusan dapat diambil dengan cepat dia akan membantu mengurangkan kos perbelanjaan atau kos perniagaan dan juga di samping itu juga ia akan dapat menambahkan lagi pelaburan dan memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur daripada luar negeri. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Datuk Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Pasir Mas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat..

**Datuk Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** ...soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana sudah kita menghabiskan masa begitu banyak untuk menteri menjawab kepada soalan-soalan asal pada persidangan kali ini saya tidak membenarkan soalan tambahan.

Datuk Bung Moktar bin Radin.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kaji perkara ini, mana boleh tidak ada soalan tambahan. Ini *unprecedented*, kali yang pertama dalam sejarah Malaysia 50 tahun mana boleh tidak ada soalan tambahan. Ini *ridiculous, mockery* dalam Parlimen, mesti beri tentulah tidak hormatnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang ke sini pun, kalau begitu apa guna datang lebih baik baca sahaja. Mesti, ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Timur.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *The meaning of parliament, question time.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk dulu, sila duduk dahulu. Ahli Yang Berhormat sila duduk dahulu, duduk dulu semua, saya buat keputusan. Ahli-ahli Yang Berhormat semua yang kita duduk dalam dewan ini mengerti apa itu sistem demokrasi. Apa yang dihujah oleh Ipoh Timur semua kita faham, yang mendengar kita dalam persidangan ini adalah semua rakyat Malaysia.

Soalan-soalan yang dikemukakan itu adalah soalan-soalan penting yang sebelum ini juga telah menjadi liputan akhbar ada Yang Berhormat tidak menyampaikan soalan, jadi saya tidaklah bermaksud untuk tidak membenarkan soalan-soalan tambahan tetapi itu adalah keputusan saya kerana kita telah menghabiskan masa *point of order* yang Ahli-ahli Yang Berhormat semua tahu bahawa saya akan membuat keputusan yang mesyuarat mesti berjalan dengan lancar. Hari ini bukan hari pertama dan hari penghabisan kita bersidang, banyak lagi perkara-perkara penting yang akan kita bincang dan soalan kedua ini adalah untuk rakyat juga, soalan ketiga seterusnya adalah daripada Ketua Pembangkang sendiri.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua pun mustahak. Sila.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** ...kalau ya pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Bung Moktar bin Radin. Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan untuk kepentingan rakyat.

**Beberapa Ahli:** [Bangun][Dewan riuh]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bagaimana kita mahu tahu di mana peraturan beri kuasa oleh Yang di-Pertua untuk mengharamkan soalan tambahan. Ini tidak boleh diterima dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berdiri, ini ...untuk jaga *first world parliament*, ini *'ten world parliament'*, ini *ten world parliament* tidak mahu, mana boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Timur, tolong duduk dahulu Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [Bercakap tanpa pembesar suara] ...pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau ini satu konspirasi untuk menyekat suara 82 Ahli Parlimen pakatan Rakyat, kita mahu *ruling* yang jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Timur, peraturan 42 menyatakan bahawa apabila Tuan Yang di-Pertua bercakap semua duduk, saya tidak bercakap mengharamkan soalan tambahan, dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat apabila Yang di-Pertua bercakap tidak ada siapa boleh bercakap dan kalau Tuan Yang di-Pertua belum panggil untuk seseorang bercakap tidak siapa yang boleh bercakap cuma yang saya terpaksa layan apabila seorang Ahli Yang Berhormat berdiri untuk menarik perhatian saya kepada *point of order*, itu terpaksa saya kasi laluan kerana *point of order, convention* tetapi pada hari ini saya perlu jelaskan bahawa soalan tambahan itu akan saya benarkan tetapi masa sudah panjang kita gunakan, soalan-soalan asal banyak lagi yang belum kita jawab dan itu juga semua penting.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Yang Berhormat Perdana Menteri.

**Perdana Menteri:** Dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua boleh buat banyak keputusan yang berkaitan dengan peraturan tetapi bolehkah saya minta izin kepada Yang di-Pertua untuk mendengar satu atau dua soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Ahmad Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. [Dewan riuh][Ramai Ahli bangun]

Pontian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cuma benarkan satu soalan tambahan dan saya minta Ahli Yang Berhormat...saya belum ...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Pasir Mas dulu Tuan Yang di-Pertua. Saya dah bangun dahulu, saya tanya dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat yang saya sebut nama...

**Tuan Ahmad Maslan [Pontian]:** Pontian.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Jelutong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Marang ya, sila, yang lain duduk. Sila.

#### ■ 1040

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** ...menaikkan harga komoditi sawit, getah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Marang, Marang, Marang dahulu.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Oleh kerana masalah ini masalah yang nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.



**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Masalah yang besar, kerajaan tidak boleh memikul bebanan secara bersendirian, dan kesannya melibatkan seluruh rakyat dan seluruh pihak. Untuk menangani masalah ini, tidak cukup dengan peruntukan kewangan sahaja. Pelaksanaan mestilah satu pelaksanaan yang benar-benar ikhlas, telus dan berkesan dan memerlukan sikap kerjasama daripada semua pihak.

Pernah beberapa tahun yang lalu, pihak kerajaan menubuhkan Majlis Perunding Ekonomi Negara, MAPEN yang melibatkan semua pihak, bukan sahaja kerajaan termasuk parti-parti yang tidak dalam kerajaan... [Disampuk][Dewan riuh] ...ahli akademik, NGO dan lain-lain.

Adakah kerajaan bersedia mengambil tanggungjawab bersama untuk mengembalikan majlis yang seperti itu, dan tidak separuh jalan seperti MAPEN dahulu dan mestilah ianya secara berterusan bagi menangani masalah tersebut dengan cara yang lebih berkesan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan. Terima kasih atas soalan itu. Yang pertama ialah, apabila jawatankuasa yang berkaitan dengan kenaikan harga hendak ditubuhkan, telah pun kita putuskan dan nama-nama telah pun dikemukakan sebenarnya. Saya hendak umumkan, tetapi sudah... oleh sebab perkara ini sudah timbul sekarang ini, biarlah saya memaklumkan secara ringkas bahawa, satu jawatankuasa yang akan terdiri daripada bukan hanya kepimpinan dalam kerajaan tetapi juga yang akan juga diwakili oleh pihak swasta, oleh pihak *civil society*, oleh pihak NGO, oleh pihak juga daripada peniaga, pengusaha dan para akademik juga akan dilantik untuk menganggotai jawatankuasa yang telah pun ditubuhkan. Kira-kira dalam 30 orang, itulah bilangan yang telah ditetapkan.

Yang keduanya, yang berkaitan dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Marang, saya ingin juga menyatakan semalam sebenarnya. Ini pun saya terpaksa juga kena sebut, pasal semalam telah pun diputuskan iaitu satu mekanisme, satu majlis yang ada kata ala MAPEN itu telah pun diputuskan oleh Dewan Tertinggi Barisan Nasional untuk dilaksanakan, dan telah pun ditetapkan sebuah jawatankuasa untuk hendak menentukan dia punya kriteria dan format-format yang hendak dipersetujui bersama, supaya bila kita sudah dapat ditetapkan dengan betul, maka mudahlah cadangan itu dikemukakan. Dengan itu akan ada satu perbincangan, satu *consultation* yang akan melibatkan seramai mungkin, termasuk juga nanti wakil-wakil daripada parti-parti pembangkang.

Saya sangat menghargai cadangan atau pendapat bahawa perkara ini adalah bukan perkara yang hanya kerajaan sahaja yang perlu menanganinya kerana kenaikan harga barang, implikasi terhadap ekonomi, kenaikan harga petrol ini adalah perkara yang menjadi penting bagi semua rakyat di desa, di bandar, semua rakyat sebenarnya, semua lapisan masyarakat sebenarnya. Maka dengan itu adalah amat penting jika sekiranya pandangan-pandangan daripada semua yang berkenaan didengar dan dapat dikumpulkan dalam satu bentuk tindakan yang akan dapat kita jayakan bagi kebaikan rakyat kita, bagi kebaikan negara dan bagi kebaikan ekonomi kita. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah buat ketetapan untuk satu sahaja soalan tambahan.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Point of order*, Tuan Speaker, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Speaker, *Point of Order* 24(3). Saya baca apa yang jadi isi kandungan peraturan itu, "Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan ahli-ahli mengeluarkan tidak lebih daripada tiga pertanyaan tambahan bagi setiap pertanyaan." Tiga, tidak lebih daripada tiga. Bukan satu konvensyen seperti mana

ada disuarakan oleh Tuan Speaker tadi, bukan konvensyen dan Tuan Speaker ada dengan umum menyatakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** ...*stick by the rules*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gelugor, Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan, boleh. Kalau dia benarkan, boleh. Kalau dia tidak benarkan, tidak juga boleh. [*Tepuk*]

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Konvensyen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi bermakna saya tidak benarkan.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ini bukan konvensyen. Ini peraturan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalaupun ia peraturan, sama juga risiko tindakan saya itu. Bermakna, boleh. Kalau boleh, bolehlah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Boleh menjadi "Malaysia Tidak Boleh" selepas mereka tsunami, 18 Mac. "Malaysia Boleh" menjadi "Malaysia Tidak Boleh".

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Timur, Ipoh Timur, kalau pun umpamanya kita mengetengahkan hujah dalam Parlimen ini, bukanlah ada kaitan dengan politik atau apa yang terjadi di luar. Kita fahamlah apa yang disebut oleh Ipoh Timur mengenai dengan tsunami ini, tetapi tanggungjawab saya sebagai Tuan Yang di-Pertua ialah menentukan semua persidangan kita jangan kecoh. Kita bersidang dengan cara yang baik, supaya persidangan dapat berjalan dengan lancar.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah kepada Tuan Yang di-Pertua, jangan layan ini semua. Bukit Gelugor sikit-sikit *point of order, point of order, point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Salak, sila, sila duduk.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini mengambil...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pasir Salak sila duduk dahulu, sila duduk, sila duduk.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tiap-tiap kali ada *point of order*.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Speaker, *point of order*.

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*] [*Menyampuk*] [*Bangun*]

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Speaker, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk dahulu semua. Dalam peraturan mesyuarat kita, seseorang ahli tidak boleh bercakap, sehingga dipanggil oleh Tuan Yang di-Pertua. [*Disampuk*] [*Dewan riuh*] Kalau semua bercakap serentak, macam mana boleh? Dan menurut peraturan tetap, apabila seseorang ahli menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan soal *point of order*, saya terpaksa layan, tetapi Ahli Yang Berhormat apabila sebelum berhujah menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dengan *point of order*, fikir dahulu baik-baik sama ada *point of order* itu benar-benar membantu demokrasi kita, yang kita semua laung-laungkan ini ataupun adalah semata-mata...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...teknikal untuk melambat-lambatkan persidangan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Speaker.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak lagi perkara-perkara yang perlu kita bincang.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Speaker, *point of order*. [Ketawa] *point of order*, Tuan Speaker.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Speaker.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Speaker, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila lagi, Bukit Gelugor. Saya harap daripada Bukit Gelugor, *point of order* ini tidak ada lagilah untuk hari ini.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Mana boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ada *point of order*, Tuan Speaker. Jangan main-main.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Gelugor, sila, sila, *point of order*.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ha, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya baca apa yang saya baca tadi dalam bahasa Malaysia. Dalam bahasa Inggeris adalah ini, "Tuan Yang di-Pertua *may allow not more than three supplementary...*". *May allow*. Tuan Speaker...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia tidak baca habis, macam mana?

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Speaker, saya belum habis. Ini bermakna Tuan Speaker ada budi bicara, tetapi budi bicara itu harus dijalankan dengan keadilan, bukan sebagai satu diktator di sini.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Adillah itu.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Kami tidak boleh terima itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Gelugor. Yang Berhormat Bukit Gelugor sendiri telah pun memberi pengertian, "*may*" budi bicara, *discretion*. *I have applied the discretion*.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *You have not*.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Speaker.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *Point of order*. Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Speaker, saya... Shah Alam ingin...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Speaker, Peraturan Mesyuarat 35(4). Saya bangun dahulu, saya hendak menarik perhatian masa dan cara bercakap. Yang Berhormat dari Bukit Gelugor bercakap duduk, dia tidak pernah minta pun untuk berdiri. Ini pun melanggar peraturan. [Dewan riuh] [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini sudah keterlaluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon Yang Berhormat Pasir Mas tarik balik. [*Tepuk*] Kita tidak boleh menghina macam itu. [*Tepuk*] Saya pohon keputusan Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon tarik balik. Pohon Yang Berhormat Pasir Mas tarik balik kata-kata sedemikian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah tolong duduk.

■1050

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya pohonlah satu keputusan.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Speaker...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, bila orang ganggu saya, saya tak pernah pun usik. Bila saya usik sikit pun dah melenting.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Apa usik-usik ini?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *Shut up.* Saya bercakap Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Speaker...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya Ahli Parlimen bebas, saya bercakap. Kalau dulu, tadi pun saya diungkit. Nama saya disebut. Saya *behave just because I want to be a world class parliamentarian. That's all.*

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Speaker...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Speaker, saya belum habis.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Speaker...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bolehkah saya minta kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat untuk pada setiap persidangan, menunjukkan sifat-sifat pemimpin, betul-betul pemimpin pada pandangan rakyat. Janganlah perkara-perkara dengan soal teknikal dan remeh kita bincang sini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor dua.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya belum habis lagi bercakap.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Menurut peraturan tetap, sila, sila, sila. Menurut peraturan tetap, seseorang ahli tidak boleh pun mulai untuk mengeluarkan satu perkataan, kalau tidak dipanggil oleh Yang di-Pertua, kecuali *point of order*. Apabila *point of order* ada, terpaksa saya alih pandangan kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan *point of order*. Sebelum pun saya panggil Yang Berhormat berkenaan, seharusnya tidak boleh berhujah. Tetapi malangnya, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum dipanggil pun sudah bercakap, tetapi mahu *raise point of order*, yang sendiri dia pun bukan *in order*. Jadi tolong bagi kerjasama. Kalau *point of order* itu betul-betul menghalang persidangan Parlimen yang beroperasi, tidak apa, saya dengar. Tetapi kalau untuk soal remeh, saya telah tegaskan beberapa kali, tolong jangan bangkitkan lagi dan satu lagi, jangan luahkan hujah-hujah *unparliamentary*. Semua Ahli Yang Berhormat tahu ini. Kalau perkataan-perkataan itu tidak Yang Berhormat sanggup untuk luahkan di luar Dewan, kenapa harus diluahkan di dalam Dewan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Point of order*, Tuan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila lah *point of order* satu lagi.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** 24(3).

**Tuan Yang di-Pertua:** Daripada tadi kita berbincang dengan soal *point of order* saja, rakyat di luar sana tidak tahu dengan soal *point of order* ini. Yang dia cuma tahu macam mana kebaikan masyarakat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Speaker...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kehidupan mereka setiap hari bukan teknikal-teknikal yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Point of order*, Tuan Speaker...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila, sila.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Memandangkan ianya persoalan budi bicara Tuan Speaker dan memandangkan bahawa persoalan ini adalah satu persoalan yang penting dan bukan soalan yang remeh seperti mana yang disebutkan pada awal-awal persidangan tadi, saya memohon Tuan Speaker membenarkan lebih daripada satu persoalan. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]:** Tuan Speaker, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah pun beberapa kali membuat *ruling*, tetapi nampaknya *ruling* Tuan Yang di-Pertua tidak juga diendah. Saya boleh menggunakan kuasa-kuasa yang ada pada diri saya dalam peraturan tetap ini. [*Mengangkat buku Peraturan Mesyuarat*] Tetapi saya tidaklah sampai menggunakan kuasa-kuasa saya kerana apabila saya gunakan kuasa saya yang terkandung dalam ini, boleh. Tetapi, saya juga termasuk menteri-menteri sebelah kanan ini mahu menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat demi untuk kepentingan rakyat. Bagi saya, apabila mesyuarat berjalan dengan licin, apabila persoalan yang dibangkitkan dapat dijawab dengan baik, itu kepentingan rakyat. Sila soalan nombor dua.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Speaker...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Speaker, Kuala Selangor.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Speaker, *Point of Order* 36 (4) dengan izin. Saya bersetuju dengan nasihat Tuan Speaker supaya Dewan yang mulia ini membahaskan secara tertib dan sopan. Saya juga menjunjung kasih Titah Tuanku semalam supaya perbahasan dalam Dewan Rakyat ini menggunakan bahasa yang baik dan berhemah. Justeru itu, saya ingin mendapat keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua mengenai kenyataan yang dikeluarkan oleh Ahli Parlimen Pasir Mas terhadap Ahli Parlimen Bukit Gelugor sebentar tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya membuat keputusan, saya suka ingatkan balik kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Mulai daripada saya buat keputusan ini, elakkan diri daripada menggunakan perkataan-perkataan *unparliamentary*.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang *unparliamentary* perkataan saya, saya kata *shut up*. *Shut up* itu bahasa Melayu diam, apa menghinanya. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat boleh hina orang lain, sekali sekala orang hina Yang Berhormat terima lah. *Just be gentleman*. Saya bercakap *without fear and favour*. Saya tidak memihak pada mana-mana. Tapi tolong supaya kalau kita nak tunjuk kita sebagai *good parliamentarian*, saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Siapa yang *unparliamentary*, ini semua Tuan Yang di-Pertua gara-gara sebab secara langsung setengah jam sebab nak masuk TV semua ni. Itu saja. Terima kasih. [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Pasir Mas. Sila duduk. Boleh kita persetujui bahawa semua jangan menggunakan perkataan *unparliamentary*.

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Sila duduk dan bertenang semua. Duduk dulu. Bolehkah soalan kedua kita mahu dengar supaya dijawab oleh menteri?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor dua.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Peraturan mesyuarat, *point of order*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa ni Yang Berhormat Kuching?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Satu pertanyaan untuk jawab lisan. Satu, tidak boleh melebihi 40 perkataan. Ini soalan kedua lebih, saya sudah kira, 50 perkataan, tak ada budi bicara untuk membenarkan soalan ini dibangkitkan. Oleh itu, itu adalah *point of order*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, terima kasih. Kuching, *you* ada kirakah soalan nombor tiga berapa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kinabatangan, Kinabatangan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya belum habis, saya belum habis.

**Seorang Ahli:** *Shut up!*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You shut up!*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis. Biarkan saya habis.

**Seorang Ahli:** Duduklah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya belum habis hujah saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kinabatangan, sila duduk dan Bandar Kuching sila duduk.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya belum habis.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat ada kira ke soalan nombor tiga?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tadi Tuan Yang di-Pertua kata..

**Tuan Yang di-Pertua:** Kinabatangan dan Bandar Kuching sila duduk.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Point of order, point of order.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk. Saya perlu buat keputusan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Belum habis.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Belum habis *argument* saya. Belum habis.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Semua diam.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Adakah Tuan Yang di-Pertua akan mengetepikan apa-apa yang diperuntukkan dalam *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kerana orang yang melanggarnya BN BBC'S *Deputy Chairman*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Adakah ini adil?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah tahu apa maksud *point of order* yang Yang Berhormat bangkitkan tadi. Saya tahu. Tapi apabila sesuatu soalan telah dimasukkan dalam kertas Peraturan Mesyuarat, bermakna Pejabat Tuan Yang di-Pertua telah menimbangkan supaya ianya boleh dimasukkan kerana nanti ada mungkin daripada pihak

Yang Berhormat pula yang bertanya panjang sikit, pun kalau kita timbang, perlu untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri kerana kepentingan rakyat, maka kita pun masukkan jugalah pada masa-masa akan datang.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan ini diwujudkan ada *purposenya*.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak minta, saya sentuh sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat yang lain sila duduk dahulu.

**Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, sila duduk dulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya tidak pakai *point of order*, saya cuma minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu, duduk dulu, Tuan Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batu Gajah, Ahli Yang Berhormat terlampau ingin sangat untuk menimbulkan *point of order* bermakna Ahli Yang Berhormat memikirkan diri Yang Berhormat seorang yang *always in order*, tetapi belum pun dipanggil oleh Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bercakap. Bukankah itu juga melanggar *point of order*?

**Seorang Ahli:** Betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan mengeluarkan cakap dulu sebelum dipanggil. Jadi kalau kita mahu kritik dengan Ahli Yang Berhormat yang lain kerana mereka *not in order* sendiri itu tengok dulu *in order* ke tidak. Ikut dulu peraturan tetap itu baru tegur kawan lain.

■1100

**Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Persidangan Dewan ini bukan untuk *shouting match* bagi saya. Ini adalah percambahan pemikiran bernas. *[Tepuk]* Bukan untuk lain.

**Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]:** Merujuk kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi, yang mengatakan soalan kedua lebih daripada 40 perkataan. Saya telah kira perkataan soalan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dan di situ juga perkataan di situ lebih daripada 40 perkataan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu belum, itu belum.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jangan bangkitkan isu ini dahulu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Menyampuk][Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sekarang soalan nombor dua. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Rembau tidak tahu *point of order*. *Sit down* lah.

**Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]:** Perkataan yang ada dalam soalan Ketua Pembangkang ini...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Apa yang dia kata tak ada *point*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Hantar Rembau pergi kursus.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*] [*Dewan riuh*]

**Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]:** Tidak boleh ada *double standard* Tuan Yang di-Pertua. Dalam soal *point of order* tidak boleh ada *double standard*. *Not calling the captain's rights*. [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sehingga soalan ketiga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sekarang soalan nombor dua.

**Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]:** Kemudian ditanya oleh pihak *Backbencher* Barisan Nasional.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat kalau Tuan Yang di-Pertua bercakap, jangan ada seorang pun yang bercakap. Itu peraturan tetap.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tapi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masalah ini, Tuan Yang di-Pertua tidak membuat apa-apa keputusan. Oleh itu, memang Dewan ini tidak boleh diteruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana saya buat keputusan, kalau keputusan yang saya buat daripada tadi tidak diendahkan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kita mesti...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Izinkan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang Puchong duduk dahulu. Puchong duduk dahulu dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk. [*Dewan riuh*]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Di mana *offensive language*. Di mana diminta ahli dari Pasir Mas untuk menarik balik? Namun tidak ada sebarang keputusan dibuat dan bukan sahaja berkenaan dengan perkara itu, nampaknya semua *point of order* yang dibangkitkan, Tuan Yang di-Pertua tidak membuat keputusan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Oleh itu, memang mesyuarat di dalam Dewan ini tidak boleh diteruskan. Sebagai Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua harus memberi keutamaan kepada *standing order* ini dan harus memastikan bahawa ianya ditegakkan dengan membuat keputusan bukan dengan macam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Puchong. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Point of Order* 44(1), saya minta Tuan Yang di-Pertua gunakan 44(1) untuk mengawal keadaan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** [*Menyampuk*]



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya minta kerja sama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di dalam Dewan yang mulia ini, adalah pemimpin-pemimpin negara. Saya benar-benar berasa berat hati untuk berhujah seperti begini, kerana dalam saya berhujah ini pun semua rakyat Malaysia membuat tumpuan kepada Dewan Parlimen.

Nampaknya ramai daripada kita yang mementingkan perkara-perkara yang saya anggap tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat semua. Kita akan berada dalam Dewan ini berminggu-minggu dan satu, dua tahun lagi akan datang. Bayangkan kalau setiap persidangan, kita buat seperti begini, *shouting match*. Bayangkan. Adakah kita dapat buat kerja sebagai wakil rakyat yang efektif atau tidak?

Sekarang ini hampir satu jam habis dengan soalan-soalan ataupun *point of order*, *point of order*, yang juga akan saya buat keputusan. Tadi yang lain juga sudah pun saya buat keputusan. Parlimen bagi saya adalah sebagai satu forum yang tertinggi untuk *gentlemen* dan *ladies* bercambah fikiran *to the utmost*. Bukan dengan soal-soal teknikal. Kalau ada di antara Yang Berhormat yang tidak berpuas hati dengan apa yang dihujah sebelah, bahaslah dengan sepanjangan dan sebaik mungkin.

Jadi apa yang terjadi lebih kurang satu jam ini, adakah ini melambangkan demokrasi? Dipandang oleh masyarakat di luar sana? Terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menilai diri sendiri. Saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, cuma duduk di sini untuk mendengar kedua-dua belah pihak, tetapi malangnya yang menimbulkan *point of order* itu sendiri pun juga melanggar *point of order*. Belum pun dipanggil oleh Tuan Yang di-Pertua, sudah pun bercakap. Macam mana? Siapa pun yang duduk di sini sama ada daripada pihak pembangkang, pihak kerajaan ataupun orang luar, kalau terbiar seperti ini tidak juga dapat bermesyuarat.

Jadi kalau kita tidak dapat bermesyuarat dan bercambah fikiran dengan baik, amalan demokrasikah ini? Kalau boleh pada hari pertama ini, kita teruskan dahulu...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, nasihat yang diberi kami terima. Teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Jangan buang masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini lagi daripada Bukit Gelugor ini.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum pun ada *point of order*, belum pun apa, seharusnya Bukit Gelugor adalah satu pemimpin yang paling lama dalam Parlimen.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan di atas isu-isu yang telah dibangkitkan. Bukan nasihat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua yang melambatkan. *As far as you are concerned*.

**Tuan Haji Salleh bin Kalbi [Silam]:** *Point of order*. Tuan Yang di-Pertua *point of order*. *Point of order* merujuk kepada Peraturan 44(2). Saya melihat Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Puchong, dia seolah-olah tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mencadangkan di sini supaya Tuan Yang di-Pertua menggunakan kuasa-kuasa tersebut. Mereka ini dilihat sebagai berkelakuan yang tidak senonoh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat dari Silam.

**Tuan Haji Salleh bin Kalbi [Silam]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah nyatakan awal-awal tadi, saya boleh menggunakan kuasa saya, tetapi saya enggan menggunakan kuasa saya. Buat apa saya menggunakan kuasa saya semata-mata untuk memuaskan diri saya. Saya tidak akan

berbuat demikian. Sekarang kita berbahas ini pun ditengok oleh masyarakat Malaysia, keseluruhan.

Jadi kalau boleh, kalau pun ada *point of order*, *point of order* yang sekarang masih terpendam di dada masing-masing. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua minta kerjasama daripada semua, termasuk Ketua-ketua Pembangkang tiga parti dan termasuk kerajaan. Bolehkah kita terus persidangan dengan saya memanggil soalan nombor dua?

**Beberapa Ahli:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Alhamdulillah. Soalan nombor 2.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, *point of order*. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, *point of order* yang saya bangkitkan. Ini adalah melanggar peraturan mesyuarat 23 (1)(r). Adakah Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bandar Kuching, Bandar Kuching. Sudah juga tadi semua saya minta kalau bolehkah kita teruskan? Semua...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya dengar boleh.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Peraturan harus dipatuhi.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Itu yang jelas.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu adalah *purpose* kita mengadakan satu peraturan yang harus dipatuhi. Tak akan kerana dia seorang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Beliau seorang Timbalan *Backbencher*. Oleh itu, tidak payah patuhi peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bandar Kuching, saya sudah buat keputusan saya. Saya kata, mana soalan yang telah dimasukkan dalam sini, bermakna Tuan Yang di-Pertua sudah buat keputusan. Maka itu kita beri masuk dalam soalan. Peraturan mesyuarat. Sudah buat tindakan pun.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, tetapi walaupun sudah buat tindakan, tetapi ia masih tidak mematuhi...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Menyampuk]

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...peraturan-peraturan mesyuarat. Ini tidak dapat kita lari. Ini adalah satu *fact*. Satu *fact* tak dapat kita lari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bandar Kuching, Bandar Kuching, saya suka ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau nanti mengeluarkan soalan, kira daripada dot, koma, angka, *semicolon*, *inverted commas*, kira. Itu keputusan saya, dan untuk sekarang ini, apa yang termasuk dalam peraturan kita teruskan dahulu. [Tepuk] Datuk Bung Moktar bin Radin, sila kemukakan soalan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Empat kali sudah saya kemukakan soalan.

2. **Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah pendekatan serta langkah berkesan kerajaan dalam memastikan pembangunan menyeluruh di kawasan bandar dan luar bandar; dan

- (b) apakah penekanan tindakan kerajaan ke arah menyediakan bekalan air bersih, elektrik dan cadangan pelaksanaan jalan raya di kawasan luar bandar seperti di Simpang Sogo-Sogo Kg. Pinangan dan jalan raya luar bandar ke Kg Kuamut, Kinabatangan.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), dasar pembangunan luar bandar dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, adalah menjurus kepada membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh tegar. Kadar kemiskinan luar bandar dan seterusnya menangani ketidakseimbangan susur ekonomi yang meliputi jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar. Jurang pembangunan antara wilayah dan juga jurang digital.

Dalam usaha memastikan matlamat dasar ini dicapai sepenuhnya, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menetapkan tumpuan pelaksanaan kepada enam Strategik Teras Pembangunan Luar Bandar iaitu:

- (i) meluaskan liputan dan meningkatkan kualiti prasarana asas, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar dengan mempergiatkan pelaksanaan program-program prasarana luar bandar seperti jalan luar bandar, projek jalan kampung, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan program ameniti sosial;

■1110

- (ii) membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kadar kemiskinan luar bandar kepada 5.9% pada tahun 2010 melalui pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan tegar di bawah skim pembangunan kesejahteraan rakyat. Program lonjakan mega seperti agropolitan;
- (iii) mempergiatkan pembangunan modal insan di kalangan masyarakat luar bandar melalui program-program pendidikan dan latihan kemahiran serta kursus-kursus kepimpinan dan pemantapan institusi-institusi sosial;
- (iv) memperhebatkan usaha membangunkan kawasan-kawasan terpencil, mundur, terbiar melalui program bersepadu desa terpencil, program lonjakan mega luar bandar;
- (v) merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar dengan cara menyediakan kemudahan infrastruktur dan *infostructure* seperti medan info desa, daerah dan mukim; dan
- (vi) melonjakkan ekonomi dan industri di kawasan luar bandar seperti projek-projek agropolitan.

Bagi menjawab soalan (b), untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM387.92 juta bagi pelaksanaan projek bekalan air luar bandar di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak empat projek adalah di bawah Parlimen Kinabatangan.

- (i) pemasangan paip di Pekan Kota;
- (ii) pemasangan paip di Jalan Bukit Garam;
- (iii) pemasangan paip di Kampung Kanon Dong Gho Barat;
- (iv) penyambungan paip graviti di Kampung Kotodon.

Bagi pelaksanaan projek bekalan elektrik ke Daerah Kinabatangan pula, kerajaan hanya dapat meneruskan pelaksanaan projek sambungan talian grid ke Kampung Koyah B pada tahun 2008 memandangkan keupayaan bekalan elektrik oleh SESB di kawasan tersebut telah mencapai tahap maksimum. Kerajaan akan meneruskan projek sambungan

talian grid di kampung-kampung di kawasan Kinabatangan termasuk ke Kampung Pinangan dan Kampung Kuamut apabila projek sambungan talian grid 33kv yang dilaksanakan oleh SESB dari pencawang masuk utama Segalut, Sandakan ke pencawang masuk utama Kinabatangan siap sepenuhnya akhir tahun 2008.

Bagi pelaksanaan projek luar bandar pula di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, sejumlah RM527.25 juta diluluskan bagi pelaksanaan 73 projek jalan luar bandar negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak dua projek disenaraikan di bawah kawasan Parlimen Kinabatangan iaitu:

- (i) membina jalan 'Sukau Bilik-Kinabatangan';
- (ii) membina jalan 'Tundun Wahangin-Kinabatangan'.

**Beberapa Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Datuk Menteri. Jalan daripada 'Sogaosogo-Pinangan' ini, 49km, 29 kampung menggunakan dan 23 ribu orang pengguna tiap-tiap hari. Kalau Tan Sri Menteri tengok bentuk jalan ini, apa ini 'formula 1' kah, apa ini kita punya '*camel trophy*' memang susah dilalui. Apa lagi orang kampung. Jalan ini merupakan satu-satunya penghubung di antara luar bandar dengan Sandakan dan di antara kampung.

Jadi, apakah kerajaan berhasrat untuk memasukkan jalan ini dalam program kajian penggal pertengahan Rancangan Malaysia Ke-9. Kalau ya, maka selesailah penderitaan rakyat di kawasan saya. Kalau tidak, saya ingin tahu kenapa dan mengapa. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kementerian saya telah pun mengemukakan tambahan sebanyak RM3.8 bilion untuk projek-projek termasuk projek-projek pembaikpulihan, pembinaan jalan luar bandar, PPRT, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar. Jadi kita berharap kita akan dapat peruntukan sebanyak itu dan mudah-mudahan projek di kawasan Kinabatangan ini akan dapat dilaksana.

**Datuk Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh kita cuma benarkan satu soalan tambahan tadi. Kalau bolehlah, saya betul-betul minta kerjasama. Sebelum saya memanggil soalan ke-3, saya mahu buat komen sedikit. Tadi Bandar Kuching betul-betul minta supaya *ruling* saya dibuat mulai dengan soalan yang 40 perkataan.

Apabila Yang Berhormat tengok, soalan nombor 2 dan soalan nombor 3 lebih kurang sama panjangnya. Jadi, makanya, apabila Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan sebagai *discretion*, jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat harus faham kerana untuk memuaskan hati semua sebanyak 220 orang dalam Dewan ini bukan senang. Jadi, adalah di antara Ahli Yang Berhormat yang mungkin tidak puas hati pada hari ini, mungkin pada hari esok akan puas. Dan sedemikianya. Begitu juga dalam hal soal kehidupan hari-hari.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Bandar Kuching mengemukakan *point of order* untuk soalan nombor 3.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kinabatangan, Kinabatangan, sudahlah Kinabatangan. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 3. Saya berbesar hati kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hadir untuk menjawab. Terima kasih.

**3. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Kewangan:

- (a) komitmen kerajaan dalam melaksanakan tender terbuka seperti mana yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri pada hari ke-100 dilantik sebagai Perdana Menteri; dan
- (b) apakah jenis dan justifikasi projek melebihi RM10 juta ke atas yang masih dibuat secara rundingan atau tender tertutup selepas hari tersebut.

**Perdana Menteri:** Memang pun hadir nak jawab. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, saya ingin menjelaskan di sini bahawa perkara yang berkaitan dengan *procurement*, yang berkaitan dengan tender adalah perkara yang dianggap sebagai penting bagi kerajaan untuk memastikan supaya semuanya berjalan dalam keadaan baik dan telus dan dasar-dasar memastikan bahawa ekonomi negara dapat terus dibangunkan. Dalam hal ini pada peringkat awal lagi saya telah pun menyatakan bahawa terus projek sebanyak 880 semuanya itu akan dilaksanakan secara tender dan projek-projek ini bernilai RM15 bilion.

Mengikut apa yang saya dimaklumkan telah pun dilaksanakan sepenuhnya. Alhamdulillah. Masih ada juga projek-projek yang lain yang perlu dilaksanakan. Dan hal ini yang berkaitan dengan perolehan saya terangkan bahawa tender. Pemilihan mengikut tender. Itu adalah tender yang terbuka dan tender ini adalah tender terbuka sama ada untuk tender antarabangsa, *international* ataupun *local*. Dan ada juga tender yang terhad. Ada juga tender yang telah pun dibuat dengan secara menjemput syarikat-syarikat tertentu untuk mengemukakan cadangan-cadangan mereka bagi dipertimbangkan dalam tender sistem itu. Ini biasanya ada hubung kait dengan barang-barang yang diperlukan yang dianggap sebagai ada isu *security* dalam hubung kait hal-hal yang *specific*, yang *hitech* yang tidak semua syarikat mempunyai kebolehan untuk mengambil bahagian dalam tender. Ini pun adalah satu keputusan yang telah dibuat.

Yang pentingnya apabila ia dikemukakan maka proses-proses yang dijalankan ikut adalah proses-proses yang dijalankan dengan teliti, dengan mengambil segala aspek berkaitan dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan. Lagi satu adalah yang berkaitan dengan pendekatan yang dipanggil sebagai runding terus. Runding terus ini juga bukanlah runding yang jadi perkara yang mudah ataupun dijalankan dengan tidak menghalusi segala aspek yang berkaitan dengan cadangan-cadangan yang berbentuk teknikal dan cadangan-cadangan yang berbentuk kewangan yang telah pun dicadangkan oleh pihak yang berkenaan.

■ 1120

Ini pun mesti dilaksanakan dengan sebaik-baiknya oleh pihak jabatan-jabatan ataupun pihak bahagian-bahagian yang ada diberi kuasa untuk menguruskan hal seperti ini seperti Kementerian Kewangan, seperti *Economic Planning Unit* ataupun Unit Perancang Ekonomi dan ada juga bagi setengah-setengah kementerian yang diberi kuasa untuk mempertimbangkan perkara ini juga adalah terlibat dalam perbincangan-perbincangan yang diadakan itu. Dari apa maklumat yang ada pada saya pada waktu ini ialah projek-projek yang telah pun ditender itu kesemuanya adalah kira-kira 38%, itu bilangannya 38% dan yang lainnya itu adalah dalam bentuk tender ini.

Jumlah projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, jumlah kontraktor-kontraktor adalah 165 bilion. Dari jumlah ini, sebanyak 63 bilion ditawarkan secara runding terus. Ini bererti sebanyak 38% daripada projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ditawarkan secara runding terus dan 62% ditawarkan secara tender. Itu maklumat yang umumnya. Jadi, berkaitan dengan tender ini juga, kita sentiasa memberi perhatian kepada dasar-dasar kerajaan yang ada hubung kait dengan:

- (i) membina upaya kerajaan tempatan. Membina upaya syarikat-syarikat tempatan;
- (ii) ada juga daripada segi dasar untuk pengagihan-pengagihan yang memerlukan misalnya ada juga rancangan-rancangan, ada

juga projek-projek tender yang telah pun dikenal pasti untuk diberikan kepada bumiputera, ada yang dikenal pasti untuk diberikan kepada syarikat-syarikat kecil tanpa mengira bumiputera ataupun bukan bumiputera.

Jadi itu adalah pengagihan-pengagihan yang dibuat oleh pihak Kementerian Kewangan setelah berbincang dengan jabatan-jabatan yang tertentu. Jadi, kita tentu sekali, ada orang kata kita kena buat tender terbuka antarabangsa, *open international tender*. Kalau kita tidak ada syarikat-syarikat tempatan yang berkemampuan, maka tentulah kita tidak dapat menghadkan tender itu kepada *local tender* sebab mungkin perkara projek atau perolehan yang diperlukan itu adalah barang-barang yang sofistikated yang negara kita sendiri tidak menghasilkannya, tetapi di mana didapati ada syarikat-syarikat tempatan yang ada keupayaan daripada segi teknikal, daripada segi pengurusan, daripada segi kewangan yang ada, maka kita tidak menjadikan itu sebagai tender terbuka untuk antarabangsa tetapi dihadkan sebagai tender untuk syarikat-syarikat tempatan membuat *biding* ataupun mengemukakan cadangan-cadangan mereka.

Ini satu dan bagi tempatan pun kita juga mengambil kira untuk mengupayakan golongan-golongan yang tertentu semasa yang akan dipanggil untuk mengemukakan tender dan apabila ini dijalankan, maka ia diberi satu pendekatan yang cukup teliti supaya tidak merugikan kerajaan dan juga di samping itu juga dapat memberi peluang kepada penender-penender untuk mengambil tender dan melaksanakannya. Kadang-kadang mereka beri cadangan peruntukan yang begitu rendah dengan niat hanya saja untuk mendapat tender itu tetapi jika teknikal, pihak *technical team* menganggap ini adalah terlalu rendah, tak boleh jika sekiranya nak menjayakan projek ini maka tentulah ia tidak diberikan. Bermakna tidak semestinya tiap-tiap tender itu diberi kepada cadangan kewangan yang terendah sekali. Ia mesti dilihat daripada segi kemampuannya untuk menyelesaikan projek itu.

Jadi pihak JKR memang telah menentukan apakah agaknya perjanjian yang diperlukan. Kalau lebih sangat memang kita tidak akan beri langsung. Jadi perkara-perkara ini sentiasa diambil kira dalam kita menentukan tender. Jadi kadang-kadang orang juga bisah mengapa tender yang terendah sekali tidak diberi, mengapa ada macam-macam soal dan andaian-andaian yang telah pun dibuat oleh pelbagai pihak kononnya ada penipuan, kononnya sebab-sebab itu dan sebab-sebab ini. Jadi ini tentulah satu perkara yang amat tidak baik. Walaupun ada orang kata ini *perception* tetapi yang pentingnya dari pihak kerajaan dan Kementerian Kewangan yang menjadi agensi yang terbesar dalam hal ini, kami sentiasa memberi perhatian yang teliti kepada hal yang berkaitan dengan tender ini. Terima kasih.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan daripada Pasir Mas. Boleh saya mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Walaupun...

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan, sila.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** ...saya mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Mas tolong duduk. Yang Berhormat Bagan sila. Teruskan, teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya hendak bertanya...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** ...apakah Yang Berhormat sedar...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Mas, sudah saya buat keputusan untuk panggil Yang Berhormat Bagan untuk soalan tambahan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sama ada beliau sedar bahawa salah satu sebab mengapa persepsi rasuah untuk negara Malaysia agak menurun kebelakangan ini tak boleh dengar?

Saya ulangi lagi, saya bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada beliau sedar bahawa di antara sebab mengapa persepsi rasuah di bawah *Transparency International* untuk negara Malaysia agak menurun kebelakangan ini kerana kegagalan untuk menjalankan tender terbuka dan seperti yang sedia dimaklumkan bahawa kegagalan menjalankan tender terbuka, kebanyakan akan mengakibatkan ketirisan dan ini adalah di antara sebab mengapa badan-badan antarabangsa seperti World Bank dan juga *Transparency International* ada merangka garis panduan macam mana tender terbuka boleh dijalankan dan pada masa yang sama mengambil kira keperluan kontraktor-kontraktor tempatan dan di sini saya ingin bertanyakan sama ada Yang Amat Berhormat sedar bahawa mengikut peraturan atau atur cara kewangan Kementerian Kewangan sendiri, tender terbuka diwajibkan untuk kontrak-kontrak yang melebihi RM200,000 dan kalau begitu, mengapakah tender rundingan masih diamalkan oleh Kementerian Kewangan yang dalam aspek preskripsi melanggar atur cara kewangan yang ditetapkan dan pada masa yang sama juga melanggar amalan antarabangsa yang diterima umum atau dengan izin *internationally accepted practices*. Terima kasih.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan tadi banyak perkara, banyak sebabnya yang berkaitan dengan cara-cara atau pendekatan-pendekatan yang diambil apabila kita memanggil tender ataupun apabila kita memberi cadangan-cadangan untuk projek untuk syarikat-syarikat mengambil bahagian bagi menjalankan projek-projek yang tertentu, saya telah bagi banyak perkara. Memang saya tahu bahawa persepsi yang ada sekarang ini yang menuduhkan kerajaan sebagai mengamalkan rasuah. Itu persepsi tetapi ini bukanlah cara tender sebegini tidak bermakna kita mengamalkan ataupun kita menggalakkan rasuah. Ini adalah sistem kita. Kalau kita nak ikut apa yang dikehendaki oleh pihak antarabangsa, maka semuanya terbuka, semuanya antarabangsa maka ia tentu sekali akan timbul juga masalah kepada syarikat-syarikat kita yang tak semuanya berkeupayaan sama dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang memang terkenal daripada segi teknologinya dan daripada segi keupayaan kewangannya dan daripada segi keupayaan pengurusannya.

Kita hendak jalankan satu sistem yang adil tetapi ia tidak bermakna tidak ada langsung kontrak-kontrak/tender-tender yang dibuka pada peringkat internasional. Kita ada juga dan satu pihak pula yang kita laksanakan ialah kita nak pastikan juga dasar yang ada dalam negara kita ini meninggikan, meningkat dan menambah keupayaan kontraktor-kontraktor kita.

#### ■ 1130

Itu pada saya dasar penting, kalau kita nak buka terus sahaja supaya benda yang dikehendaki oleh rakan-rakan negara-negara yang ada hubung kait ekonomi dengan kita yang kita runding dengan mereka, *everything is open*. Jika itu caranya saya ingat tidak ada apa yang dapat rakyat Malaysia sebenarnya tidak ada kesempatan untuk membina keupayaan kita sendiri *because you don't have the chance, there is no chance*.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Boleh saya dapat penjelasan daripada jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

**Perdana Menteri:** Sudah cakap, sat lagi Yang Berhormat Ibrahim. *Sorry* tersebut nama Pasir Mas, itu yang saya tegaskan. Ia *very meaningful*, kita amat-amat memahami tentang persepsi yang dihubungkan tender ini dengan rasuah.

Namun satu yang saya telah bincangkan dengan pihak *investors*, peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha di luar dalam pertemuan-pertemuan dengan saya, mereka kata ketelusan yang kami ingini itu ialah sesuatu tender hendak itu *just be* jelaskan. Sekiranya tidak akan mengganggu dasar-dasar yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan Malaysia, misalnya, kalau hendakkan tender ini tender yang akan mengutamakan syarikat tempatan maka beritahulah awal-awal. Jangan kita kata ini tender *international* dan didapati syarikat *international* negara besar yang lain yang terbaik sekali tiba-tiba kita bagi dekat syarikat Malaysia dengan alasan kita nak mengutamakan syarikat tempatan. Ini sebagai satu *unfair*, sebagai satu tindakan yang tidak adil dan berbagai-bagai tuduhanlah.

Sekiranya bagi tahu awal-awal tender ini untuk syarikat tempatan maka syarikat antarabangsa tidak akan mengambil bahagian, *that's fair*. Jangan orang katakan dah nak buka tender lepas itu ada pula syarat-syarat lain yang diletakkan untuk sebagai sokongan kepada keputusan yang ada dibuat. Padahal syarat itu tidak diketahui, itu yang mereka hendak. Bukan mereka kata kalau kita kata tender tutup-tutup, tender itu terhad kepada beberapa syarikat. Itu tidak semestinya dihubung kait dengan amalan rasuah. Amalan rasuah tidak begitu, kita ada pendekatan kita. Kita ada dasar kita yang hendak kita laksanakan dan kita pastikan semuanya berjalan dengan baik tapi kalau ikut persepsi negara-negara lain yang sudah maju yang sudah biasa dengan amalan-amalan tertentu. Kita pula mengharapkan mengikut cara mereka barulah kita menjadi sebuah negara yang tidak ada rasuah sebagai satu negara yang maju. Takkanlah begitu caranya, saya tidak anggap begitu. Kita ada pendekatan kita, kita ada kepentingan kita dan yang pentingnya dilaksanakan dengan baik dan dengan menimbangkan segala aspek yang ada berkaitan dengan sesuatu tender yang telah dikemukakan. Ini yang mesti diutamakan, bukan ikut orang. Orang kata kalau ini caranya maka kita baiklah, tidak semestinya begitu. *We have own matters but must be fair*, yang itu yang pentingnya *fair and* telus. *Thank you*.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Lip Seng [Segambut]:** *Point of order, point of order, point of order* Tuan Yang di-Pertua.

**Perdana Menteri:** Apa pula *point of order* ni?

**Tuan Lim Lip Seng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum masa tamat menurut *Standing Order 44* tadi Yang Berhormat Kinabatangan dengan... *[Masih meneruskan percakapan tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Dzulkiefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya, penat hendak dapat satu soalan penat saya.

**Tuan Lim Lip Seng [Segambut]:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua mengarahkan Yang Berhormat Kinabatangan dengan Yang Berhormat Pasir Mas menarik apa yang mereka telah cakap. Itu adalah satu penghinaan kepada semua masyarakat di Malaysia yang kurang upaya yang *handicap*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Segambut dan Yang Berhormat Pasir Mas tolong duduk.

**Tuan Lim Lip Seng [Segambut]:** Sila buat keputusan, masa dah tamat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Lim Lip Seng [Segambut]:** Sila Tuan Yang di-Pertua buat satu keputusan, ini adalah satu isu yang serius kepada semua rakyat kurang upaya di Malaysia.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tidak serius apanya, ini saya hendak tanya yang penting. Boleh tidak Tuan Yang di-Pertua? Dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat Segambut dan Yang Berhormat Pasir Mas duduk dulu sebelum saya bercakap. Kan semua kita tadi sudah bersetuju bahawa yang tadi *commotion* itu kita lupakan dan kita teruskan dengan persidangan.

**Tuan Lim Lip Seng [Segambut]:** Tidak boleh diubahkan, mesti menarik balik.



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peraturan tetap tiada siapa pun yang boleh bercakap sebelum dipanggil. Sekarang ini belum pun Tuan Yang di-Pertua habis bercakap semua bercakap macam pasar. Aturan di Dewan yang mulia ini tidak perlulah peraturan mesyuarat kalau semua *behaved* macam *gentlemen and ladies*, tidak perlu. Sekarang saya nampak bahawa tempoh untuk soalan yang perlu untuk dijawab lisan telah pun selesai, sekarang ini 11.36 pagi. Jadi...

**Tuan Lim Lip Seng [Segambut]:** Keputusan Tuan Yang di-Pertua, keputusan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua, masa 90 minit ialah soalan yang tepat dan tidak ambil kira apa yang berlaku sebelum dia dan belum sampai 90 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

### **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)**

#### **PERJANJIAN ROYALTI PETROLEUM**

**11.37 pg.**

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan usul ini saya bagi pihak rakan-rakan di sini mengucapkan tahniah di atas pelantikan Tan Sri sebagai Speaker dan juga Timbalan-timbalan Speaker.

Saya Yang Berhormat Salahuddin Ayub, Kubang Kerian mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan dan membincangkan usul yang melibatkan perkara yang tertentu berkepentingan ramai dan perlu disegerakan. Itulah tentang berkaitan tentang perjanjian royalti petroleum di antara Kerajaan Pusat dan negeri Terengganu semenjak tahun 1975 mesti dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum bahawa royalti petroleum adalah melibatkan antara perjanjian Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri tetapi di Terengganu telah dibantalkan secara haram oleh Kerajaan Pusat apabila PAS menguasai Terengganu selepas Pilihan Raya Umum 1999.

Pada tahun 2000 pendekatan Kerajaan Pusat menubuhkan Dana Khas Kerajaan Persekutuan ataupun disebut DKKP untuk menyalurkan wang ihsan melalui Program Pembangunan ke Terengganu telah digantikan dengan cara yang tidak bertamadun. Jika Kerajaan Pusat bersedia mengakui kesilapan ketika memecat Tun Salleh Abas sebagai Ketua Hakim Negara dahulu maka apa salahnya jika kerajaan yang ada pada hari ini sekali lagi mengakui kesilapan mereka merompak wang rakyat kemudian yang dinamakan wang ihsan.

Royalti petroleum ini bukan sahaja perlu dikembalikan semula kepada kerajaan Terengganu atas nama mandat rakyat tapi perlu ditambah pada 10% lagi seperti yang dituntut oleh Sabah dan Sarawak sebelum daripada ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, maka usaha untuk mengembalikan royalti ini akan membolehkan kerajaan negeri merancang pembangunan yang lebih bermanfaat. Walaupun hari ini, saya dan rakan-rakan daripada PAS mengakui pada hari Terengganu masih diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional tapi atas nama rakyat kita mohon royalti ini dipulangkan kembali atas nama dan mandat rakyat. Saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima saya pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat

kawasan Kubang Kerian pada hari Isnin, 28 April 2008. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat iaitu;

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak untuk disegerakan.

■1140

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa pertama, tertentu. Perkara ini adalah perkara yang tertentu. Kedua, kepentingan orang ramai. Ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Ketiga, sama ada ianya berkehendakkan untuk disegerakan. Apabila saya timbang saya dapati perkara ini tidak perlu disegerakan.

Ianya boleh dikemukakan dalam sesi perbahasan Titah Diraja nanti. Oleh yang demikian saya menolak usul itu di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2). [*Tepuk*]

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order, point of order*. Saya berdiri sekali lagi Tuan Yang di-Pertua menggunakan Peraturan Mesyuarat 18(3)(b). Setelah saya mendengar Tuan Yang di-Pertua menolak usul yang saya kemukakan dengan penuh sedar saya menggunakan Peraturan Mesyuarat 18(b) ini jika mesyuarat tidak memberi izin tapi sekurang-kurangnya 15 orang berdiri di tempat yang menyokong permintaan itu, saya minta yang menyokong saya untuk berdiri 15 orang. Jadi saya mohon supaya Dewan yang mulia ini mengizinkan usul ini untuk ditempohkan untuk dibincangkan demi kepentingan rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, telah saya menimbang daripada mula lagi walaupun Ahli Yang Berhormat lebih daripada 15 orang yang berdiri saya juga berpendirian bahawa perkara ini adalah tidak menepati usul yang pertama dibangkitkan iaitu 18(1). Ianya tidak perlu untuk disegerakan. Bukankah semua Ahli Yang Berhormat yang berdiri ini boleh juga membahaskan usul ini nanti dalam Titah Diraja kerana apabila saya membenarkan juga akan dibahas seperti biasa. Jadi kalau semua yang berdiri ini mahu juga bercakap dengan soal usul ini dipersilakan cakap sewaktu membahaskan Usul Titah Diraja. Terima kasih. [*Tepuk*]

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *Point of order, point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, sila duduk. Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat. Yang Berhormat sekalian tolong duduk.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah buat keputusan.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order, point of order*.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Kalau begini apakah guna peruntukan ini?

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa kita bersetuju untuk berdiri kerana kita merasakan untuk kepentingan ramai. Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1999 mahkamah tidak pernah bersidang untuk kes ini. Tidak pernah. Ini kepentingan rakyat Terengganu...

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Dan apa yang saya katakan adalah walaupun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** ...UMNO memerintah Terengganu tetapi demi kepentingan rakyat, kami wakil rakyat di sini untuk rakyat, demi rakyat dan Yang Amat Berhormat pun ada di sini supaya usul ini disegerakan dan ditemphkan demi kepentingan rakyat. [*Tepuk*]

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi saya benarkan Yang Berhormat untuk baca usul itu di bawah 18(1) dan usul di bawah 18(1) menghendaki tiga kriteria yang penting dan satu daripada kriteria itu ialah untuk disegerakan. Saya dapati tidak wujud kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pihak sebelah kiri saya boleh berhujah dalam soal ini. Kalaupun saya benarkan usul ini saya ulang balik juga, ada perbahasan juga ada jawapan daripada kerajaan. Jadi kedudukan itu tidak berubah serta-merta kerana perlu juga diperbahaskan cuma saya tidak benarkan kerana tidak memenuhi syarat. Terima kasih.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*, *point of order*. Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Mahu penjelasan daripada...

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan 3(2)...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ...Tuan Yang di-Pertua, soalan tadi bahawa walaupun...

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan 3(2) disebut tidak boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat yang bersuara tadi apabila nanti menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua mengenai *point of order* saya tengok saya scan dahulu. Jadi saya mempunyai kuasa budi bicara siapa yang saya panggil dahulu.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** 3(2) Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang ini saya berdepan dengan, minta maaf Yang Berhormat saya belum hafal di mana...

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Pokok Sena.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pokok sena. Okey, sila Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya mohon penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Soalannya ialah apa perlu peruntukan ini kalau ia tidak boleh digunakan seperti mana yang kita gunakan tadi lebih daripada 15 orang bangun. Jadi apa perlu peruntukan ini sedangkan peruntukan ini telah pun dibuat pindaan untuk diwujudkan bagi membolehkan usul-usul yang ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, saya faham, saya faham Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat saya buat keputusan?

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, 3(2).

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu, nanti dahulu. Saya buat keputusan dengan soal itu dahulu supaya jelas. Apabila kriteria yang tidak disegerakan itu tidak dapat dipenuhi maka saya mempunyai kuasa untuk menolak kerana apabila saya longgarkan itu setiap persidangan mempunyai usul sebegini.

Saya bagi contoh kalau umpamanya usul ini tidak kita bahas hari ini besok malapetaka akan berlaku barangkali harus disegerakan. Apa tindakan Kerajaan Persekutuan harus buat tetapi apabila saya timbang berjam-jam pun kita putus juga di sini, kita berbahas juga saya kira kesampaian dia adalah terpulang juga kepada Kerajaan Persekutuan nanti. Jadi itulah makanya saya fikir betul kepentingan rakyat, betul. Kriteria satu itu pun betul juga spesifik isu iaitu royalti tetapi tidak perlu untuk disegerakan. Pengertian saya disegerakan ini kalau tidak dibahaskan juga sekarang maka suatu malapetaka ataupun perkara-perkara yang di luar dugaan kerajaan akan berlaku. *[Tepuk]*

Itu keputusan saya. Sebab itulah saya menolak di bawah 18(2).

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Jangan lagi ada *point of order* kerana saya akan jawab juga yang saya menggunakan kuasa saya di bawah peraturan mesyuarat.

#### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LUAR PESISIR LABUAN (PINDAAN) 2008**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **USUL**

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** 27(3) Dewan yang mulia ini tidak boleh bahas usul ini hari ini oleh kerana ini melanggar peraturan mesyuarat yang ditetapkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 27, setiap usul perlulah dikehendaki notis 14 hari. 27(1), (2) dan (3) yang berbunyi, P.M. 27(3) - "*Except as provided in Standing Order 43 and in paragraph (5) of Standing Order 86 and 26(1), not less than fourteen days' notice of any motion shall be given unless it is in the name of a Minister...*" Yang Berhormat sekarang bukan *minister*. "*...in which case seven days' notice or, if Tuan Yang di-Pertua is satisfied upon representation to him by a Minister that the public interest requires that a motion should be debated as soon as possible, one day's notice shall be sufficient.*"

Ini adalah usul biasa yang perlu notis 14 hari dan apa yang kita terima dalam peraturan mesyuarat di buku usul ini yang asalnya akan dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Muar mungkin adalah dapat mengikuti peraturan mesyuarat yang berkenaan.

■1150

Oleh kerana pada hari ini mengikut kertas urusan mesyuarat, pembawa usul ialah Yang Berhormat daripada Kulai dan tentu tidak ada mengikut kehendak peraturan mesyuarat, tidak ada memenuhi notis 14 hari.

Sebab itu usul ini melanggar peraturan mesyuarat dan Dewan yang mulia ini hari ini tidak boleh bahas usul oleh Yang Berhormat daripada Kulai. Kalau tidak ada pemindaan ini, kalau usul ini... hari ini mengikut peraturan mesyuarat yang dibukukan ialah di bawah nama Yang Berhormat daripada Muar kita boleh bahas. Saya tidak mahu untuk menangguhkan urusan ini tetapi ini perlu dibetulkan dan ada cara untuk membetulkan. Kita tidak mahu mensia-siakan Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya cadangkan bahawa kita tangguhkan sekarang supaya perkara ini boleh diperbetulkan, membenarkan Dewan yang mulia ini bahas usul di bawah nama Yang Berhormat Kulai tetapi mengikut, menepati segala kewajipan dalam peraturan mesyuarat. Ada cara untuk membetulkan tetapi saya harap bahawa kita janganlah memulakan Parlimen ke-12 ini dengan satu kesilapan yang begitu besar di mana peraturan mesyuarat yang menghendaki 14 hari untuk satu usul diadakan semua diketepikan. *As a case* kita tidak boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Apabila saya dapat tahu soal ini pada pagi tadi saya setuju dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur bahawa notis dalam sebarang usul pertanyaan adalah perlu tetapi dalam soal ini walaupun *point of order* itu *proper* apa yang tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Oleh kerana usul yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Kulai ini adalah seperti juga dengan kalau ianya dibawa oleh Ahli Yang Berhormat yang pada mulanya nama disebut yang diedarkan kepada Yang Berhormat.

Hakikat yang sebenar ialah selepas usul itu dibaca dan disokong oleh seorang Ahli Yang Berhormat, kan kita juga akan bahaskan usul itu. Jadi apabila kita tangguhkan lagi Dewan ini seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, maka kita akan berhadapan dengan soal masa. Jadi bagi saya soal demokrasi berparlimen ini mana yang kita agak kita dapat jalankan mesyuarat dengan licin, tidak ada umpamanya bantahan-bantahan daripada kedua belah pihak untuk kepentingan rakyat kita teruskan kerana peraturan tetap ini adalah cuma bagi saya sebagai *guidelines* kerana apabila kita gunakan sebagai *hard and fast rules*, maka ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya dengar sebelum pun saya panggil telah bercakap.

Jadi kalau boleh saya minta persetujuan daripada semua dan ianya tidak akan berlaku lagi. Untuk pada hari ini kita dengar usul daripada Yang Berhormat Kulai dengan teliti dan baik lepas itu disokong oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bintulu dan selepas itu saya akan panggil dengan baik Ketua Pembangkang untuk buat ucapan. Jadi kita dapat berjalan dengan lancar. Jadi apa tadi dibangkitkan itu *I will take note* Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kita Parlimen, *law making*. Bagaimana kita boleh *ban and break law and rules* sesuka hati, tidak boleh. Saya bukan kata...benar saya habiskan.

Saya bukan kata bahawa kita tidak bahas, kita tidak membenarkan Yang Berhormat Kulai untuk kemukakan usul. Boleh tetapi kita perlulah mengikut peraturan yang ada, jangan *break laws*. Kita tangguhkan supaya kita bincang bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini. Oleh kerana ini perlu satu *suspension standing orders* yang boleh dibuat pagi ini tetapi kita perlu buat apa yang betul *and correct*. Jangan kita sebuah Parlimen *break and ban rules and laws* dan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Ipoh Timur, saya faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...dan ini ada cara untuk mengatasi. Saya tidak tahu siapa yang bertanggungjawab, Parlimen bukan Barisan Nasional bila-bila mahu suka tukar, pinda... [*Tepuk*] itu peraturan boleh. Tidak boleh ini Dewan, ini *highest on making body, you must do what is right*. Saya bersetuju boleh kita mahu bahas hari ini, kita bukan cadang bahawa sabotaj tidak mahu jangan tetapi kita tangguhkan, *come back* atau satu usul yang boleh dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh saya minta bantuan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...*suspend standing orders* benarkan pindaan boleh dibuat supaya Yang Berhormat daripada Kulai boleh *correctly put* yang betul mengikut peraturan-peraturan untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh saya minta bantuan daripada Ipoh Timur...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan mesyuarat mana yang kita boleh gunakan untuk memperbaiki keadaan ini?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Suspend standing orders* di mana kita membenarkan apa yang tidak dibenarkan diterima dan benarkan satu usul dikemukakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan mesyuarat yang mana?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...tanpa 14 hari notis. Tidak perlu *suspend* peraturan itu dan terus serta-merta masuk usul. Sebab itu saya cadangkan kita tangguhkan mungkin 15 minit, 20 minit supaya satu usul tergepar boleh dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *suspend standing orders* membenarkan Yang Berhormat daripada Kulai untuk membenteng usul tanpa 14 hari. Itu perlu dibuat. Kalau tidak, kita buat contoh yang tidak baik...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong duduk dahulu Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya. *We should not banding and breaking laws...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri masa kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...*Parliament break and ban laws*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya faham. *I think I will be the last one to do that*. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat untuk membantu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Tuan Yang di-Pertua dikasi nafas dahulu untuk macam mana tadi jawapan yang dibangkitkan itu tadi, boleh?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ini betul-betul untuk membantu Tuan Yang di-Pertua ini. Dengan jawapan ini selesai masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu, duduk dahulu.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Rujuk 99A. 99A boleh menyelesaikan masalah ini pagi ini Tuan Yang di-Pertua.

*[Setiausaha berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya berterima kasih daripada pendapat Yang Berhormat Ipoh Timur tadi tetapi ada satu perkara yang telah dibawa ke perhatian saya oleh Setiausaha Dewan iaitu pada 18 April 2008, satu surat telah diterima daripada kerajaan iaitu memaklumkan kepada Dewan supaya usul yang dibawa itu ialah akan dibawa oleh Yang Berhormat Kulai iaitu Dato' Seri Ong Ka Ting. Kerajaan telah bersetuju supaya usul ini dibawa oleh Yang Berhormat daripada Kulai. Oleh kerana ini adalah daripada persetujuan kerajaan, maka di bawah Peraturan Tetap 27(3) saya sebagai

Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa untuk yang notis tadi itu tidak payahlah *applicable* di sini.

Jadi untuk hari ini saya rasa persidangan ini bagi pendapat saya adalah masih juga *proper* apabila Yang Berhormat Kulai membawa usul itu. Ketetapan ini kalau saya boleh gunakan kuasa saya di bawah Peraturan Tetap 99 di mana apa pun tafsiran Tuan Yang di-Pertua adalah boleh dianggap sebagai muktamad.

■1200

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kalau begitu bolehkah kita dapat satu penjelasan kenapa boleh timbul dalam buku ini nama Yang Berhormat Muar untuk kemukakan cadangan. Kenapa boleh berlaku?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebelum diperbetulkan. Jadi kalau boleh dan saya sudah buat keputusan dan berpendapat bahawa ia juga tidak melanggar Peraturan Mesyuarat. Yakinlah dan percayalah Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa pejabat Tuan Yang di-Pertua akan tidak berbuat sesuatu yang memudaratkan sistem Parlimen yang berdemokrasi. Jadi dalam soal-soal seperti begini, kalau umpamanya ia tidak melanggar kepada peraturan, kita tidak akan buat. Jadi itu makanya, walaupun ada kuasa-kuasa tertentu di tangan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menggunakannya dengan sewenang-wenangnya.

Jadi di dalam mesyuarat-mesyuarat yang akan datang juga, saya memang mengalu-alukan cadangan-cadangan daripada Ahli Yang Berhormat untuk memperbaiki lagi peraturan-peraturan mesyuarat kita tetapi jangan Ahli-ahli Yang Berhormat pula seolah-olah menolak saya ke satu garisan yang terpaksa saya mengikut peraturan-peraturan tetap kerana apabila saya berbuat begitu, hilanglah *discretionary power* saya itu apabila ada di antara Ahli Yang Berhormat pula sendiri yang tidak mengikut peraturan tetap. So yang saya minta kerjasama daripada semua jangan saya ditolak ke satu garisan yang saya tidak boleh berbuat apa-apa lagi untuk menggunakan kuasa *discretionary* saya. Kalau boleh kita teruskan usul dibaca oleh...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua kita tidak mahu perkara ini tetapi ini mustahak. Sungguhpun kita terima penjelasan 8 April, dapat surat daripada kerajaan tetapi kalau 18 hari bulan pun tidak memenuhi 14 hari notis.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Two days.*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *Seven days if a minister, if a minister is moving*, bukan kerajaan bagi tahu. Kalau *ex-minister* tidak boleh, *minister* boleh, kalau *ex-minister* tidak boleh, itu *different*. [Tepuk]

Itu pun tidak memenuhi peruntukan-peruntukan dalam peraturan mesyuarat. Saya *shocked*, terperanjat. Yang Berhormat Menteri-menteri yang baru semua sokong, mahu pecah undang-undang, *break the law, ban the law*. Bagaimana? *What* contoh *are they giving to the people of Malaysia? After political tsunami, want to break the law, want to ban the law*. Apa ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, saya harap lebih baik kita mengikut Peraturan Mesyuarat 99. Ada peruntukan di mana satu *substantive motion* diadakan untuk *suspend standing orders* dan membenarkan Yang Berhormat Kulai untuk mengemukakan. Saya rasa itu lebih elok supaya kita dilihat insaf, sedar begitu penting bahawa *uphold the rule of law*, kita mahu *judicial reform*, kita mahu *Parliament reform*, sekarang kita sudah balik ke belakang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Timur, saya telah buat keputusan sebagai Tuan Yang di-Pertua menurut Peraturan Mesyuarat 99. Itu tafsiran saya sebagai Tuan Yang di-Pertua. Sama ada tafsiran saya itu salah atau tidak, itu adalah hak saya dan saya gunakan perkara 99. [Tepuk]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, a *very bad start for the third Parliament*, bukan? *A very bad start, a terrible start and an atrocious start.*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. All the provision is in article 99. Please read Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *It's for practice, not for* peraturan mesyuarat, ini tak tepat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Sepang]:** *You read*, ini atur cara.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *A borrowed practice*, bukan mengenai Parlimen, peraturan yang sangat jelas.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Sepang]:** Kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bersetuju tentang *rule of law* ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ini bukan *engineering*. Ini bukan *engineering*, ini *law*, undang-undang.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Sepang]:** *Under the rule of law...*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi]:** Saya mohon oleh sebab Yang Berhormat bercakap mengenai peraturan tetapi Yang Berhormat melanggar setiap peraturan yang ada dan tidak menghormati Dewan ini. [*Dewan bertepuk*]

Kalau kita nak baca, di dalam ini Dewan Tuan Yang di-Pertua, kita tengok perkara 99, ia sudah memberi tafsiran, itu kuasa dia. Yang Berhormat kena ingat kuasa Tuan Yang di-Pertua, perkara 99A. Baca perkara 99A sebagaimana yang disebut daripada Yang Berhormat tadi. Perkara 99A adalah jelas yang mengatakan dia tidak membatalkan mesyuarat ini kalau ada apa-apa *irregularity*. Jadi kita hormat kerana kita nak bahaskan sesuatu yang penting untuk rakyat, bukan untuk berdebat membuang masa.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ini kalau ada keraguan tetapi ini tidak ada keraguan, *there is no doubt what so ever*. Ini melanggar peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Timur, Ipoh Timur.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara 99...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *The hold minister* jangan pakai fikiran mengenai kebebasan hak asasi di sini. *Free the Hindraf five*.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timur.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi]:** [*Bangun*]

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Sepang]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timur...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** [*Bangun*][*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...putar belit, undang-undang tak mahu bebaskan *Hindraf five*.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat putar belit.

**Seorang Ahli:** Ipoh Timur, perkara 99 jelas dan nyata.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Sepang]:** Yang Berhormat jangan putar belit. Yang Berhormat bercakap perkara yang tidak kena-mengena.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bebaskan *Hindraf five* dan tahanan-tahanan ISA yang lain. [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi]:** Wah, Yang Berhormat tidak guna *standing order*, tidak pandai.



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau dikira pun apabila Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri tanpa hukuman daripada Tuan Yang di-Pertua, bercakap juga melanggar peraturan mesyuarat. Dari pagi tadi sampai sekarang, saya duduk di sini semua perbuatan Ahli-ahli Yang Berhormat melanggar peraturan mesyuarat. Janganlah mengatakan bahawa si anu-si anu melanggar peraturan mesyuarat sedangkan diri sendiri pun melanggar peraturan mesyuarat.

**Tuan Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *Point of order.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolonglah dengar kepada Tuan Yang di-Pertua yang duduk di atas sini. Senang bagi Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berdiri, berucap, menegakkan benang yang basah. Saya mempunyai kuasa-kuasa tertentu, kuasa saya perkara 99(A) sudah pun saya sebut tetapi Ipoh Timur masih juga berdiri tanpa pun hukuman saya untuk berdiri.

**Tuan Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *Point of order, point of order.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini lagi satu *point of order.*

**Tuan Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terpaksa juga saya dengar yang ini dan saya akan buat *rulling* juga, begitu juga dengan *rulling* saya nanti, *point of order* lagi satu. Jadi Parlimen Malaysia sekarang menjadi satu forum *point of order.* *[Ketawa]*

**Tuan Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Nak buat macam mana, sudah menjadi tugas Tuan Yang di-Pertualah buat *rulling.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Menjadi satu forum Parlimen *point of order, point of order* tetapi di akhir *point of order* itu 99A ada tapi saya cuma tidak mahu menggunakan kuasa saya.

**Tuan Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *Point of order.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila *point of order.* Mudah-mudahan *point of order* ini akan membuat order Parlimen ini lebih elok lagi dari yang tadi. *[Tepuk]*

**Tuan Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya Yang Berhormat bagi Kuala Krai menyebut tentang perkara 99A tadi tetapi mengikut penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, perkara 99A ini kalau ada tafsiran-tafsiran mana-mana yang tidak jelas tetapi Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bangkitkan sangat jelas, peraturan yang sangat jelas. Jadi tak akanlah nak guna budi bicara pada perkara yang sudah jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Krai, sila duduk.

**Tuan Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, nak duduk ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang soal sama ada dia jelas atau tidak ini telinga saya yang mendengar. Bukan Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Krai tadi, saya jelas betul, saya perhatikan. Malahan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timur. Jadi apabila sudah jelas di telinga kiri dan di telinga kanan saya, saya buat keputusan dan keputusan saya perkara 99A juga. Telah juga saya nyatakan bahawa kemungkinan ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju dengan tafsiran saya tetapi itu kuasa saya.

Bolehkah sekarang kita teruskan, saya panggil sekarang Yang Berhormat daripada Kulai untuk bawa usul. *[Dewan riuh]* Sila, terima kasih.

**12.08 tgh.**

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya Ong Ka Ting, Ahli Parlimen bagi kawasan Kulai memohon untuk mencadangkan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah kerana sudi berangkat menyampaikan Titah Ucapan di Persidangan Pengerusi Pertama Parlimen Keduabelas pada hari semalam 29 April 2008. Usul saya adalah seperti berikut:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya;

“Ampun tuanku,

Patik Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Keduabelas”.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia dan juga kedua-dua Timbalan Yang di-Pertua yang juga dipilih oleh Dewan yang mulia ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, nak minta penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya belum mula pun.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Sudah mulakan tadi, sudah baca usul.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya belum buat apa *point* pun. Saya rasa biar saya bereskan sekurang-kurangnya ada *point* dulu, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskanlah *point*.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, pada 8 Mac yang lalu, rakyat Malaysia berbilang kaum telah menggunakan hak mereka untuk memilih 222 Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

#### ■1210

Saya mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat dan berharap kita akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, jujur, ikhlas dan sentiasa menunjukkan tingkah laku yang baik seperti disarankan dalam Titah Ucapan Tuanku. Tuan Yang di-Pertua, pada 8 Mac 2008 yang lalu rakyat bukan sahaja telah memilih dan mengembalikan Barisan Nasional untuk terus memimpin Kerajaan Malaysia.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Pada masa yang sama...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai...

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** ... pada masa yang sama... nanti saya belum siap ayat ini pun.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Cukup, saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, dia tidak bagi jalan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tidak bagi. Pada masa yang sama, ramai antara mereka juga telah menyuarakan perasaan mereka melalui undi mereka. Daripada keputusan pilihan raya yang lalu ini, kita perlu prihatin dan mengambil berat tentang pelbagai mesej yang telah dihantar oleh rakyat kita. Mereka mahu kerajaan menambah baik lagi sistem pentadbiran negara dan membetulkan segala kelemahan yang wujud. Apa yang penting ialah mereka hendak sikap semua pemimpin politik dan penjawat jawatan awam di semua peringkat perlu mempunyai keterbukaan, keikhlasan, kecekapan, bersih dan berintegriti serta senantiasa bersungguh-sungguh menjaga kepentingan semua rakyat

yang terdiri daripada pelbagai kaum. Ini juga bermakna persepsi rakyat tentang rasuah, kerenah birokrasi, diskriminasi dalam apa jua bentuk dan juga...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** ... penyalahgunaan kuasa perlulah dibendung dan dinampak...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** ... dibetulkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai hendak bagi jalan?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, silakan Bukit Gelugor.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih. Saya mahu dapat tahu siapa yang menyediakan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Adakah kerajaan? Jika kerajaan adakah ini satu usul untuk berterima kasih kepada kerajaan? Saya mahu mendapat tahu penjelasan ke atas isu itu.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Ini satu perbincangan menjunjung kasih kepada Tuanku dan saya bercakap sebagai wakil rakyat. Saya tidak bercakap bagi wakil kerajaan. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** No, Penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya, saya...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Sudah cukuplah.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** No, no. Sudah dengar, sudah cukup, penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Last sekali ya.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Jangan main-main. [Dewan riuh] Saya mahu dapat tahu siapa sediakan Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong? Siapa dia? Kerajaan, menteri atau pihak lain? Bolehkah saya dapat tahu?

**Beberapa Ahli Barisan Nasional:** [Menyampuk]

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Itu untuk kerajaan menjawab. Bukan untuk saya menjawab. Saya berbahas sebagai wakil rakyat. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan, teruskan Yang Berhormat Kulai.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** ... kita haruslah bekerja keras ke arah membawa satu harapan baru kepada rakyat dan memberi gambaran bahawa kerajaan senantiasa bersedia mendengar rintihan, suara hati rakyat, dan berubah demi masa hadapan negara secara amnya dan untuk masa hadapan generasi akan datang umumnya. Justeru, asas-asas baru mestilah bermula dari hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Tuanku telah menyatakan bahawa, saya petik ayat yang berkenaan, "Pencapaian ekonomi dan pembangunan yang dinikmati selama ini tidak akan bermakna sekiranya rasuah, salah guna kuasa, dan penyelewengan masih berlaku".

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 April 2008 mengenai usaha-usaha membanteras rasuah terutamanya penstrukturan semula Badan Pencegahan Rasuah dengan menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia MCAC, Jawatankuasa Parlimen mengenai pencegahan rasuah dan Lembaga Penasihat Pencegah Rasuah. Rasuah merupakan

musuh nombor satu negara ketika ini, meskipun Malaysia telah memanterai Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap rasuah, pada 9 Disember 2003, dan menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) pada 5 November 2003 selain memastikan Badan Pencegah Rasuah melaksanakan tanggungjawabnya. Namun hasil positif yang diharap-harapkan menerusi Kempen Anti Rasuah masih belum nampak kesan yang memuaskan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Kulai, mohon laluan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Selain, selain...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu Pahat bangun.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan isu rasuah ini, saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat iaitu Pulau Pinang bercadang untuk menghapuskan saman trafik dan juga saman penjaja-penjaja kecil. Apakah ini satu amalan yang baik yang tidak dianggap sebagai rasuah, sedangkan kita lihat ramai pengamal undang-undang mengatakan ini adalah tidak betul sebenarnya, dari segi undang-undang. Dari segi pengalaman Yang Berhormat sebagai bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, apakah ini benar-benar melanggar undang-undang dan dianggap sebagai rasuah sebenarnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Yang Berhormat dari Batu Pahat...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ... kebetulan kepada apa yang dinyatakan oleh Batu Pahat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Kulai hendak bagi jalan? Yang Berhormat Beruas...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...kerana Pulau Pinang tidak memansuhkan saman, notis...

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tidak apa...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ... satu fakta kesilapan yang disengajakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Saya sebut cadangan, bukan keputusan, cadangan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...cadangan untuk memansuhkan notis kompaun, bukan saman.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Bukan untuk mengelirukan Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas, hak untuk mencelah bukannya *obsolete*. Ianya harus diizinkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sedang berucap. Pada ketika ahli yang berucap adalah Ahli Yang Berhormat Kulai. Yang Berhormat kena minta izin untuk diberi peluang mendapatkan jalan untuk mencelah terlebih dahulu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membetulkan fakta yang salah. Kalau tidak Dewan ini akan terpesong daripada perbincangan yang sebenar. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya faham maksud Yang Berhormat, tetapi Yang Berhormat kena minta izin daripada Yang Berhormat Kulai untuk mencelah.

**Seorang Ahli: Lesson number one.**

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua Ahli Yang Berhormat ada peluang untuk berucap. Apabila tiba giliran mereka, mereka boleh buat apa sahaja penjelasan tentang sesuatu perkara yang mereka tidak setuju. Yang Berhormat Batu Pahat menyebutkan tentang usaha cuba membatalkan saman. Kalau sekiranya niat membatalkan saman itu macam satu balasan kepada sokongan yang diberikan oleh mereka, itu nampak dari segi moral politik, kita harus berhati-hati dan terpulang kepada rakyat akan menginterpretasikannya, tetapi pada masa yang sama kepada mereka yang telah membayar saman sebelum itu juga rakyat, apabila sesuatu kesalahan dikompaun, pada masa yang sama sebahagian daripada mereka itu sudah bayar, adakah akan dipulangkan wang saman mereka itu. Prinsip keadilan seperti inilah yang perlu diperhatikan oleh pihak berkenaan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Kulai boleh bagi laluan?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya bagi sekalilah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya satu daripada sebab kenapa pemansuhan notis kompaun diputuskan adalah kerana semasa kerajaan-kerajaan tempatan tidak menyediakan tempat-tempat meletak kereta yang mencukupi, rakyat terpaksa meletak kereta mereka di tempat-tempat yang tidak ditetapkan. Dan juga ramai peniaga kecil...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...tidak dapat lesen daripada kerajaan tempatan di bawah Yang Berhormat Kulai pada masa itu sebagai Yang Berhormat Menteri sebab itu ramai yang terpaksa melanggar undang-undang kerana pentadbiran yang tidak baik. Sebab itu sebagai kerajaan yang prihatin kepada keadaan ini kita telah memansuhkan ini demi keadilan kepada mereka. [Tepuk]

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membetulkan kesilapan yang diutarakan oleh Yang Berhormat. Dia kata masa saya menjadi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan saya yang bertanggungjawab terhadap petak *parking* di Pulau Pinang.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri sekarang mempunyai kuasa mengarahkan Kerajaan Pulau Pinang untuk membuat sesuatu. Bidang kuasa itu di bawah kerajaan negeri. Jadi jangan kaitkan dengan Menteri Persekutuan. [Tepuk]

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh bagi laluan? Sebagai...

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Apa-apa pun...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh bagi laluan Yang Berhormat Kulai?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Cukup, cukup, cukup.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini Yang Berhormat Menteri yang mengelolakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila duduk Yang Berhormat Beruas, dia tidak bagi jalan.

#### ■1220

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak apalah. Rakyat sekarang ini mempunyai kesedaran dan pendedahan yang luas. Mereka mempunyai kematangan dan mereka sedang memerhatikan semua. Tidak kiralah Barisan Nasional atau apa pakatan pun, mereka sedang memerhati. Kita buatlah apa yang betul. Buatlah apa yang rakyat rasakan betul dan mereka akan memberi *judgement* atau menghakimkan pada pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha tersebut saya juga mengesyorkan agar kerajaan melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut bagi menjamin usaha memerangi rasuah dapat berjalan lancar dan berkesan. Antaranya, yang pertama, semua jabatan dan agensi dari peringkat Kerajaan Persekutuan hingga ke kerajaan tempatan menetapkan tempoh memproses semua jenis permohonan kelulusan dan diumumkan untuk

pengetahuan orang awam. Sejurus diumumkan agensi dan jabatan kerajaan perlulah mengadakan satu prosedur yang jelas, mudah dan telus serta patuh kepada piagam kerja untuk memproses permohonan berkenaan.

Sekiranya tempoh memproses itu tidak dipatuhi, maka mereka yang berkenaan mesti memberikan penjelasan yang munasabah di sebalik kelewatan itu. Langkah ini wajar bagi mengelakkan keadaan yang mana terdapat mana-mana pegawai yang sengaja melengah-lengahkan tempoh memproses permohonan dengan harapan untuk mendapat habuan atau memberi peluang kepada orang tengah mengambil kesempatan terhadap orang ramai.

Kedua, pemberi maklumat - *the whistleblower*, dengan izin, adalah sumber terpenting kepada MCAC untuk memulakan penyiasatan dan membantu perjalanan penyiasatan sesuatu kes. Walau bagaimanapun, setakat ini tidak ada sebarang usaha yang diambil untuk melindungi kumpulan tersebut. Oleh yang demikian, satu mekanisme pemberi maklumat haruslah dimasukkan bagi melindungi golongan terbabit dan ia mesti diberi perhatian sewajarnya di bawah undang-undang negara.

Ketiga, pada tahun 2007, Malaysia telah menduduki tempat ke-43 dalam Indeks Persepsi Rasuah yang dijalankan oleh *Transparency International*. Ini telah mengakhiri trend menurun yang dialami selama lima tahun sebelum ini. Dalam perkembangan berkaitan, hukuman yang lebih berat mesti dikenakan ke atas mereka yang didapati terbabit dalam rasuah tidak kira mereka yang berjawatan tinggi atau rendah dan juga sama ada mereka kakitangan awam atau swasta. Sudah tiba masanya kita bertegas dan mengamalkan toleransi sifar terhadap rasuah seperti mana yang dilakukan oleh ICAC dari Hong Kong dan CPIB dari Singapura.

Sejurus itu apabila seseorang individu didapati bersalah, hukuman setimpal oleh kerajaan yang dilihat sebagai langkah pencegahan perlu dijatuhkan kepada yang terlibat dan jika disabit kesalahan mereka tidak akan mendapat sebarang bentuk pencen dari kerajaan dan kesan *deterrent* ini akan dapat mencegah rasuah dengan baik. Saya turut mengalu-alukan keputusan kerajaan meningkatkan bilangan kakitangan anti rasuah daripada 1800 orang kepada 5000 orang.

MCAC perlu mempunyai kuasa untuk terus mengambil tindakan perundangan secara langsung terhadap suspek-suspek yang terlibat tanpa melalui Jabatan Peguam Negara. Ini akan membolehkan proses memerangi rasuah menjadi lebih efisien. Usaha memerangi rasuah harus menjadi keutamaan kerajaan pada masa ini. Kerajaan mesti mengambil pendirian dan tindakan tegas dalam memerangi rasuah, memenuhi aspirasi rakyat yang dahagakan sebuah kerajaan yang bersih dan sihat.

Ketika kita membincang mengenai usaha memerangi rasuah adalah penting juga sekiranya langkah-langkah pencegahan yang diambil menampakkan keberkesanan. Sering kali kebanyakan mereka yang terlibat dalam rasuah adalah terdiri daripada mereka yang berkuasa khususnya pemimpin-pemimpin politik yang menyalahgunakan kuasa, mengkhianati kepercayaan dan menggelapkan wang rakyat untuk kepentingan peribadi. Harus diingat masih ramai rakyat Malaysia yang merupakan petani, nelayan, buruh, pekerja kilang, penjaja, peniaga kecil, pemandu, golongan makan gaji yang berpendapatan rendah dan mereka adalah terdiri daripada pelbagai kaum, baik Melayu, India, Kadazan, Iban, mahupun orang Cina dan lain-lain.

Golongan berpendapatan rendah ini memerlukan banyak perhatian dan galakan daripada kerajaan untuk mengatasi cabaran hidup keluarga mereka. Mereka tidak tahan mendengar atau diberitahu bahawa terdapat wang ringgit bernilai berjuta-juta atau ratusan juta ringgit seolah-olah dibelanjakan dengan boros, mempunyai banyak kebocoran ataupun penyalahgunaan.

Untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah satu strategi menyeluruh perlu dirangka untuk melindungi kepentingan mereka. Apa yang diharapkan mereka ialah wang rakyat yang dikutip kerajaan menerusi cukai dan bentuk yang lain dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Terdapat kes-kes tertentu yang mana individu-individu yang menghadapi masalah kewangan sedang menunggu bantuan atau pertolongan

dan di satu pihak lagi pula terdapat persepsi bahawa ada pihak yang menggelapkan wang rakyat terus menikmati kehidupan senang lenang.

Hakikat ketiga ini terdapat persepsi negatif yang menyelubungi imej kerajaan. Dalam konteks ini kerajaan kadangkala dilihat mengumumkan inisiatif-inisiatif proaktif tetapi belum disusuli dengan tindakan yang benar-benar efektif. Oleh yang demikian, kerajaan...

**Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Kulai, mohon laluan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya habiskan ayat ini. Kerajaan perlu memadamkan tanggapan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai, nanti. Saya hendak mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mencelah. Seperti yang tertulis dalam peraturan 35, Yang Berhormat hanya perlu bangun dan Tuan Yang di-Pertua akan meminta keizinan daripada Ahli Yang Berhormat yang sedang berucap untuk memberi laluan kepada Ahli-ahli yang inginkan penjelasan. Tidak perlulah Yang Berhormat bangun dan terus meminta daripada Ahli yang sedang berucap. Terima kasih dan sila teruskan Yang Berhormat Kulai.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Kerajaan perlu memadamkan tanggapan buruk ini dengan tindakan-tindakan konkrit dan komitmen politik yang kuat untuk meyakinkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Titah Ucapan Tuanku yang telah menyentuh tentang komitmen kerajaan untuk menambahbaikkan dan memperkasakan sistem kehakiman negara.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Gopeng bangun. Hendak bagi jalan?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kulai. Tadi ada dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kulai bahawa ada pemimpin-pemimpin politik yang terlibat dalam rasuah. Soalan saya dan ingin saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Kulai, adakah pemimpin-pemimpin politik ini terdiri daripada menteri-menteri, ketua menteri ataupun exco-exco negeri.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak buat dakwaan yang mengatakan sesiapa ataupun membuat suatu tuduhan yang spesifik. Saya katakan persepsi pada masa-masa yang lalu biasanya rakyat merasakan mereka yang berkedudukan tinggi termasuk pemimpin politik nampaknya ada persepsi negatif itu. Sebenarnya pada hari ini saya telah mengemukakan satu soalan tetapi tidak dapat gilirannya untuk menanyakan Perdana Menteri bahawa berapa orang pemimpin politik, bekas ahli majlis, bekas wakil rakyat dan bekas pemimpin di semua peringkat yang terlibat dalam rasuah serta berapakah yang didakwa dan berapa yang disiasat. Saya pun hendak tahu *figure* itu bagi masa-masa yang lalu.

Saya rasa ini adalah satu masalah yang semua ambil perhatian. Apabila saya nampak Perdana Menteri membuat usaha ini nampaknya Perdana Menteri amat serius hendak menangani masalah ini. Maka kita sama-samalah cuba menjayakan segala usaha supaya rakyat akan yakin pada kerajaan.

**Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** [Bangun]

**Dr. Mohd. Hatta bin Mohd. Ramli [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai, ada tiga ahli yang bangun. Hendak bagi jalan?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Batu Pahat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

**Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan hukuman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa si perasuah ini kalau sudah didapati bersalah, dihukum di mahkamah, maka harta dia itu perlu dirampas termasuklah anting-anting, gelang tangan, gelang kaki atau subang yang dipakai oleh isterinya yang dibeli melalui hasil rasuah, adakah Yang Berhormat bersetuju.

■1230

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Setuju Yang Berhormat, memang kita kena ada *tolerant effect*. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Kubang Kerian bangun. Hendak bagi jalan? Yang mana satu Yang Berhormat?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat menjalankan tugas baru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Kulai. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang pengalaman ACA di Hong Kong dan pengalaman ACA di Singapura dan juga kalau kita membaca laporan daripada UNDP, negara-negara Scandinavia, mereka amat berbangga dengan prestasi negara mereka yang seakan sifar rasuah.

Sewaktu Yang Berhormat menjadi Menteri dahulu dan saya pun berpengalaman dahulu, kita sering kali menyuarakan di Dewan yang mulia ini supaya di antara tunggak dan asas yang paling penting dalam membanteras sebenarnya adalah yang dilakukan di Hong Kong, yang dikemukakan oleh Yang Mulia Tengku Abdul Aziz dalam satu kertas kerjanya dalam seminar rasuah di peringkat antarabangsa adalah *the right to prosecute*, dengan izin.

Inilah yang hilang sebenarnya, ini yang tidak ada lagi dalam sistem perundangan negara kita. Adakah Yang Berhormat bersetuju? Kalau dahulu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, izinkan saya menyebut namanya dulu, Datuk Dr. Rais Yatim mengatakan ada 18 tokoh yang berprofil tinggi, yang hilang failnya hari ini. Jadi ini semua perlu dibongkar, demi mandat rakyat supaya ianya menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas rasuah. Kalau kita mahu keazaman itu. Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya telah sebut dalam ucapan saya tadi, iaitu MCAC perlu mempunyai kuasa untuk terus mendakwa, tanpa melalui Jabatan Peguam Negara. Itu pandangan saya dan saya rasa tidak ada apa bezalah apa yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat dan saya telah kata kita sama-sama, tidak kira sesiapa pun.

Kita hendak tengok negara ini betul-betul mempunyai rakyat yang yakin dan mempunyai persepsi yang betul. Saya tidak sebut mereka yang berpendapatan rendah, berpendapatan sederhana rendah, mereka bukan senang sekarang ini kehidupannya. Penuh dengan tekanan dan mereka tidak boleh tahan dengan berita, kata *once*, nampaknya, kalau tidak ada suatu ketulusan atau sesuatu persepsi yang negatif. Maka kita kena memperbetulkan persepsi itu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan. Kita dengar Yang Berhormat Kulai dalam ucapan yang pertama bukan sebagai seorang menteri, mengenai masalah rasuah dan sudah menjadi isu yang kerap kali telah dibangkitkan oleh kita di sebelah sini.

Cadangan-cadangan yang ada diutarakan, memang cadangan yang baik. Akan tetapi saya mahu tanya ialah dalam masa lima tahun, beliau adalah Jemaah Menteri, Yang



Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah beliau pernah bangkit perkara-perkara besar semacam ini? Khasnya kenapa sejak tahun 2003, kedudukan Malaysia di *corruption perception index transparency international* jatuh daripada tangga ke-37 pada tahun 2003 sehingga tangga ke-44 pada tahun 2006 dan ke-43 pada 2007.

Adakah Yang Berhormat Kulai sebagai Jemaah Menteri menerima prinsip *collective responsibility* bahawa beliau bertanggungjawab atas empat, lima tahun ini, apabila korupsi lebih bermaharajalela, lebih teruk sungguhpun ada janji dibuat pada tahun 2004 bahawa akan membanteras rasuah khasnya dalam surat khabar MCA berkata bahawa undilah Barisan Nasional supaya adalah... [Bercakap dalam bahasa Mandarin]

Akan tetapi dalam empat tahun kita lihat... [Bercakap dalam bahasa Mandarin] tetapi lebih banyak rasuah. Adakah perkara ini Yang Berhormat bangkitkan dalam Kabinet empat, lima tahun ini? Kenapa, kalau beliau ada membangkitkan perkara ini, kenapa tidak ada apa-apa kesan? Adakah beliau menerima sekarang bahawa dalam empat, lima tahun ini apa yang berlaku rasuah lebih bermaharajalela dan beliau menerima tanggungjawab sebagai prinsip *responsibility* dan sekarang mahu mengubah dan membetulkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, apa makna ... [Bercakap dalam bahasa Mandarin]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** [Bercakap dalam bahasa Mandarin] ...ialah sebaliknya, semua gelap di tanah air kita. Yang Berhormat Kulai faham apa maksudnya.. [Bercakap dalam bahasa Mandarin]

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, [Bercakap dalam bahasa Mandarin] itu sebenarnya tidak ada kena-mengena dengan MCA. Pada pilihan raya tahun 2004, MCA tidak keluarkan iklan itu. Bukan daripada saya, jadi saya sepatutnya bukan orang yang menjawabnya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** MCA itu siapa?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya pun tidak tahu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tak tahu?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang mengalukan apa yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, kerana sekarang kerajaan sudah sampai ke satu tahap hendak memperbetulkan persepsi.

Jadi apa yang saya cadangkan ialah untuk meyakinkan rakyat bagi MCAC kuasa yang secukupnya untuk mendakwa, dan sebenarnya negara kita sedang maju ke depan, perkembangan semasa dan rakyat telah menyuarakan sesuatu yang mereka tidak puas hati. Kerajaan betulkan persepsi. Saya rasa itu satu langkah yang betul. Jadi tidak payahlah perangkap saya untuk cakap sesuatu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Kuala Krai bangun.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Last sekali, sebab saya susah hendak *present*, saya banyak lagi. Okey.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kulai. Yang Berhormat Kulai mengatakan bahawa kita memerlukan *political will* untuk melaksanakan tindakan-tindakan membanteras rasuah ini.

Sesi yang lalu, Kerajaan Barisan Nasional mempunyai kekuatan politik dalam Dewan ini, hampir 90% hampir *absolute* dan mereka bermula dengan baik untuk membanteras rasuah ini. Akan tetapi empat tahun kemudian kita bercakap hari ini seolah-olah kerajaan tersebut gagal.

Jadi dengan kekurangan majoriti dan tidak ada 2/3 ini, apakah Yang Berhormat Kulai berpandangan bahawa *political will* itu lebih hebat daripada 90% dalam Parlimen ini Yang hampir *absolute* atau pun kita boleh pakai *Maxim* dengan izin, *absolute power*, *corrupt absolutely*, dengan izin.

Jadi adakah itu dan saya bertanya sama ada *will* itu ada sekarang ini dan bagaimana agaknya hendak melaksanakan?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kerajaan Barisan Nasional memang ada *political view* dan itu sebabnya pelbagai langkah yang menunjukkan kesungguhan baru-baru ini telah diumumkan. Maka kita bergerak ke depan. Kita hendak tengok kali ini, betul-betul kita berjaya dan rakyat pun ada keyakinan.

Saya rasa Yang Berhormat atau sesiapa yang hendak jawapan dari kerajaan bolehlah mereka memberikan ucapan. Sekarang saya bercakap bagi pihak rakyat, sebagai wakil rakyat. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Belum jawab soalan tadi. Saya ada kemukakan mengenai sama ada beliau menerima prinsip *responsibility* masa depan dalam tempoh lima tahun biarpun gagal. Dia ada ambil bahagian, tanggungjawab mengenai kedudukan rasuah yang lebih bermaharajalela sehingga bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir kata bahawa di bawah pentadbiran Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi rasuah lebih teruk.

Masa beliau *below the table*, di masa sekarang, *above the table*, bukankah beliau sebagai ahli anggota Jemaah Menteri perlu menerima *full responsibility* mengenai kejutan semacam ini.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya rasa itu kenyataan Yang Berhormat buat. Saya tidak semestinya hendak menjawab atau setuju. Apa yang boleh saya katakan ialah pada masa saya menjadi menteri atau sekarang, saya berpegang teguh kepada bersih integriti. Saya tidak bersetuju dengan sebarang bentuk rasuah.

Sayalah salah seorang yang tidak boleh berkompromi. Itulah pendirian saya. Jadi tidak payahlah kita nak berpatah balik kepada dulu. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan sidang...

#### ■1240

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak jawab. Dia bersih, dia kata dia bersih. Semua *minister* kata bersih tetapi Malaysia lebih korup. Kenapa boleh berlaku? Semua anggota menteri kata mereka semua bersih, tetapi Kabinet Kerajaan lebih korup. Bagaimana boleh berlaku?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Jangan lupa saya sekarang wakil rakyat. Hendak tanya, tanya kepada menteri lah nanti, ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bukan menteri lepas, menteri lepas. Kenapa boleh berlaku?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timor, tak bolehlah macam ini Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Di mana Yang Berhormat seorang anggota Kabinet itu.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya sudah jawab sama ada saya anggota Kabinetkah atau Ahli Dewan Rakyat biasa, saya berpegang teguh kepada anti rasuah. Saya tidak berkompromi dalam cara apa pun. [Tepuk] Apa saya telah cakap dahulu, apa saya bangkit dahulu, saya benar-benar boleh dikatakan, *my conscience is very clear*. Jadi tak bolehlah...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bererti lain menteri ada kompromilah, lain menteri semua korup kecuali Yang Berhormat Menteri sahaja. Kalau tidak, kenapa boleh berlaku? Negara boleh korup, semua menteri kata mereka bersih. Bagaimana boleh berlaku? Kita mahu faham.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** [Bangun]

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Adakah saya cakap dakwaan macam itu, ini *is a very cunning remark*. Saya tidak cakap orang lain tidak bersih dan sebagainya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ini implikasi, implikasinya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Seorang menteri bersih, negara lebih korup apakah ertinya?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya tidak cakap pasal orang lain. Saya cakap bagi pihak saya. Rasa saya tidak payahlah...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Eh, Tuan Yang di-Pertua tengok macam mana ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat Kulai. Tidak bolehlah soal jawab macam ini. Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur. Ruang untuk meminta jalan daripada Yang Berhormat Kulai ya. Teruskan Yang Berhormat Kulai.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Boleh Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** *Last, satulah. [Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi disebutkan bahawa ini adalah perkara persepsi. Apa istilah persepsi? Persepsi dengan realiti adalah dua perkara yang berbeza. Kita jangan terperangkap dengan kempen persepsi ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat daripada Kulai. Bersetuju atau tidak pada pengamatan saya bahawa pihak pembangkang yang berkempen secara habis-habisan menggunakan modal politik iaitu menggambarkan persepsi ini di kalangan rakyat, tanpa memberikan kes-kes dan bukti-bukti yang nyata. Kalau mereka mempunyai kes-kes dan bukti-bukti yang nyata, kenapa tidak bawa kepada pengaduan?

Jadi dengan itu saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Kulai, jangan kita terperangkap dengan strategi dan perangkap yang dibuat oleh pihak-pihak daripada parti pembangkang. Ini persepsi. Persepsi belum tentu betul. Kenapa maka ia diperbesar-besarkan seolah-olah kita merasa apologetik? Saya tidak *endorse corruption*. Saya tidak bersetuju dengan *corruption*, tetapi biarlah kita bercakap secara bertanggungjawab.

Lagi satu, kita bangga dengan *Transparency International*. Apa kaedah yang mereka gunakan? Apa mekanisme yang ada? Mekanisme? Apa formula yang digunakan? Kita memuji-muji cara-cara orang asing untuk menentukan cara kita memerintah negara kita ini. Kita ada cara kita. Tiap-tiap kali, kita merujuk kepada orang luar. Rujuk kepada orang luar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Pasir Salak tidak payah berucap.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya kena berucap sedikit kerana pihak parti pembangkang berucap banyak kali. Seolah-olah kita tidak hujah untuk membalas ucapan-ucapan mereka. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Bandar Tun Razak bangun. Hendak bagi jalan?

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Saya ingin menjelaskan bahawa pihak kami berpendapat, kalau Yang Berhormat dari Kulai benar-benar sekarang bertaubat ataupun untuk menjalankan usaha-usaha yang menghapuskan rasuah, salah satu perkara yang dicadangkan ialah supaya menggubal semula akta *official* dengan izin, *Official Secrets Act* iaitu Akta Rahsia Rasmi dan digantikan dengan hak untuk maklumat, *the right to information*.

Jadi apa yang kita perhatikan daripada kenyataan Yang Berhormat itu, maknanya dia hanya mencarikan, mengungkap bahawa dia serius dalam usaha menghapuskan rasuah tetapi tidak mencadangkan perkara-perkara yang patut dilakukan yang mana Parlimen yang mulia ini dapat menjalankannya. Ini kalau diperhatikan dalam kajian-kajian yang telah dibuat di India dan juga di Australia dan beberapa negeri. Hasil daripada ini dengan secara cepat dapat mengurangkan keadaan pelaksanaan untuk mengurangkan rasuah dan pelaksanaan untuk mencari fakta-fakta mengenai rasuah dapat dijalankan dengan cepat. Saya berharap Yang Berhormat dari Kulai menerima cadangan ini.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat ada banyak cadangan, pandangan mereka. Berucaplah nanti. Bagi cadangan itu dikemukakan untuk pertimbangan pihak kerajaan.

**Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Cukup, cukup Yang Berhormat. Saya tidak bagi lagi sebab saya tidak ada masa lagi. Banyak perkara belum pun...

**Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat Kulai, ini kawan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Semua ini kawan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau bangun Yang Berhormat. Dia tidak bagi Yang Berhormat Rembau. Sila duduk.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Cukup saya tidak bagi sesiapa pun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rembau, bangun Yang Berhormat. Dia tidak bagi Yang Berhormat Rembau, sila duduk.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Semua mereka boleh berucap dan bukan saya hanya seorang dapat peluang. Jadi mereka berucaplah apabila sampai giliran mereka. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan, teruskan Yang Berhormat Kulai.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Dalam Dewan Rakyat pun, ada prinsip kroni hendak diamalkan, terima kasih. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya tidak bagi jalan lagi.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Sebab itu dia tidak bagi jalan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tidak bagi jalan lagi. Saya ingin menyatakan sokongan terhadap agenda penambahbaikan ke atas sistem kehakiman negara yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada majlis makan malam anjuran Majlis Peguam Malaysia pada 17 April yang lalu.

Penubuhan sebuah Suruhanjaya Kehakiman yang bebas untuk melihat isu pelantikan dan kenaikan pangkat hakim serta peningkatan kadar gaji hakim-hakim adalah tepat pada masanya. Langkah berkenaan dilihat mampu mengembalikan keyakinan rakyat awam terhadap sistem kehakiman negara. Jika kita dapat membuktikan urusan pelantikan dan kenaikan pangkat hakim adalah telus, objektif dan bertanggungjawab. Justeru, kita sedang bergerak seiring dengan peredaran masa yang mana cara pelantikan hakim-hakim ini sebenarnya telah diguna pakai di kebanyakan negara Komanwel.

Cadangan peranan utama untuk Suruhanjaya Kehakiman ialah mengesyorkan calon-calon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kemudiannya akan berunding dengan Majlis Raja-Raja sebelum menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap siapakah yang akan dilantik sebagai hakim ataupun dinaikkan pangkat. Dalam erti kata lain, apabila Perdana Menteri berunding dengan Ketua Hakim

Negara, pilihan calon yang disyorkan oleh Ketua Hakim Negara mestilah terdiri daripada calon-calon yang disyorkan oleh Suruhanjaya Kehakiman.

Dalam hal ini, saya ingin menambah bahawa calon-calon hakim yang disyorkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Majlis Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agong mestilah juga datang dari calon yang disyorkan oleh suruhanjaya berkenaan. Segala usaha murni untuk mereformasi sistem kehakiman negara akan menjadi sia-sia sekiranya didapati calon yang disyorkan itu adalah lain daripada apa yang dicadangkan oleh pihak suruhanjaya, yang sebelum ini sudah melaksanakan proses penilaian yang teliti terhadap calon-calon hakim yang dimaksudkan.

Saya berharap, penubuhan Suruhanjaya Kehakiman ini akan turut mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (i) merangka dengan teliti satu proses penilaian terhadap calon-calon hakim bagi menangkis sebarang tohmahan, kononnya mereka yang mempunyai hubungan dengan golongan tertentu akan dipertimbangkan sebagai hakim;
- (ii) memansuhkan peranan Pesuruhjaya Kehakiman yang dilantik secara sementara memandangkan timbulnya kebimbangan bahawa Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman berhutang ketaatan mereka kepada Ketua Hakim Negara yang mempunyai kuasa memutuskan sama ada mereka akan dilantik ke jawatan penuh sebagai Hakim-hakim Mahkamah Tinggi nanti. Jika kedudukan ini masih dikekalkan, saya cadangkan agar Suruhanjaya Kehakiman juga diberi peranan untuk mengesyorkan calon-calon dan bukan lagi mengikut mekanisme pemilihan sedia ada seperti yang dinyatakan dalam Artikel 122AB, Perlembagaan Persekutuan.

#### ■ 1250

Ini bermakna Suruhanjaya Kehakiman kemudiannya akan bertindak menasihati Yang di-Pertuan Agong calon manakah yang lebih layak dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman. Yang keduanya, membenarkan Suruhanjaya Kehakiman mengesyorkan calon-calon hakim untuk dilantik sebagai majistret dan Hakim-hakim Mahkamah Sesyen yang pada ketika ini pelantikannya dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman. Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman ini merupakan badan eksekutif kepada Peguam Negara dan Peguam Negara ada kalanya juga membicarakan kes di hadapan mereka serta Peguam Negara sendiri juga adalah ahli dalam suruhanjaya berkenaan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Kulai.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya tidak bagi. Pendek kata ...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kawan pun tidak bagi ke?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk, Kinabatangan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Pendek kata Peguam Negara boleh memutuskan isu-isu berhubung dengan prospek kenaikan pangkat hakim-hakim majistret dan Hakim-hakim Mahkamah Sesyen. Terdapat kebimbangan jika mekanisme ini terus diguna pakai dan tidak digantikan dengan sebuah Suruhanjaya Kehakiman yang bebas. Para hakim majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen akan dituduh sebagai tidak bebas walaupun penghakiman mereka tidak menyebelahi kerajaan dan adalah betul dari segi undang-undang. Menyentuh mengenai soal persepsi, kita tidak dapat menafikan bahawa komposisi hakim yang ada sekarang tidak mencerminkan aspek kepelbagaian kaum di negara kita. Kita juga tidak dapat menafikan bahawa hakim-hakim adalah manusia dan sebanyak mana mereka memang ingin dilihat sebagai seorang hakim yang bebas dan telus, aspek keagamaan kaum dan juga latar belakang budaya seseorang hakim merupakan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pemikirannya yang sepatutnya bebas dan rasional sebelum ini.

Oleh yang demikian, untuk memberi persepsi yang lebih positif, komposisi hakim yang mencerminkan kepelbagaian kaum memang boleh membawa kesan amat baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Penjelasan...

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya tidak bagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya mahu tanya adakah dia akan bangkit perkara ini dalam Kabinet? Adakah dia akan bangkit ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ipoh Timur, dia tidak bagi Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** ...dan kalau tidak kenapa tidak ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila duduk Ipoh Timur. Duduk.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya nak teruskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Teruskan Kulai.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya tidak cadangkan bahawa...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak bagi sana bagi kawanlah sama-sama barisan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan, dia tidak bagi Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** ...sudah tentu pelantikan seseorang hakim perlulah berpandukan kepada merit kebolehan, kebijaksanaan, bebas dan adil serta integriti dan ianya tidak dilihat ada kena-mengena dengan latar belakang keturunan atau gender. Pada masa yang sama kita juga perlu membetulkan sebarang tanggapan umum kononnya hakim-hakim kita tidak dapat menghakimi isu-isu sensitif dengan adil terutamanya apabila melibatkan kes agama.

Sehubungan itu, saya juga ingin mencadangkan supaya sistem percabaran juri diamalkan semula bagi kes-kes yang melibatkan jenayah berat. Saya mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menambahbaikkan dan memperkasakan sistem kehakiman yang memberi harapan kepada rakyat dan juga negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh tiga tahun yang lalu, kita sering mendengar dan menyaksikan isu-isu pertikaian agama yang membabitkan hak perlembagaan rakyat bukan Islam. Kes-kes kontroversi seperti mendiang M. Moorthi, Gan Heng Hool, kes Lina Joy, penahanan saudara Ravathi ataupun kes untuk mendapatkan hak penjagaan anak pada Shamala dan Shubashini terus kedengaran. Awal bulan ini terdapat beberapa kenyataan bahawa cadangan pindaan undang-undang untuk memberi kesan dan melindungi penduduk Islam dan bukan Islam. Penduduk bukan Islam tidak sepatutnya tertakluk kepada sebarang bentuk perundangan syariah dan apabila berlaku sebarang pertikaian atau pertindihan kuasa antara Mahkamah Sivil dan Syariah, Mahkamah Sivil mesti diutamakan. Kerajaan perlu bersikap lebih telus dalam proses ini bagi mengelakkan berulangnya kes-kes pertikaian isu agama seperti yang disebutkan tadi.

Pada masa yang sama kita memegang teguh pada penghakiman Mahkamah Agung terhadap kes Tan Sung Mooi 1994 yang mana tindakan menukar agama kepada Islam tidak menghalang seseorang mualaf daripada menunai obligasi perundangan dan tanggungjawab-tanggungjawab di bawah perkahwinan sivil. Sebarang perkahwinan yang dilangsungkan menerusi undang-undang sivil hanya boleh dimansuhkan mengikut undang-undang sivil dalam kes yang mana salah seorang ibu atau bapa memeluk Islam harus ditetapkan bahawa status agama anak mereka mesti ditentukan oleh kedua-dua ibu bapa secara bersama. Sekiranya timbul pertikaian mengenai status agama anak, agama anak berkenaan perlulah dikekalkan ataupun *status quo*, dengan izin sehinggalah anak-anak

tersebut mencapai umur majoriti iaitu 18 tahun dalam mana anak itu berhak memutuskan agama yang ingin diperlukan.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan, minta penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya nak teruskan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Kes Tan Sung Mooi yang masih tertanggung mendedahkan bahawa wujud pertikaian perwarisan harta untuk mereka yang telah dinamakan sebagai waris penerima sebelum individu yang memiliki harta itu memeluk Islam, dalam keadaan sekiranya mualaf itu meninggal dunia harta yang menjadi milik individu tersebut sebelum tarikh penukaran agama perlu diadili mengikut undang-undang sivil mengenai perwarisan. Dalam situasi-situasi membabitkan penduduk bukan Islam yang memeluk Islam yang disebabkan faktor perkahwinan mualaf berkenaan perlu dibenarkan untuk kembali ke agama asal apabila perkahwinan mereka telah tamat. Sama juga keadaan jika anak seorang yang memeluk Islam secara *unilateral* oleh salah seorang ibu atau bapa tanpa mendapat kebenaran daripada seorang lagi ibu atau bapa anak tadi seharusnya dibenarkan untuk mengekalkan agama asal sehinggalah dia mencapai umur majoriti yang mana dia adalah bebas untuk memeluk agama pilihannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat bangun. Yang Berhormat bagi jalan. Silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat pindaan Perlembagaan sudah pun dibuat Perkara 121 1(A) iaitu apa sahaja keputusan Mahkamah Syariah tidak lagi boleh diubah oleh Mahkamah Sivil. Apakah Yang Berhormat tidak setuju dengan pindaan tersebut sebenarnya ketika berada dalam kerajaan?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebut tadi ialah sesuatu perkahwinan telah dibuat di bawah undang-undang sivil, maka hak-hak yang telah termaktub dalam akta sivil itu perlu digunakan apabila perkahwinan itu sudah mempunyai masalah sebagai contoh sudah ada perceraian dan sebagainya. Itu dia lain daripada menyoal kuasa Mahkamah Syariah, saya tidak sentuh pasal apa yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Apa yang saya sebutkan adalah dahulunya kahwin di bawah undang-undang sivil maka pergi balik pada Mahkamah Sivil untuk selesaikan apa-apa obligasi. Itu sahaja...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Pasir Mas bangun.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua saya rasa sudah cukuplah saya nak teruskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak bagi Pasir Mas. Sila duduk.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Isu-isu gender kerajaan perlu memberi komitmen sepenuhnya terhadap pematuhan pada artikel lapan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memberi semua orang hak dan perlindungan sama rata dari segi undang-undang.

Pada 23 April 2008, akhbar bahasa Inggeris NST menerbitkan sepucuk surat yang ditulis oleh seorang wanita warganegara Malaysia yang mana beliau meluahkan kekecewaan kononnya polisi kita menafikan anaknya hak kewarganegaraan Malaysia atas sebab anaknya dilahirkan di luar negara kepada seseorang wanita warganegara Malaysia. Artikel 8(2) dalam Perlembagaan Persekutuan menyebut tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, *race*, keturunan, tempat lahir atau jantina. Justeru, hak kerakyatan Malaysia mesti diberi pada kanak-kanak yang dilahir oleh semua ibu warganegara Malaysia tanpa mengira status perkahwinan atau tempat mereka

dilahirkan, Menafikan hak kewarganegaraan kanak-kanak ini adalah tidak adil dan menentang Perlembagaan. Tuan Yang di-Pertua, pendidikan bahasa ibunda merupakan salah...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat minta penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya tidak bagilah. Saya kena teruskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak bagilah.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Satu aset yang cukup penting dalam negara kita. Kepelbagaian bahasa yang ada dalam komuniti juga menjadi satu keistimewaan dalam negara ini. Oleh yang demikian, kita perlu memastikan bahawa keupayaan para pelajar untuk bertutur dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dipertingkatkan bagi membolehkan rakyat berkomunikasi antara satu sama lain dengan lebih lancar di samping berinteraksi dalam dunia globalisasi dengan efektif. Kerajaan juga wajar membantu pembangunan sekolah-sekolah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai, panjang lagi ke? Boleh sambung petang nanti?

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masuk jam 1.00 petang, saya tangguhkan Mesyuarat ini hingga jam 2.30 petang nanti.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kulai, sila teruskan.

### **2.32 ptg.**

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap tahniah kepada Datuk kerana dipilih menjadi Timbalan Speaker. Sebelum saya lanjutkan, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada Mendiang M. G. Pandithan kerana beliau merupakan seorang Ahli Dewan Rakyat pada tahun 1986 hingga 1990 di Dewan yang mulia ini. Saya ucap takziah kepada ahli-ahli keluarganya kerana beliau telah meninggal pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan wajar membantu dalam pembangunan sekolah-sekolah vernakular sama ada SJKC, SJKT, sekolah bantuan seperti sekolah agama rakyat atau sekolah-sekolah mubaligh, *mission schools*, berdasarkan kepada keperluan golongan ibu bapa dan masyarakat setempat dan tidak menunggu sehingga bangkitnya tuntutan daripada orang awam. Kita perlu menghormati pendapat rakyat awam. Setiap rakyat di negara ini mempunyai hak mereka untuk mempelajari bahasa ibunda mereka seperti yang termaktub dalam Artikel 152, Perlembagaan Persekutuan.

Jadi kerajaan perlu meneliti keperluan bilangan sekolah-sekolah vernakular yang perlu dibina di sesetengah kawasan yang sesuai. Kerajaan telah dan akan membelanjakan peruntukan sebanyak RM38 bilion untuk pendidikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jumlah peruntukan tersebut adalah antara peruntukan terbesar pernah diberikan. Kerajaan seharusnya memanfaatkan sepenuhnya dana tersebut untuk memenuhi keperluan semua sekolah.

Di sini saya mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran menginstitusikan, *institutionalized*, dengan izin, mekanisme pembinaan SJKC dan SJKT baru mengikut



keperluan di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk mengikut kaum Cina dan India dan juga mereka yang memerlukan terutama di kawasan Lembah Klang, Johor Selatan, Lembah Kinta dan Pulau Pinang. Untuk menunjukkan komitmen kerajaan dalam hal ini, saya mencadangkan kos pembinaan sekolah baru yang direstui baru-baru ini iaitu enam buah SJKC baru dan perpindahan 13 buah SJKC dapat ditanggung oleh kerajaan.

Baru-baru ini Menteri Pelajaran telah menyatakan hasratnya untuk mempertimbangkan permohonan menggunakan semula bangunan lama SJKC Damansara. Saya mengalu-alukan kenyataan Menteri Pelajaran dan meminta agar permohonan untuk mengguna semula bangunan SJKC Damansara sebagai sebuah SJKC wajar diluluskan dalam tempoh terdekat. Selain daripada itu, pembangunan SJKC, SJKT dan sekolah agama rakyat turut memerlukan perhatian dan tindakan segera daripada pihak kerajaan.

Selama ini sekolah-sekolah pelbagai aliran ini diasingkan secara pentadbiran oleh kementerian kepada dua kategori iaitu sekolah bantuan modal dan sekolah bantuan penuh. Perkara ini banyak menimbulkan rungutan dan rintihan dalam kalangan masyarakat majmuk Malaysia. Rata-rata lembaga pengurus sekolah dan PIBG sekolah bantuan modal mengadu tentang kesukaran mendapatkan peruntukan pembangunan walaupun sekolah amat memerlukan bantuan kewangan kerana keadaan bangunan yang uzur. Kadang kala peruntukan mengurus kepada sekolah bantuan modal tidak mencukupi untuk membiayai bil utiliti dan ini menyebabkan lembaga pengurus sekolah dan PIBG terpaksa mencari dana dari golongan ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya untuk kita memikir di luar kotak, dengan izin, *thinking out of the box*, dengan memansuhkan amalan yang membezakan layanan terhadap sekolah bantuan modal dan bantuan penuh. Pemikiran kononnya kerajaan tidak boleh membantu sekolah bantuan modal memang tidak diterima oleh rakyat terutama dalam era di mana pucuk pimpinan negara menitikberatkan pembangunan modal insan.

Tiada siapa yang rugi jika Kementerian Pelajaran menganggap semua sekolah sama ada sekolah kebangsaan, SJKC, SJKT atau sekolah agama rakyat sebagai sekolah kerajaan dan dibantu sepenuhnya dari segi pembangunan dan pengoperasian harian sekolah. Ini merupakan satu pembaharuan yang diharap-harapkan oleh rakyat.

Pada tahun 2007 terdapat 643,679 pelajar yang menuntut di sekolah SJKC dan 103,284 pelajar di SJKT dan angka berkenaan membentuk 22% daripada RM3.4 juta pelajar sekolah rendah di Malaysia. Sesungguhnya bilangan pelajar yang disebutkan tadi adalah cukup signifikan.

Dalam usaha untuk membina modal insan yang akan menyumbang kepada pembangunan negara, adalah penting peruntukan untuk sekolah-sekolah diguna dengan berkesan. Masalah kekurangan guru di SJKC telah berlaku sejak berpuluh-puluh tahun dan sehingga hari ini ianya masih belum diselesaikan sepenuhnya.

Pada masa ini SJKC menghadapi kekurangan 3,500 orang guru dan angka ini diramalkan akan meningkat apabila nisbah guru di sekolah rendah akan dinaikkan daripada 1.5 hingga ke 1.7. Maka adalah diharapkan Kementerian Pelajaran menggunakan pendekatan baru untuk mengatasi kekurangan guru di SJKC. Kementerian Pelajaran perlu menyemak unjuran guru yang telah dilakukan dan kejituannya sentiasa dipertikaikan kerana tidak menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku di sekolah. Di sini saya menyeru agar Kementerian Pelajaran membuat perangkaan unjuran yang tepat serta mengambil tindakan cepat untuk mengatasi kekusutan ini.

Kaedah pengambilan Guru Sandaran Tidak Terlatih ataupun GSTT dan guru kontrak selepas persaraan perlu dibuat dengan efisien sebagai penyelesaian jangka pendek. Sebagai penyelesaian jangka panjang, Kementerian Pelajaran mesti menambah pengambilan KPLI iaitu Kursus Perguruan Lulusan Ijazah, Kursus Dalam Cuti (KDC), Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) untuk lepasan SPM.

■ 1440

Kombinasi opsyen yang lebih fleksibel perlu diwujudkan Institut Pendidikan Guru (IPG) dan semua IPG yang telah menutup kursus Perguruan Pengajian Cina hendaklah dihidupkan semula khususnya IPG di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Inggeris (PPSMI) yang diamalkan sejak tahun 2003.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kulai.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya nak teruskan.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sikit saja.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Maaflah, saya nak teruskan. Yang Berhormat boleh ucapkan masa giliran Yang Berhormat. Sejak tahun 2003, perlu dikaji secepat mungkin. Bagi peringkat sekolah menengah, nampak reaksi masyarakat agak positif untuk menguruskan PPSMI di peringkat sekolah menengah.

Bagi peringkat sekolah rendah pula, saya turut mengalu-alukan pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa keputusan sama ada meneruskan PPSMI di peringkat sekolah rendah akan ditentukan selepas UPSR pada tahun ini. Sementara itu, pada 18 April tahun ini, Menteri Pelajaran turut mengumumkan cadangan Kementerian Pelajaran Malaysia meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah dan menengah termasuk Pengenalan Kesusasteraan English.

Sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa masyarakat ibu-bapa kaum Cina khususnya berpendapat bahawa PPSMI di SJKC patut dimansuhkan dan dikembali ke sistem asal iaitu menggunakan bahasa ibunda. Ramai berpendapat bahawa penggunaan bahasa ibunda dalam PPSMI lebih mudah difahami oleh murid-murid yang berusia dari 7 hingga 12 tahun.

Pada waktu yang sama, masyarakat Cina juga bersetuju untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris sejak tahap satu sekolah rendah. Selain sekolah kebangsaan dan vernakular dan sekolah agama rakyat, kita juga perlu mengiktiraf sumbangan-sumbangan yang diberikan oleh sekolah-sekolah mubaligh ataupun *missions schools* kepada landskap pendidikan di Malaysia. Sekolah-sekolah mubaligh mula memberikan pendidikan kepada kanak-kanak dari setiap lapisan masyarakat dengan harapan bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga pembangunan sahsiah sejak kurun ke-19 lagi.

Sekolah-sekolah mubaligh adalah hampir sama dengan sekolah-sekolah kebangsaan dan vernakular lain di Malaysia, membuka pintu mereka kepada para pelajar tanpa mengira batas kaum, agama mahupun keturunan. Sekolah-sekolah mubaligh turut menanamkan semangat taat setia dalam kalangan pelajar mereka kepada Yang di-Pertuan Agong dan negara selain pada masa yang sama menyemai benih kasih sayang kepada golongan yang kurang bernasib baik. Ramai tokoh terkemuka negara menerima pendidikan di sekolah-sekolah mubaligh.

Sekolah-sekolah mubaligh merupakan model yang baik untuk usaha integrasi kaum lantas memenuhi semangat rakyat Malaysia. Daripada 226 buah sekolah-sekolah mubaligh di negara ini, 53 daripadanya sudah berusia lebih daripada 100 tahun iaitu satu abad dan memerlukan bantuan kewangan. Memandangkan sekolah-sekolah mubaligh dikategorikan sebagai sekolah bantuan, para guru dan pelajar perlu melibatkan diri dalam aktiviti mengutip derma.

Kementerian Pelajaran wajar memperuntukkan lebih banyak bantuan kewangan pada sekolah-sekolah ini bagi membolehkan pihak pentadbiran memperbaiki dan membangunkan prasarana serta kualiti pembelajaran di sekolah-sekolah terbabit. Untuk makluman, sekolah-sekolah ini terjumpa di seluruh Malaysia bukan...

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Pohon laluan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** ...sahaja di Semenanjung juga di Sabah dan Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titivangsa]:** Laluan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya nak teruskan.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titivangsa]:** Ucap terima kasih je tak boleh.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tak, saya nak teruskan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelajar-pelajar yang cemerlang Tak, saya nak teruskan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelajar-pelajar yang cemerlang dapat keputusan yang baik, sebagai contoh kalau dia dapat jumlah mata pelajaran yang dia ambil adalah 9 atau 10 mata pelajaran, sekiranya mereka dapat semuanya A1 dan mereka adalah merupakan aset negara kita. Daripada pemerhatian kami, negara jiran, mereka setiap tahun menawarkan biasiswa, mengambil pakar, *talent* daripada kita.

Saya cadangkan kepada kerajaan supaya bagi semua pelajar cemerlang kita tak kira kaum. Kalau dia dah dapat keputusan yang begitu cemerlang, tawarkan biasiswa pada mereka, tak kira apa latar belakang dia, dengan itu maka kita bukan saja dapat menjaga mereka dan mereka akan mempunyai rasa untuk satu komitmen untuk menyumbang pada negara.

Pada masa akan datang mereka inilah akan kita harap-harapkan supaya mereka boleh sama ada masuk ke Perkhidmatan Awam ataupun ke bidang lain di mana seperti mana pelan tindakan pendidikan kita memang amat memerlukan modal insan yang baik. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada saya alu-alukan JPA, Jabatan Perkhidmatan Awam telah memberi banyak biasiswa pada golongan pelajar ini untuk melanjutkan pendidikan di luar negeri dalam beberapa tahun yang lalu ini.

Bilangan memang telah meningkat tetapi saya masih rasa untuk semua IPTA di dalam negeri wajar juga kita hantar mereka yang cemerlang daripada yang dapat keputusan baik ini dengan biasiswa penuh dan dengan memberi galakan pada mereka. Dan lebih-lebih lagi ramai daripada mereka ini adalah anak kepada petani, penjaja.

**Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]:** Penjelasan Dato'.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Saya nak teruskan sebab panjanglah.

**Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]:** Sedikit saja.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Yang Berhormat boleh ucap..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Bagi laluan Yang Berhormat?

**Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]:** Ya, ya, terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Kalau saya bagi seorang, yang lain semua saya kena bagi.

**Seorang Ahli:** Boleh juga.

**Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]:** Jadi, elok saya teruskan. Tuan Yang di-Pertua, bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam di negara kita, banyak kali kita dah dengan mengapa universiti yang pada suatu ketika sebagai contoh Universiti Malaya dan juga Universiti Sains Malaysia dan sebagainya memang pada suatu ketika mempunyai kedudukan yang amat tinggi dari segi akademiknya.

Mengapa pada masa kini sudah mempunyai sesuatu kelemahan ataupun dari segi kedudukannya dah turun. Saya cadangkan supaya pihak-pihak yang dari Kementerian Pengajian Tinggi hingga semua universiti berkenaan, mereka dengan sedaya upaya secara bersungguh-sungguh memastikan semua kakitangan akademik yang mempunyai kualiti yang baik sentiasa dijaga dengan baik supaya mereka dapat promosi tanpa mengira

mereka siapa supaya kita boleh nampak naib cancellor, timbalan naib cancellor, dekan di semua IPTA dan juga pengarah di semua politeknik dan kolej komuniti bolehlah seboleh-bolehnya gunalah mereka yang ada kecemerlangan, ada rekod servis yang baik dan dalam pada itu saya berharap rakyat berbilang kaum yang pernah jadi pensyarah ataupun penyelidik, *research officer* dan sebagainya, boleh diberi peranan yang penting dalam semua IPTA ini supaya ianya akan mengikut satu sistem di mana meritokrasi itu boleh membawa balik kualitinya dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2008 merupakan tahun yang mana kajian semula suku penggal RMK-9 akan dijalankan seperti tahun-tahun sebelumnya. Tempoh ini merupakan masa untuk kita meneliti kembali, menyusun dasar-dasar yang belum mencapai sasaran dan objektif yang dikehendaki. RMK-9 sebuah rancangan yang ditulis dengan penuh ketelitian dan komprehensif.

Untuk itu saya menggesa kerajaan agar mana-mana agenda yang gagal mendapat sasaran yang ditetapkan seelok-eloknya sasaran itu tidak diubah dan kita teruskan dengan mengatasi cabarannya. Sebaliknya kita seharusnya membuat pembaharuan radikal dan tampil dengan dasar-dasar yang lebih inovatif atau melaksanakan perubahan-perubahan bagi membolehkan janji-janji kerajaan untuk mewujudkan ketelusan Sistem Penyampaian Awam dan pemerintahan yang bersih dapat ditunaikan.

Sektor pengeluaran yang menyumbang kira-kira 31.9% daripada keluaran dalam negara dasar KDNK negara bertujuan untuk mencapai purata kadar pertumbuhan ekonomi tahunan negara sebanyak 6.2 % dari tahun 2005 hingga ke 2010.

#### ■1450

Kadar pertumbuhan sektor pengeluaran negara ketika ini telah merosot kepada 1.8%, eksport-eksport barang pengeluaran turut menyaksikan tidak banyak berubah. Dari segi pendapatannya daripada RM451.75 bilion pada 2006 kepada RM452.48 bilion pada tahun 2007.

Kerajaan mesti melihat perkembangan terbaru ini dengan penuh perhatian kerana industri-industri vendor dan juga para pembekal sedang berhadapan dengan kesukaran untuk mengekalkan operasi perniagaan mereka di Malaysia sekiranya trend tersebut berlarutan. Kita juga perlu mengiktiraf bahawa kejayaan ke semua koridor ekonomi yang dilancarkan kerajaan baru-baru ini adalah penting kepada industri kecil dan sederhana IKS atau dengan izin SMI. Wilayah Pembangunan Iskandar yang kini telah dikenali sebagai Iskandar Malaysia, merupakan salah satu inisiatif yang telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM20 bilion berupa pelabur asing secara langsung.

Titah ucapan Tuanku telah menyatakan sehingga kini sejumlah RM33 bilion pelaburan akan dilaburkan dalam sektor hartanah, pelancongan dan rekreasi di Wilayah Iskandar Malaysia dan saya mengalu-alukannya. Wilayah Iskandar Malaysia merangkumi kawasan seluas 2,217 kilometer persegi di Selatan Johor meliputi lima kawasan utama iaitu Nusa Jaya, Pusat Bandar Johor Bahru, Senai, Kulai iaitu kawasan saya. Pembangunan Pintu Barat dan Pintu Timur. Walau bagaimanapun kita bimbang, pembangunan di Wilayah Iskandar Malaysia tidak melibatkan komuniti perniagaan tempatan dengan berkesan kerana kebanyakan syarikat terkemuka di Wilayah Iskandar Malaysia hanya tertumpu di Nusa Jaya.

Sektor peruncitan, pemborong, perhotelan dan restoran pula, mencatatkan pendapatan bernilai RM38.4 bilion pada tahun 2005 dan angka tersebut dijangka mencecah RM53.4 bilion menjelang 2010. Ketika ini terdapat lebih 550 pusat membeli belah, lebih 300,000 unit-unit kedai dan kira-kira 90 pasar raya besar di Malaysia. Kita juga mempunyai sistem francais yang kukuh meliputi ke kawasan rantau Asia Tenggara China dan Taiwan.

Pengagihan perdagangan pengedaran pula merangkumi lebih 1,000 subsektor dalam ekonomi melibatkan makanan, pakaian, aksesori, restoran-restoran, hotel-hotel, kedai logam dan sebagainya. Seiring dengan titah ucapan Tuanku, bahawa pengagihan perdagangan kekal terbuka dan liberal. Dasar-dasar seperti garis panduan penyertaan asing dalam sektor perdagangan pengedaran tidak sepatutnya diamalkan kerana ia mendatangkan kesan negatif ke atas sektor peruncitan, borong dan pelaksanaan negara

ini. Lebih buruk lagi ia hanya akan mengakibatkan pelaburan-pelaburan asing menjauhi Malaysia seterusnya memberi kesan yang amat buruk kepada ekonomi negara. Kita menyambut baik keputusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menyeragamkan proses sijil halal menerusi *Halal Industrial Development Cooperation* kerana langkah ini bermakna akan mewujudkan keberkesanan yang lebih dalam proses pensijilan dan prosedur-prosedur lain. Ia juga menggambarkan bahawa langkah penyeragaman ini akan menjurus kepada amalan penguatkuasaan yang lebih terbuka bagi menjamin industri akan sentiasa mesra perniagaan.

Saya turut menyokong ucapan Tuanku bahawa pelaburan sektor swasta perlu menjadi nadi penggerak kepada ekonomi negara. Ini merupakan strategi yang kritikal bagi memastikan belanjawan defisit kerajaan terus rendah dan dapat diurus dengan baik. Kadar pelaburan sektor swasta disasarkan akan mencecah RM340.4 bilion menjelang 2010 daripada RM215.9 bilion pada 2005 atau persamaan 47.1% daripada 43.7% KDNK untuk tempoh yang sama. Buat masa ini, kadar pelaburan sektor swasta hanya berjumlah RM231.1 bilion, yakni gagal mencapai jangkaan pertengahan suku tahun RMK-9. Bagi memastikan kita berada pada landasan untuk mencapai sasaran tadi seperti yang dinyatakan dalam RMK-9, saya ingin menegaskan keperluan untuk mengadakan dasar-dasar liberal sebagai pendekatan meningkatkan tahap kadar pelaburan swasta dalam aspek-aspek berikut:

- (i) mengadakan tender terbuka dalam sistem pemerolehan kerajaan. Dengan adanya tender terbuka ini, ia akan mendedahkan kepada banyak persaingan selain membantu mengurangkan kos operasi kerajaan. Sehubungan itu, pelaksanaan sistem terbuka ini mampu membantu kerajaan mengelakkan insiden-insiden mengaibkan seperti perlu membayar RM300 untuk pemutar skru atau RM10,700 untuk satu set buku teknikal ataupun RM42.8 untuk satu set pasu plastik. Kerajaan mesti meneliti semula dasar ini dengan satu tujuan membantu masyarakat Malaysia berbilang kaum untuk menjadikan negara kita lebih kompetitif;
- (ii) Kerajaan Persekutuan haruslah mengambil langkah yang berkesan dan mengamalkan pelan tindakan untuk meningkatkan produktiviti sektor pertanian yang boleh menjana kejayaan serta menampung keperluan makanan dalam negara.

Salah satu perkara penting perlu lebih diselesaikan dalam sektor pertanian yang boleh membantu untuk mengeluarkan makanan yang amat diperlukan ialah menyelesaikan masalah penggunaan tanah. Pada masa kini terdapat beribu-ribu petani dan peladang yang telah bercucuk tanam beberapa puluh tahun dan segenerasi lamanya tetapi masih tidak diberi jaminan penggunaan tanah sama ada sewaan jangka panjang atau jangka pendek.

Saya cadangkan Kerajaan Pusat melalui Majlis Tanah Negara memutuskan dasar untuk diikuti dan menyelaraskan semua kerajaan negeri, agar para petani tersebut dibantu sehingga selesai masalah mereka. Saya juga cadangkan bantuan insentif pinjaman mudah dan geran diberi oleh kerajaan agar sektor pertanian turut dijadikan satu sektor yang akan menyumbang besar kepada pembangunan ekonomi dan seterusnya menjamin pengeluaran makanan yang amat penting bagi negara kita. Malaysia mengimport 82% atau 19.9 bilion daripada bahan makanan setahun. Dalam RMK-9, kita berharap negara dapat mencapai paras *food sufficiency* dengan izin, menjelang 2010. Jika kerajaan serius untuk mencapai sasaran tersebut, maka kita perlu bertindak segera memandangkan situasi bekalan makanan negara sudah mencapai tahap kritikal.

Seperti kebanyakan negara lain, Malaysia kini berhadapan dengan krisis makanan dan minyak yang secara keseluruhannya telah menyumbang pada tekanan inflasi dan harga barang melambung naik mengakibatkan golongan rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah semakin di himpit kesusahan. Kita juga berkemungkinan berhadapan dengan krisis cuaca disebabkan oleh kemarau yang berpanjangan, banjir yang ekstrem, pemanasan global dan kekurangan air di seluruh dunia. Selain daripada itu,

tindakan *stockpile* dengan izin, pemberian subsidi dan kawalan harga telah terbukti tidak berkesan untuk tempoh jangka panjang kerana kita perlu berhadapan dengan struktur institusi yang mengakibatkan sistem tersebut untuk tidak efektif pada awalnya. Struktur-struktur seperti permit yang diluluskan atau lebih dikenali sebagai AP monopoli tiruan dan oligopoli ditambah pula dengan kerenah birokrasi yang berlapis-lapis, mesti dihapuskan agar persaingan di pasaran dapat terus berkembang. Benarkanlah harga pasaran bebas untuk menentukan permintaan dan penawaran dalam sistem. Pada masa yang sama sistem kebajikan kita perlu dipertingkatkan keberkesanannya bagi membolehkan golongan miskin dan mereka yang memerlukan menerima bantuan dari kerajaan pada masa yang sepatutnya dan mencukupi.

#### ■1500

Kita perlu menyasarkan usaha ini dalam membantu golongan miskin terutamanya dalam keperluan mereka untuk mendapat perumahan asas, pakaian, nutrisi, pendidikan, latihan agar pada satu hari nanti mereka akan mendapat pekerjaan dan seterusnya menyumbang dengan penuh makna kepada masyarakat. Golongan remaja yang bermasalah, ibu-ibu tunggal, kanak-kanak terbiar, golongan warga emas dan cacat anggota mesti diberi perhatian khas oleh kerajaan. Tidak ada sesiapa yang harus dipinggirkan dalam sistem ini.

Kemiskinan bandar kini menjadi semakin serius ketika proses perbandaran makin giat. Sehubungan itu, program pembasmian kemiskinan berada di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus dimanfaatkan lagi dengan diberi peruntukan yang lebih agar ia benar-benar berjaya. Golongan miskin di luar bandar sama ada di Semenanjung atau di Sabah dan Sarawak mesti diberi perhatian yang serius dan benar-benar dibantu sehingga mereka dapat keluar daripada kemiskinan. Saya tertarik sentiasa saya dengar hujah-hujah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah Sarawak, di situ masih banyak kawasan pedalaman menghadapi masalah sama ada dari segi infrastruktur, bekalan air, bekalan elektrik, jalan-jalan dan juga terdapat kemiskinan, saya menyokong penuh kerajaan memberi peruntukan yang secukupnya untuk membantu rakyat kita di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dan juga di kawasan pedalaman dan luar bandar di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sepatutnya bersikap lebih telus mengenai status pelaksanaan daripada 125 syor-syor Suruhanjaya Polis Di-Raja. Untuk mewujudkan sebuah pasukan polis yang lebih efisien, bertanggungjawab, telus, tidak mudah dirasuah, memiliki perkhidmatan pasukan polis profesional dalam mengekang kadar jenayah membasmu rasuah dan menegakkan hak asasi manusia. Di samping itu, pasukan polis perlu berazam dan berani untuk melaksanakan perubahan drastik termasuk mempertimbangkan semula cadangan penubuhan sebuah suruhanjaya bebas terhadap salah laku dan aduan polis. Keberkesanan pasukan polis untuk memerangi jenayah harus dipertingkatkan lagi. Perangkaan terbaru menunjukkan kadar jenayah di negara ini telah naik sebanyak 45% sepanjang tempoh 4 tahun yang lalu. Tahun lalu sahaja, bilangan kes jenayah yang dilaporkan mencecah 224,298 kes berbanding dengan 156,315 kes pada 2003. Indeks jenayah melepasi paras 200,000 dengan perbuatan rogol naik dua kali ganda daripada purata asalnya sebanyak empat wanita sehari pada 2003 kepada 8.5 wanita sehari pada tahun lalu.

Perangkaan ini amat serius dan kita dapat membayangkan rakyat kini semakin bimbang dengan keselamatan mereka. Buat masa ini, ketika tahap keselamatan dilihat semakin meruncing, rakyat menjangkakan pihak polis akan lebih efisien dalam menangkap penjenayah-penjenayah yang berkeliaran seperti perogol, perompak dan peragut yang mengancam orang ramai. Sementara itu, perbuatan rasuah di kalangan anggota penguat kuasa masih berleluasa. Maka itu, saya juga menggesa kerajaan untuk mempertimbangkan semula cadangan untuk menubuhkan IPCMC.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu sebuah negara kebajikan berpandukan kepada ideologi sosialis. Apa yang kita mahu ialah sebuah sistem yang liberal yang mana...

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Ong Ka Ting [Kulai]:** Kebebasan itu menjadi prinsip paling utama dalam demokrasi. Rukun Negara menerusi lima prinsip utamanya adalah berdasar kepada prinsip demokrasi dan mempunyai sasaran yang fokus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kulai, ada yang berdiri.

**Dato' Sri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tak habis lagi. Terima kasih.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** *Boring* nanti orang dengar Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ong Ka Ting [Kulai]:** Tidak apa la. Nanti Yang Berhormat boleh berucap la. Okey? Ia tidak dibina berdasarkan kepada prinsip-prinsip negara kebajikan yang tidak menggalakkan produktiviti dan mengakibatkan cukai pendapatan yang tinggi, keadilan sosial dan hak asasi manusia mesti ditunaikan berdasarkan kepada prinsip-prinsip demokrasi yang terbuka. Objektif-objektif Rukun Negara antara lain termasuk mencapai perpaduan antara kaum, memelihara cara kehidupan yang demokratik serta mewujudkan sebuah masyarakat yang adil di mana hasil kekayaan dan kemakmuran negara dapat dikongsi secara bersama dalam cara yang adil. Rukun Negara turut merangkumi jaminan pendekatan liberal ke arah memelihara kepelbagaian budaya masyarakat berbilang kaum dan membina sebuah masyarakat progresif yang akan memanfaatkan kemudahan sains dan teknologi.

Sesungguhnya, Rukun Negara telah membentuk asas-asas dalam kenegaraan kita dan asas-asas tadi perlu disemaikan dalam diri generasi muda yang pada satu hari nanti akan menjadi pemimpin negara ini. Rukun Negara yang terus menjadi petunjuk kepada kita untuk usaha pembinaan bangsa dan sewajarnya dihormati oleh semua pihak. Ia juga merupakan satu visi yang dikongsi bersama untuk perpaduan nasional. Prinsip-prinsip dalam Rukun Negara mesti sentiasa dipertahankan dan diamalkan. Kita tidak boleh mengambil mudah terhadap kestabilan politik yang dinikmati selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin jika rakyat Malaysia sentiasa pegang kepada prinsip Rukun Negara dan sentiasa bersatu padu untuk membangun negara atas semangat kemalaysiaan, dan juga berpegang kuat kepada prinsip dan semangat Perlembagaan negara, kita akan dapat maju ke hadapan dan menjadikan masyarakat kita lebih progresif serta negara lebih kuat dan berdaulat. Tuan Yang di-Pertua, atas keyakinan itu, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bintulu.

### 3.07 ptg.

**Datuk Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kulai tadi itu.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan syukur kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas titah ucapan baginda yang mana Tuanku telah membenarkan satu ucapan yang memenuhi segala pandangan serta harapan yang telah mencukupi semua bidang dan semua perkara yang berkaitan dengan kemajuan dan juga pembangunan negara kita. Keprihatinan baginda dalam hal ehwal pembangunan negara dan pandangan baginda ke atas tanggungjawab kerajaan untuk menjamin kesejahteraan rakyat amat dihargai dan disanjung oleh kami sebagai Ahli Parlimen pilihan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pembentukan bangsa Malaysia tidak akan tercapai tanpa keadilan sosial dan ekonomi yang dapat menggalakkan kerjasama antara pelbagai kaum di negara ini. Pengalaman di banyak negara menunjukkan sekiranya pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan dibuat tanpa kerjasama antara kaum dan tanpa penglibatan rakyat secara keseluruhannya, sudah pasti objektif rancangan tersebut tidak akan tercapai.

Bagi Malaysia, kerjasama dan kesefahaman antara pelbagai kaum adalah amat perlu untuk menjamin kestabilan sosial dan politik tetapi kekuatan perpaduan memerlukan sifat tolak ansur, kejujuran, pengorbanan dan kesungguhan oleh semua pihak dengan berteraskan nasionalisme tulen dan pemahaman kesinambungan sejarah. Ini hanya boleh dicapai dengan persefahaman jitu dan usaha bersungguh-sungguh ke arah meningkatkan kemakmuran dengan konsep keadilan sosial dan ekonomi.

#### ■1510

Dalam pembinaan masyarakat Malaysia yang utuh dan bersatu padu. Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat dan sebagai pegawai kerajaan yang dilantik untuk berkhidmat untuk rakyat, kita haruslah memiliki komitmen yang kuat untuk menjalankan kepentingan rakyat. Mutu hidup kita haruslah *'putting people first'* dengan izin. Kemakmuran dan kemajuan pesat yang telah dicapai oleh Malaysia sekarang. Walaupun tidak ramai yang memberi harapan kepada negara pada awal kemerdekaan 50 tahun lalu, adalah testimoni kejayaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Baginda yakin akan kemampuan negara kita untuk mencapai tahap kejayaan yang lebih tinggi apabila negara kita memasuki fasa 50 tahun yang kedua...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Selepas kemerdekaan setanding dengan negara-negara maju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bintulu, ada orang berdiri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya terpanggil dengan hujah Yang Berhormat iaitu berhubung dengan perpaduan kaum dan Malaysia kita lihat sebagai sebuah negara majmuk sudah pasti kita diduduki oleh pelbagai bilang kaum, agama, bangsa dan budaya dan sehingga pada hari ini lebih kurang 51 tahun kita merdeka, nyata perpaduan kaum kita memang wujud sehingga Cina, Melayu, India, Kadazan, Dusun, saya, orang Sungai, Bajau, Bugis, Suluk boleh hidup dalam keadaan aman, damai dan tenteram.

Kita banding dengan sebuah negara contohnya di Bosnia, di *South Africa*, di mana-mana. Mereka satu bangsa satu bahasa bunuh membunuh antara satu dengan yang lain. Dalam negara kita, alhamdulillah dengan kecekapan, kepimpinan dan kerajaan tidak adalah musibah yang sebegini. Kalau ada pun permusuhan politik. Jadi apakah Yang Berhormat setuju bahawa perpaduan kaum itu memang ada dan cuma perlu dipupuk dan disemai, dan ditanam daripada peringkat awal sehingga generasi masa depan bangsa kita ini dapat membangun negara kita dalam bentuk satu budaya yang telah kita terapkan pada peringkat awal. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Memang saya setuju apa dia cakap. Bolehlah masuk dia punya ucapan kepada ucapan saya. Memang ini dia kacau saya. Apa yang pasti ialah kejayaan dapat dicapai melalui kebijaksanaan pemimpin, daya tahan rakyat dan sokongan bersama oleh semua lapisan masyarakat. Perdana Menteri mengimpikan apabila negara merayakan 100 tahun kemerdekaannya pada tahun 2057, rakyat dan bangsa Malaysia akan mencapai kejayaan yang tidak pernah difikirkan. Impian Perdana Menteri 50 tahun nanti ialah Malaysia melahirkan pemenang hadiah Nobel, syarikat yang benar-benar global, dihormati dan memasarkan *brand* atau jenama yang terkenal.

Memiliki paten, saintis terbesar di dunia dan lain-lain lagi. Malaysia mestilah pada satu hari nanti terkenal dengan sektor perubatan yang inovatif dengan IPTA-IPTA menjalankan R&D yang bertaraf dunia setanding dengan negara-negara maju. Tuan Yang di-Pertua, inilah Malaysia yang beliau impikan pada tahun 2057. Inilah apa yang beliau maksudkan sebagai "terbilang". 100 tahun merdeka, 100 tahun kemajuan. Perdana Menteri



berkata, bagi mencapai impiannya itu, gandingan pelbagai lapisan masyarakat dan sektor termasuk kerajaan serta swasta perlu dijalin melalui ikatan persefahaman kukuh dan lebih memperlihatkan kepelbagaian bangsa Malaysia. Kepentingan rakyat haruslah diutamakan dan kita perlu berikrar untuk bekerja bersungguh-sungguh dan terus mendekati dan menyelami masalah dan kehendak rakyat.

Harus diingat, rakyat menaruh harapan tinggi dalam keadaan hidupan mereka yang semakin mencabar berikutan kenaikan harga barangan keperluan harian. Pada akhirnya, matlamat keadilan sosial dan ekonomi memerlukan satu sistem nilai yang tinggi, komitmen dan kecekapan di kalangan semua ahli masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah mengatakan bahawa pembangunan Malaysia pada masa hadapan bukan sahaja bergantung kepada komitmen dan perancangan yang baik, tetapi juga kepada pembangunan sumber manusia yang menyeluruh. Dalam hubungan ini, kemudahan-kemudahan pendidikan dari peringkat bawah sehinggalah ke peringkat universiti hendaklah disediakan secukupnya. Malaysia memerlukan lebih ramai lagi ahli-ahli sains dan teknologi, juruteknik-juruteknik dan para usahawan yang sesuai dengan keperluan tempatan untuk membangunkan sektor perindustrian dan pertanian yang moden.

Hanya melalui pelajaran dan nilai moral yang tinggi yang akhirnya akan menyelamatkan negara ini daripada sebarang kegagalan untuk mencapai cita-cita pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, kita mesti sedar terdapat kepentingannya perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Perpaduan haruslah dipupuk dan sentiasa dipelihara oleh semua pihak. Banyak negara lain selepas mereka merdeka bukan membangun sebaliknya mundur dan rakyat mereka terpaksa bersusah payah akibat daripada perebutan kuasa dan perang sendiri yang berterusan. Kita bersyukur kerana negara kita ini terus aman dan makmur hasil daripada perpaduan dan kestabilan politik yang berterusan di kalangan pemimpin negara dan juga rakyatnya. Oleh itu, marilah kita terus memupuk perpaduan dan memelihara keharmonian semua kaum dalam negara kita dengan penuh semangat patriotisme.

Inilah realiti hidup di Malaysia. Dengan ini saya berharap rakyat yang rasional dan terpelajar tidak terpedaya dan terperangkap dengan politik sempit pihak-pihak tertentu, yang selama-lamanya tidak mahu mengakui akan kemajuan dan keadilan sosial yang dicapai oleh rakyat dan kerajaan sekarang. Menteri Pelajaran dan Menteri Pengajian Tinggi...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** *[Bangun]*

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bandar Kuching.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Saya?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bandar Kuching dulu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dulu, saya meneliti hujah-hujah Yang Berhormat dari Bintulu amatlah lancar, amatlah bersemangat tetapi kali ini saya dengar hujah-hujah Yang Berhormat dari Bintulu tersekat-sekat.

■1520

Adakah dulu-dulu Yang Berhormat *speaking from the heart*? Itu semasa Yang Berhormat hentam PDRM itu memang *best*, baik ada semangat tetapi kali ini saya dengar Yang Berhormat *not speaking from the heart but reading from the text* adalah tersekat-tersekat. Adakah ini bukan apa yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat apa yang dibaca sekarang. *Not from your heart, is that what happening?* Kenapa tidak lancar langsung.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, inilah lu selalu hendak kacau saja. Wa baru nak *start* belum lagi dia sudah kacau, ini niat jahatlah ini.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini bukan niat jahat, saya teliti Yang Berhormat susah nak membaca.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tunggulah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya tunggu 20 minit sudah, masih tersekat-tersekat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Bandar Kuching jangan ini hari lu jumpa satu wanita terus besok mahu kahwin punya. Perlahan-perlahan, wa baru mahu *start* lu sudah mahu kacau. Haiya ini niat banyak jahatlah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya harap Yang Berhormat dapat berhujah dengan bersemangat sedikit.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Perlahan-perlahanlah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Semasa dulu Yang Berhormat hentam PDRM.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau *you* mahu pergi *dating* pun perlahan-perlahan, *you* jangan terus semangat sangat nanti dia lari terus. Faham tak Bandar Kuching?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini hari yang Berhormat Bintulu *slow start* Yang Berhormat, *slow start*. Masih banyak masa. Ada lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Minta penjelasan Yang Berhormat, bila tadi Yang Berhormat Bintulu sebut golongan tertentu yang mengamalkan fahaman sempit yang mengancam keharmonian masyarakat ini. Sila jelaskan siapa golongan-golongan ini supaya kita sebagai masyarakat baik pun dari pembangkang atau kerajaan kita bersama-sama memerangi kumpulan yang berfahaman perkauman yang sempit ini.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, '*siapa makan lada dia akan rasa pedas*'.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Adakah golongan ini datang dari BN atau pakatan pembangkang?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Siapa-siapa lah rasa. Tuan Yang di-Pertua, sudah kacaulah sudah hilang.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan, berkenaan itu fahaman yang sempit. Itu adakah Yang Berhormat menuju kepada Gerakan kerana pemimpin Gerakan Tuan Lee Kah Choon. Dia *volunteer* untuk menolong rakyat-rakyat di Penang tetapi seluruh Gerakan hentam dia. Hendak pecat dia daripada Gerakan, adakah tindakan kelakuan sebegitu adalah berfahaman sempit Yang Berhormat merujuk? Setujukan Yang Berhormat kelakuan Gerakan sebegitu adalah satu tindakan yang menunjukkan persefahaman sempit.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, itulah tadi saya kata *you* ini selalu nak niat jahat. Sekarang mesti mahu ingat siapa yang sentuh itu pun tidak ada tengok dalam Dewan ini. Ini hak *you*, DAP sama Gerakan, itulah *you* selesaikan sendiri janganlah tangguh-tangguh dalam Dewan ini.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bukan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga kata..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, bagi peluang Bintulu dulu jawab.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau macam ini macam mana mahu habis, ini dua hari pun tidak habis oh.

Menteri Pelajaran dan Menteri Pengajian Tinggi saya harap memupuk semangat perpaduan di kalangan pelajar sekolah, mahasiswa dan mahasiswi. Ini adalah penting kerana rakyat generasi muda pada masa sekarang sudah lupa pada cara membantukan negara kita dan kontrak sosial yang wujud daripada persetujuan pemimpin-pemimpin awal negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Batu bangun lagi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya bagi *last*lah.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Penjelasan seterusnya, saya ingin tahu yang tadi kita rujukan kepada fahaman perkauman yang sempit. Adakah Menteri Pelajaran yang bertindak menghunus keris ini adalah sebahagian daripada rujukan ini yang memainkan sentimen perkauman politik. Saya ingin dapat penjelasan dari Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat dari mana?

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Batu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Batu, pasal barukan kita tidak kenal lagi.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Ya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Batu, batu apikah?

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Haji Idris bin Haji Haron]:** Peraturan Datuk Speaker, duduklah Yang Berhormat Batu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini perkara sudah lama, apa lagi sentuh-sentuh. Kalau satu orang itu dalam dunia, kita buat kesilapan minta maaf tidak ada salah. Kalau sudah salah, sudahlah apa lagi hari-hari kita *provoke* untuk apa? Kita ini hendak cerita perpaduan, harmoni. *You* hari-hari pergi batu api, nasib *you* punya kawasan batu sahaja tidak api kalau tidak lama-lama lu punya kawasan semua kena api. Okey sudah.

**Tuan Chua Tian Chang [Batu]:** Bermaksud Yang Berhormat Bintulu setuju tindakan itu adalah tindakan yang berfahaman sempit.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya sudah cakap orang sudah minta maaf sudahlah. *You* ini masuk rakyat di bilik kita datang sini bukan datang sini hendak *provoke*. Kita selesai rakyat punya masalah.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Minta izin Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa tugas membimbing rakyat untuk menjadi satu masyarakat Malaysia yang padu dan kuat bukanlah satu usaha yang senang. Inilah satu-satunya tanggungjawab yang amat berat yang penuh dengan masalah dan sentiasa menghadapi pelbagai cabaran. Usaha kita ini akan menghadapi pelbagai halangan.

Walau bagaimanapun kita akan tetap menjalankan tugas ini. Kita akan pikul tanggungjawab yang berat ini, bukan hanya sebagai tugas tetapi juga sebagai suatu perjuangan demi kesejahteraan anak-anak kita dan tanah air di masa depan. Perpaduan dan pembangunan rakyat Malaysia keseluruhannya memerlukan kesejahteraan yang menyeluruh tentang pentingnya pembentukan satu masyarakat iaitu masyarakat Malaysia yang berasaskan nasionalisme yang dipupuk atas asas pembentukan negara dan prinsip Rukun Negara. Proses pembentukan masyarakat Malaysia ini berkehendakkan kestabilan dan kecekalan politik yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengemukakan beberapa isu berkenaan kementerian-kementerian demi menjamin kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara dan terjamin.

Saya memohon kepada semua menteri-menteri di atas kementerian-kementerian, saya mintalah di Dewan yang mulia ini kalau bolehlah kita hantar pegawai-pegawai yang lama di kementerian yang ada, *seniorities* datang Dewan yang mulia ini. Saya difahamkan masa yang dulu ada pegawai barulah bekerja di kementerian dua, tiga bulan sudah hantar pergi ke Parlimen. Itulah banyak masalah dulu kita disentuh bila saya tanya menteri, menteri kata pegawai tidak catatkan. Inilah menjadi satu masalah. Pembangkang ada membawa ini isu sudah soal, kementerian tidak selesai. Dia orang kata ini kerja Barisan Nasional tidak jalankan tugas. Inilah saya berharap menteri-menteri boleh ambil perhatian di atas perkara ini.

■1530

Isu mengenai sektor pertanian dan perikanan. Kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan memanglah kita peruntukkan...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat berdiri itu.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bintulu. Kenyataan terakhir Yang Berhormat Bintulu ini, saya sebagai bekas kakitangan kerajaan yang dahulunya duduk di sebelah sana Dewan cuba mencatat, mengambil perhatian tentang perbahasan tentulah terasa terluca apabila kementerian dan menteri gagal, maka yang disalahkan adalah pegawai-pegawai kita yang berada di sebelah sana.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Apakah ini Yang Berhormat Bintulu maksudkan dan kalau betul mereka di sebelah sana itu duduk ramai tapi tak boleh bercakap. Minta tarik balik.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itulah tadi kita soalkan perkara-perkara kita soal di Parlimen, minta dicatatkan. Kalau tak catat itulah masalah yang kita persoalkan. Masalahnya menteri tak tau mengenai masalah kita yang timbul. Itulah kita minta semua orang bekerjasama.

Isu mengenai pertanian yang saya sentuh tadi, kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan memang kita peruntukan yang terbesar, tapi masalahnya pelaksanaan. Masalah kita ialah pelaksanaan. Apabila kita pergi tanya petani-petani memang cakap peruntukan tak sampai di bawah. Bantuan daripada kerajaan Barisan Nasional tiada, terutama sekali kawasan-kawasan petani bila berlaku banjir dan semua tanaman habis, dia tunggu pegawai sampai.

Walaupun wakil rakyat sudah beritahu terutama sekali Ahli Parlimen daripada kerajaan Barisan Nasional, tetapi pegawai buat tak tahu sahaja termasuk kawasan saya kena perkara ini. Bila kita tanya penduduk di kawasan tertentu dia kata, "*Belum nampak lagi Yang Berhormat.*" Kita hubungi lagi dan dia cakap, "*Nanti kita akan datang.*" Akan tetapi sampai hari ini, belum lagi nampak tindakan daripada kementerian. Saya mintalah satu pertolongan ini dan juga bantuan untuk baja, racun dan lain-lain.

Kita sekarang nampak baja dan racun itu semua hari demi hari, harga makin lama makin naik. Hari-hari kira, hari-hari naik, tapi apa pertolongan dan bantuan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atas perkara ini. Kita mesti ada satu rancangan ataupun kita tubuhkan satu koperasi untuk petani-petani, membantu dia beli racun atau baja dahulu. Nanti kemudian dia dapat hasil baru bayar.

Sepatutnya baja-baja pun ada bantuan daripada kerajaan, tapi nampaknya tidak begitu ikhlas sampai bawah. Saya pun tidak tahulah baja itu selalu pun kata peruntukan tiada, tapi bila kita bersidang di Dewan ini dia kata banyak peruntukan, tapi pergi mana?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** [*Bangun*]

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya bagi dia dahulu.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tak ada, dia. *[Merujuk kepada Yang Berhormat Kubang Kerian]* Nanti.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan saya Yang Berhormat daripada Bintulu, kawan lama. Saya tertarik dengan isu pertanian tadi dan bagaimana orang-orang kampung ini mesti diberikan satu pembelaan.

Dahulu Kementerian Pertanian namanya tukar kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, macam-macam tukar sudah. Saya baru habis Tuan Yang di-Pertua, membaca sebuah buku yang mengisahkan tentang saudara Muhamad Yunus, yang mendapat *Nobel Prize*. Seorang yang membuat usaha ke arah membantu pekebun-pekebun kecil, orang-orang miskin di Bangladesh, yang diberi pengiktirafan oleh UNDP ataupun Bangsa-bangsa Bersatu. Beliau adalah seorang yang menjiwai, yang faham yang menubuhkan satu bank rakyat, mikro bank yang berjaya.

Jadi kita tak hendak tukar kementerian, tukar menteri, peruntukan berbilion ringgit tetapi tidak mencapai sasaran. Kita perlu seorang menteri, seorang yang boleh menjiwai hasrat rakyat ini yang faham baja ini mahal. Saya lahir daripada keluarga petani. Untuk beli satu beg baja yang bermutu - natrofoska, bukan cap ayam. Itu yang bermutu, yang Ban Meyer daripada Jerman, harga lebih kurang RM80. Ini tidak mampu dibeli oleh petani-petani.

Jadi kalau Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tidak menjiwai ini semua, maka berbilion ringgit wang kerajaan tidak akan sampai pada matlamat ini. Bolehkah rakan saya bersetuju dan memasukkan sebahagian ucapan saya ini dalam ucapan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat. Itulah tadi saya ada sampaikan, minta kementerian terutama sekali menteri ambil perhatian dan ambil proaktif tentang perkara ini.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Saya cukup hormati kepekaan dan keprihatinan Yang Berhormat Bintulu dalam merakamkan keprihatinan rakyat khususnya penderitaan rakyat kaum petani.

Namun apa pun yang dihayatkan sebentar tadi dari segi pelaksanaan dan *delivery system* atau sistem penghantarannya, berlaku juga kepincangan bukan hanya dari sudut sistem penghantaran tetapi berpunca daripada polisi. Di sini persoalan memberikan import permit ataupun AP khususnya kepada perkara-perkara yang begitu penting kepada petani, golongan yang memerlukan sokongan polisi-polisi kerajaan. Sejauh manakah akan diteruskan polisi memberikan AP khususnya daripada pembekalan baja yang kita tahu selama hari ini dimonopoli oleh beberapa kelompok tertentu.

Saya minta Yang Berhormat Bintulu memberikan komentar tentang perkara ini, apakah boleh berterusan AP ini diberikan kepada golongan-golongan tertentu sahaja yang mengakibatkan kos kepada petani cukup tinggi. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya bukan menteri, saya biarkan menteri nanti jawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Ketawa]**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini seharusnya mengambil perhatian atas perkara ini. Ada sesetengah agensi kementerian kita, contoh macam FAMA, nampaknya di kawasan saya tidak begitu proaktif. Sampai hari ini saya pun belum tahu lagi pejabatnya di mana. Pegawai pun tak tahu di mana.

Itulah contoh, macam tanam nanas sekeliling bandar dia. Saya tanya mereka, "Kenapa tidak tanam lebih?" Dia cakap, "Dia mahu jual kepada siapa?" Saya kata, "FAMA ada macam-macam agensi ada." Dia kata, "Dia pergi cari pertanian, pertanian pun tak tahu apa mahu buat." Itulah saya minta kementerian ambil prihatin atas perkara ini terutama sekali pegawai-pegawai jalankan tugas. Jangan kita hari-hari duduk di pejabat sahaja, tidak turun padang melihat petani-petani. Apa masalah mereka?

Jadi, di sini saya juga mahu ambil peluang menyentuh di atas kementerian ini mengenai nelayan laut dalam, *deep sea fishing*. Ini saya dapat maklumat daripada nelayan. Dia kata, "Kalau dia hendak memohon permit ini ataupun lesen memang susah. Kalau memohon 10, betul-betul mahu buat meniaga tapi kadang-kadang tidak ada jawapan langsung daripada kementerian, kadang-kadang dia lulus satu sahaja".

#### ■1540

So, saya minta perkara ini diambil tindakan berat. Janganlah nelayan laut dalam ini dia orang sudah minat kita tidak mahu bekerjasama nanti bila rakyat sudah tentang kita, kenapa ini *deep sea fishing* ini tidak dijalankan, nanti kita kata tidak ada orang minat. Orang minat tetapi kita tidak mahu keluarkan lesen dan juga ada nelayan laut dalam ini beritahu dia hendak minta bantuan daripada kementerian. Kalau dia hendak buat satu kapal besar ini nelayan *deep sea fishing vessel*, dengan izin. Kalau hendak minta bantuan daripada terutama sekali itu dahulu masa Bank Pertanian sekarang *Agriculture Bank*...

**Seorang Ahli:** Agro Bank.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Agro Bank. Ini bila *lawyer* masuk bertanya minta bantuan macam-macam syarat keluar, macam hendak tolak itu permohonan tidak mahu dibantu. Saya juga berharap ini Bank Pertanian janganlah kalau bukan bumiputera jangan cakap bank ini cuma hanya tolong bumiputera. Memang saya minta Agro Bank ini bila permohonan masuk kalau petani sahaja tidak kira bangsa kita mesti mahu tolong, jangan kita tolak. Kalau itu projek yang baik kita mesti bantu. Sepatutnya Agro Bank ini dia punya tugas tolong sektor pertanian. Saya minta ini menteri yang cukup rajin minta dia tolonglah berubah. Ini masalah-masalah yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya mahu kemukakan masalah kepada jawatan perkhidmatan awam. Jabatan Perkhidmatan Awam ini saya meminta ini Ketua Pengarah mesti mahu lihat. Bila ambil pegawai ataupun kakitangan janganlah semua permohonan melalui *computer system*. Permohonan komputer boleh tetapi janganlah terima itu permohonan seseorang kakitangan pun melalui komputer. Kata berapa *mark* dia boleh dapat ataupun *point* boleh dapat dia terus akan dapat jadi kakitangan ataupun jadi *government servant* dengan izin.

Sepatutnya kita mesti melalui *interview*. Kadang-kadang *point* ada dapat 100 *point* ataupun 10 *point* tetapi dia punya perangai ataupun *attitude* tidak baik. Macam mana kita mahu ambil dia punya kerja jadi kakitangan. Kalau dia jadi kakitangan esok rakyat akan jadi masalah, jadi mangsa. Saya mintalah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri mintalah ini sistem diubahkan terutama sekali mengambil kakitangan polis, doktor, *nurses* ataupun kita punya tentera di negara kita. Janganlah kita semua melalui sistem komputer.

Isu mengenai kehakiman. Tuan Yang di-Pertua, kita ada perasan atau tidak, ada isu atas isu kehakiman ataupun atas masalah *lawyer-lawyer* yang ada di negara kita. Sampai hari ini saya belum nampak lagi *Bar Council* ada kemukakan ini isu. Sekarang kata orang politik campur itu satu soal apabila dibangkit, tetapi masalah yang besar tidak dibangkit daripada *Bar Council*. Contoh, macam mana kita kehakiman itu hakim semua orang rakyat biasa kenal dia, memang dia kenal. Melalui siapa? Melalui *lawyer* semua. Siapa kasi kenal? Semua *lawyer* kasi kenal, bukan automatik rakyat kenal sama dia.

Sepatutnya kita jarang nampak hakim jalan-jalan dekat bandar ataupun dari mana-mana kedai, kita jarang nampak. Namun saya bagi satu contoh di Sibul. Macam mana ada orang depan saya punya kawan dia boleh telefon sama majistret, *you* sekarang mari saya di kedai kopi sini tunggu sama kamu. Saya punya kawan cakap dia tidak percaya, betul-betul dia nampak majistret itu mari. Itu majistret wanita lagi. Itu salah siapa? Pun salah orang politik? Ini *Bar Council* patut disentuh siapa kasi kena, patut disiplin, lesen *dicancel* tarik balik semula, *Bar Council* tidak buat tindakan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Nanti dahulu tunggu saya habis dahulu, tunggu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya minta penjelasan sebab ada isu yang serius yang dibangkitkan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Nantilah awak punya *floor* tunggulah sama saya, saya minta *you* tunggu pun *you* tidak mahu tunggu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Nampak tidak mahu memberi laluan okey.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bagi saya peluang habis dahulu. Ada satu lagi contoh rakyat beritahu sama saya, ini pun berlaku di Sibul ini. Kes dia boleh beritahu rakyat ada apa-apa kes dia boleh diselesai dalam mahkamah, tolong diaturkan, orang kata bisa diatur. Jadi ini salah siapa? Sepatutnya ini jalan tugas *Bar Council* mendisiplinkan *lawyer-lawyer* yang ada. Sampai hari ini...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan sekali lagi sama ada Yang Berhormat daripada Bintulu tahu *Bar Council* tidak ada bidang kuasa di Sarawak dan sepatutnya adalah *Sarawak Advocates Association*. Jadi saya minta Yang Berhormat dari Bintulu namakan yang peguam itu. Yang kedua sama ada laporan dibuat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya minta kalau kita peguam ataupun kita *lawyer* profesional ikutlah undang-undang. Tunggulah saya habis nanti saya bagi *you floor*lah jangan saya belum *you* terus bangun, ikut undang-undanglah. Tunggu saya habis dahulu saya belum habis sekejap *give me...*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya akan tunggu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Perkara ini kita mesti mahu ambil serius. Ini lagi serius pergi mahkamah kalau siapa kena melalui siapa memang dia tidak akan menang. Ini bukan hal semua salah politik. Saya haraplah pembangkang jangan terus guna ini topik bagilah jadi *political mileage* dalam Malaysia ini.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat saya bagi sama dia dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Bintulu memberi laluan. Saya tertarik dengan apa yang disebut tadi dan saya ingin tanya sama ada Yang Berhormat dari Bintulu tahu dan faham bahawa Majlis Peguam yang disebut dua tiga kali itu tidak ada bidang kuasa langsung terhadap peguam-peguam yang beramal di Sarawak dan Sabah. Peguam-peguam di Sarawak di bawah bidang kuasa *Sarawak Advocates Association*.

Jadi saya ada soalan kepada Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat namakan peguam yang disebut tadi dalam kejadian itu. Kedua, saya ada soalan sama ada laporan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Bintulu kepada *Sarawak Advocates Association*. Sekiranya ada, ada apa-apa yang berlaku? Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya sebagai Ahli Parlimen, saya punya tugas persoalkan ini masalah di Dewan yang mulia ini. So saya tidak kira Sarawak ada *Bar*

*Council* ke tidak ada *Bar Council*, ini perkara ada berlaku di Semenanjung juga jangan ketawa dahulu. Semenanjung pun ada ini masalah banyak.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat Shah Alam dengan Subang.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Shah Alam.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Saya cukup tertariklah dengan ucapan Yang Berhormat pada hari ini yang nampak seolah-olah tujuannya ialah untuk meletakkan kesalahan ke atas semua pihak melainkan ke atas pihak pemimpin-pemimpin politik. Bila dikatakan baja tidak sampai, pegawai FAMA, pegawai pertanian dipersalahkan.

#### ■ 1550

Bila kata ada masalah dari segi majistret, maka sekali lagi majistret dipersalahkan, mahkamah dipersalahkan, *Bar Council* dipersalahkan. Tidakkah Yang Berhormat menerima hakikat bahawa pemimpin-pemimpin politik yang khususnya yang tertinggi bertanggungjawab untuk menentukan bahawa ada satu contoh yang jelas bahawa sekiranya ada penyelewengan dan ada salah guna kuasa, maka tindakan akan diambil. Dan tidakkah ia merupakan satu hakikat bahawa persepsi yang disebutkan pada pagi tadi dan juga pada tengah hari tadi bahawa ada salah guna kuasa dan ada pembelaan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin politik yang merupakan punca kepada semua masalah-masalah ini.

Dan saya mengaju kepada Yang Berhormat bahawa sekiranya pihak pimpinan yang tertinggi tegas dalam semua persoalan ini dan menunjukkan bahawa mereka tidak bertolak ansur dalam soal rasuah, dalam soal penyalahgunaan kuasa, dalam soal ketidaktelusan dan ketidakcekapan maka masalah-masalah yang seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat akan dengan sendirinya dapat diselesaikan. Dan selama mana persepsi bahawa rasuah, salah guna kuasa dan ketidakcekapan diterima dan dianggap sebagai satu perkara biasa maka ia akan berterusan.

Maka saya mengajukan kepada Yang Berhormat bahawa sebenarnya masalah yang terutama yang mesti diselesaikan ialah masalah kepimpinan melalui contoh bukan sekadar melalui retorika tetapi dari segi amalan. Ini pandangan saya, maka saya harap Yang Berhormat boleh menerima teguran itu. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya persoalkan ini perkara, kalau siapa mahu kena tindakan, ambil tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat dari Bintulu, Yang Berhormat dari Subang bangun lagi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan? Saya nak menarik perhatian Yang Berhormat Bintulu, perkara *basic*, perkara asas. Bila Yang Berhormat sebut masalah kehakiman, baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan untuk menubuhkan Suruhanjaya Kehakiman tetapi jelas tidak ada juga pengasingan kuasa apabila suruhanjaya mengemukakan nama-nama hakim-hakim yang dicadangkan masih lagi nama-nama ini akan dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi jelas tidak ada *separation of power*. Jadi untuk itu masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, apa yang perlu didesakkan ialah Suruhanjaya Kehakiman ini yang bercadang melantik hakim ini mesti ada *separation of power* yang *clear*, yang jelas dengan kuasa Perdana Menteri.

Kemudian perkara-perkara hendak mendisiplinkan peguam, hakim-hakim terletak di bawah Suruhanjaya Kehakiman ini. Ini perkara asasnya, kalau kita nak bangkit perkara-perkara yang remeh temeh seumpama ini boleh kita bawa. Dan Yang Berhormat ada sebut



tadi Malaysia ini semuanya atur, sana atur, sini atur dan budaya atur ini siapa yang mula? Yang Berhormat kena sedar, orang berniaga pun ada atur. Jadi bila orang atas ada atur, yang bawah pun ikut aturlah. Jadi kalau kita nak serius, kita kena *start* daripada *basic*, kita *resolve the policy matters* dan apabila selesai *policy matters* ini maka persoalan pelaksanaan ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Memanglah kita punya tujuan ini, kita persoalkan masalah ini, kita mahu minta *system in place*. Dia punya sistem, kekuatan polisi dia dan juga mustahak Tuan Yang di-Pertua, kita sesiapa hendak lantik jadi hakim ataupun majistret, saya mahu mintalah kita mengkaji balik semula. Memang ada tata syarat, *qualifications* dia, syarat-syaratnya jangan dia hari ini baru keluar daripada... *called to the bar*, esok dah...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Sikit lagi Yang Berhormat supaya Yang Berhormat jelas dengan maksud saya, mudah sahaja. Nama-nama yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Kehakiman terus dibawa kepada Yang di-Pertuan Agong tanpa melalui Jabatan Perdana Menteri ataupun disemak balik nama-nama yang dicadangkan ini. Kalau ini dapat dilakukan, saya percaya dengan izin *this problem will be solved, once and for all*. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jawab satu kali Yang Berhormat. Saya berada dalam keadaan yang waswas. Apa ada jaminan nama yang telah dicadangkan itu tidak ada kronisme, ketelusan dia. Siapa mahu memberi jaminan bahawa nama yang dicadangkan itu, itulah betul-betul yang berkelayakan. Mungkin ada lagi yang lebih layak tetapi oleh sebab ketua di dalam itu mungkin memilih yang lebih *biased* kepada dia, dia pilih lagi. Justeru itu, saya berpendapat lebih baik diselidik dahulu dan selaras dengan tuntutan semasa, ketelusan ini perlu ada di mana-mana. Jadi saya bersetuju pihak kehakiman mencadangkan tetapi kita tinjau dan kita teliti betul-betul ke tidak ada unsur-unsur penganiayaan, unsur-unsur *in favour* ataupun unsur-unsur sebab kenalan, sebab dia ikut arahan.

Jadi ini rasa saya Yang Berhormat perlu, saya minta Yang Berhormat cadangkan kepada kerajaan supaya dilaksanakan secara saksama. Tidak ada yang teraniaya, dan institusi kehakiman kita dihormati oleh masyarakat, rakyat dalam negara dan luar negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu, adakah Yang Berhormat akan beralih kepada tajuk yang lain?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Mengangkat tangan*] Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Kinabatangan. Biarkanlah jawapan ini akan diberikan oleh pihak menteri. Kenapa saya persoalkan isu kehakiman ini? Kalau kita betul-betul mahu selesai, semua pihak kena tolong, kena bekerjasama, kalau tidak sampai bila pun tidak habis, tidak selesai. Mustahak dia punya *qualifications*, standard kita mesti mahu ada, itu hakim kalau kita suruh pergi mahkamah untuk jalankan tugas, mestilah cukup pengalaman. Janganlah baru kerja, esok terus masuk jadi *judge* ataupun jadi majistret. Itulah satu persoalan daripada rakyat. Mereka berharap kita boleh tentukan contoh macam majistret sudah lima atau sepuluh tahun punya pengalaman, pergi mahkamah yang tertinggi, ada 15 atau 20 tahun punya pengalaman, ini contoh.

Dan juga banyak peguam yang baru, saya cuma kemukakan. Kalau boleh, kerajaan pun mesti ada satu syarat jangan ada pengalaman kerja satu tahun atau dua tahun, *after called to the bar*, terus dia buka *firm* sendiri. Kalau esok tidak dapat kerja, biarlah kerja ini dicari satu dunia, buat macam-macam. Saya haraplah bukan..., bukan saya di sini sebagai Ahli Parlimen hendak tuduh semua peguam salah. Memang banyak peguam yang baik, saya mintalah *senior-senior* peguam bagi *direction* kepada peguam yang *junior* itu. Berilah dia cukup-cukup pengalaman, kita ada satu syarat kata mesti mahu kerjasama *senior council* sudah lepas sepuluh tahun dan barulah buka *firm* sendiri. Tiada begitu banyak *competition on the market* dengan izin.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya sebenarnya ingin meminta sedikit ulasan daripada Yang Berhormat tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Shah Alam tadi iaitu antara *policy maker* dan juga *implementers*. Bila *implementers* buat salah, kita kata *policy maker* yang salah. Sedangkan apa yang berlaku, apa dasar pun baik atau tidak baik dasar tersebut tapi kalau sekiranya penguatkuasaannya itu lemah maka ia pun akan menjadi lemah dan sudah tentulah *policy maker* yang akan dipersalahkan. Jadi sebab ini saya rasa perlu ada sedikit keadilan sebenarnya. Samalah dengan apabila kita memimpin sebuah organisasi.

■ 1600

Kita kata semua ahli kena sembahyang, semua ahli kata jangan mengumpat tetapi ramai ahli akan mengumpat. Apakah kita hendak salahkan dasar yang telah ditetapkan oleh pemimpin. Jadi sebab itulah saya kata bahawa kita perlu ada keseimbangan apabila kita mengatakan bahawa *policy maker* sahaja yang salah, itu satu.

Kedua saya ingin membangkitkan dalam soal kehakiman untuk memberi keadilan ini. Kita buat Suruhanjaya Kehakiman, memang ini adalah satu perkara yang semuanya dituntut oleh semua orang, semua pihak rakyat dan sebagainya termasuklah pembangkang. Namun jika sekiranya kita sudah ada kes yang baik pendakwaan pula lemah, maksudnya tidak ada makna juga. Sebab itu kita lihat banyak kes profil tinggi yang terlepas. Rasuah yang kita harapkan dapat dikenakan hukuman, terlepas.

Saya rasa Jabatan Peguam Negara juga perlukan *reform* dengan izin, perlu ada pembaharuan, supaya jangan ada kes-kes yang kita anggap yang berprofil tinggi, semua lepas. Akhirnya orang akan hilang kepercayaan juga, walaupun nanti ada Suruhanjaya Kehakiman. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bagi Bintulu, Yang Berhormat bagi Subang bangun. Hendak bagi jalan?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sikit sahaja, sikit sahaja. Tambahan daripada...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Biarkan apa Yang Berhormat bagi Batu Pahat tadi bahas, biarkan menteri jawab. [Ketawa]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bintulu yang membangkitkan isu pelantikan hakim dan majistret. Saya sekarang hendak minta penjelasan sedikit tentang isu pelantikan majistret ini sebab tadi Yang Berhormat dari Kulai juga telah membangkitkan isu ini. Di mana beliau menerangkan masalah sekarang, kita ada keadaan di mana pegawai-pegawai di bawah Jabatan Peguam Negara dan hakim-hakim daripada majistret dan Mahkamah Seksyen semua ada dalam satu sistem, satu *Civil Service System* di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dengan izin *The Judicial and Legal Services Commission*. Yang Berhormat daripada Kulai telah mencadangkan tadi adalah baik bahawa sistem ini diasingkan iaitu sistem untuk melantik pegawai-pegawai di bawah Jabatan Peguam Negara diasingkan daripada sistem melantik majistret dan Hakim-hakim Mahkamah Seksyen.

Jadi soalan saya adalah sama ada Yang Berhormat daripada Bintulu dan parti yang diwakili oleh beliau setuju dengan cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kulai tadi?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Subang. Terima kasih, biarkan soalan itu dijawab oleh menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bangkitkan isu Petronas.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Minta laluan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Isu kehakiman sudah habis. Sekarang isu Petronas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi atau tidak bagi Yang Berhormat?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Menyampuk]* Gadis la... *[Ketawa]*

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Satu soalan yang singkat sahaja Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya amat bersetuju bahawa semua pihak mesti memainkan peranan tersendiri untuk mengatasi masalah kehakiman ini. Jadi soalan saya ialah, adakah Yang Berhormat mencuba untuk mendapati siapakah majistret wanita itu yang pergi ke kedai untuk berjumpa dengan penduduk di sana? Adakah Yang Berhormat pernah untuk membuat laporan terhadap majistret wanita itu kerana pada pendapat saya memang semua orang mesti memainkan peranan sendiri.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat... dia dari mana? *[Sambil bertanya kepada Yang Berhormat Sri Gading]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Serdang? Perkara ini saya baru tahu. Hari ini saya laporkan dalam Dewan ini, cukuplah nanti biarkan dia orang ambil tindakan. Okey Yang Berhormat?

Isu Petronas. Saya di sini mahu mempersoalkan isu ini I ingat pun penting untuk rakyat Malaysia. Saya ingin bertanya, Petronas ini saya pun tidak tahu dia punya polisi dan apa dia punya syarat. Saya nampak Petronas ini begitu besar, tetapi tidak nampak banyak bantuan kepada rakyat. Sekiranya ada pembinaan bangunan, pastinya dia akan mengambil kontraktor-kontraktor daripada luar negeri, ataupun konsultan-konsultan dari luar negeri. Kenapa dia tidak memberikan peluang kepada penduduk tempatan sini? Jikalau betul-betul macam *oilrig* itu semua *high-tech* punya barang, tidak apalah kita bagi. Jangan kita nak buat macam jual minyak pun mahu melalui orang luar, kebanyakannya agen dari *Singapore*. Saya ingin bertanya, berapa orang yang terlibat menjadi agen kepada Petronas atas jual beli minyak. Kenapa kita tidak bagi peluang kalau kata...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sudah banyak kali. *Last*, sekali lagi.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu. Saya ingat perkara ini mungkin ada hubung kait dengan persoalan *policy maker*. Apabila ditentukan bahawa Petronas hendak membuat Menara Berkembar KLCC, maka sememangnya bangunan-bangunan seperti itu mahu tidak mahu terpaksa dibuat oleh pihak luar. Namun memang sekarang ini kita dapati bahawa banyak daripada pelantar-pelantar minyak dibuat oleh syarikat-syarikat tempatan. Saya bercakap ini kerana saya bekas kakitangan Petronas.

Sebenarnya apa yang kita hendak faham, ini berhubung kait dengan apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat bahawa peranan *policy maker* itu adalah cukup penting. Kadang-kadang *policy maker* ini kata kita cari kontraktor-kontraktor tempatan, tetapi *policy maker* menentukan bahawa bangunan yang dibuat mesti lain daripada yang lain dengan bentuk yang tertentu yang tidak mungkin dapat direka bentuk oleh arkitek-arkitek ataupun oleh jurutera-jurutera tempatan. Oleh itu, dalam keadaan seperti ini, pihak pelaksana tidak boleh dipersalahkan tetapi *policy maker* mesti dipersalahkan.

Begitu juga dengan soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat, bila ditimbulkan siapa yang bersalah *policy maker* ataupun *implementer*. Apa yang penting bagi kita, *policy maker* bila dia buat *policy*, biar dia sendiri amalkan *policy* yang dia arahkan. Seperti mana contoh organisasi yang suruh semua ahlinya sembahyang, sila tentukan *policy maker* itu, ketuanya sembahyang. Namun apabila kita kata kita hendak serahkan

baja kepada semua orang tetapi *policy maker* menentukan bahawa ada kelonggaran-kelonggaran yang menentukan bahawa baja ini pergi kepada orang-orang tertentu, tetapi tidak kepada orang-orang yang tertentu. Maka dengan itu dengan ada kelonggarannya maka *implementer* pun nampak ada kesempatan, maka *implementer* ikut contoh yang ditunjuk oleh *policy maker*.

Maka dalam soal ini seperti mana yang saya sebutkan tadi, *policy maker* dengan izin *is the first culprit*. Kita ada *policy maker* yang bertanggungjawab, yang beramanah, ikhlas dan jujur dengan apa yang dikatakan maka kita akan dapat selesaikan dengan banyakkah daripada masalah-masalah yang disebutkan tadi. Terima kasih, apa komen Yang Berhormat? Tanpa tanya daripada menteri.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Apa Yang Berhormat kata tadi, saya memang tidak bersetuju. Kita harus ingat, kalau *policy maker* apa dia buat, kalau *implementer* tidak ikut *policy*, macam mana? Tidak boleh kata salah. Saya bagi contoh kenapa saya tidak bersetuju. Contohnya, 29 Februari ada satu *accident* berlaku di bawah kapal minyak di *Nautical of* Bandar Miri, hal ini berlaku pegawai Petronas daripada pusat langsung tidak ambil tahu. Ini pun mengenai *policy maker*. *Implementer* salah ke *policy maker* salah? Dia langsung tidak mahu saya sendiri telefon dia meminta bantuan. Orang itu manusia, bukan anjing di bawah kapal, tidak boleh keluar. Langsung dia tidak mahu ambil tahu, sampai 3 hari bulan baru ambil mayat itu keluar.

■ 1610

Namun yang ambil mayat itu keluar pun bukannya *diver* daripada Petronas. Ini keluarga sendiri yang pergi cari. Inilah yang saya katakan tadi. Harap Yang Berhormat Shah Alam boleh faham kenapa saya tidak boleh bersetuju. Ini *implementer*. Masalahnya dia tidak mahu ambil tahu, dia biarkan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tumpat bangun. Hendak bagi jalan?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sampai kepada *funeral* pun dia buat tidak tahu. Saya telefon dia kata, "Oh, dia begitu seriuskah kita mahu hantar?" Sampai masa itu keluarga sudah tidak mahu terima. Sekarang ini pergi mahkamah dia pun ambil hakim bukan, peguam daripada *Singapore*. Polisi ini pun salahkah?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Saya fikir harus jelas kepada Yang Berhormat bahawa kita di Parlimen ini hidup dalam konteks demokrasi, Kabinet yang bertanggungjawab, Parlimen yang tempatnya untuk kita pertanggungjawabkan kepada Kabinet untuk mempertanggungjawabkan akauntabiliti dirinya atas segala yang berlaku di bawah Kerajaan Malaysia yang tuan-tuan menjadi kerajaannya. Jadi, tanggungjawab ini tidak boleh kita lepaskan kepada pegawai Petronas, DO atau pegawai pelajaran sebab akhirnya yang kalahnya tuan-tuan sebagaimana yang separuhnya berlaku baru-baru ini. Jadi, ini saya fikir kena faham.

Kalau pegawai pelajaran atau pegawai JPP, misalnya di Kelantan berkelakuan tidak baik, tidak menang Barisan Nasional. Kalau di negeri Kedah, Perak dan sebagainya berlaku tindakan pegawai-pegawai kerajaan di atas tanggungjawab kerajaan yang ada ini tidak baik, yang kalahnya tuan-tuan.

Jadi, ini saya fikir yang mesti kita faham, mesti kita terima, mesti kita akui dan mesti kita semua ini bertanggungjawab - yang ada di hadapan kami ini. Pohon penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Apa yang *you* sebutkan tadi itu memang saya tidak bersetujulah.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak. Sudah habis. Tadi saya kata sudah habis. Sudah habis.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *You* tanya...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *You* tanya itu bukan, *you* bukan mahu tanya betul-betul, *you provoke* buat apa. Sekarang ini saya mahu beritahu bahawa perkara ini perlu diambil perhatian kepada kementerian-kementerian bertanggungjawab. Kalau *you* kata kita keluarkan, kita mesti bertanggungjawab, memang kita mesti bertanggungjawablah. *If our house is not in the order we make it in the order ourselves.* *We* persoalkan perkara ini minta menteri-menteri ambil perhatian, ambil tindakan dan minta selesaikan masalah-masalah yang dikemukakan.

Sekarang mengenai isu keselamatan. Isu keselamatan ini saya minta kementerian Dalam Negeri...

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Minta laluan, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *You* hendak cerita isu apa lagi?

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Penjelasan apa?

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Petronas.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya sudah habis bercakap isu itu. Tidak, tidak, saya sudah bercakap isu keselamatan.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Saya fikir Yang Berhormat Bintulu akan bercakap lebih lama mengenai Petronas sebab itu adalah kawasan pengeluaran minyak.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sekarang ini *floor* saya. *You* yang hendak gaduh dengan saya. Sekarang ini *floor* saya.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Saya tahu. Saya hendak minta penjelasan. Bagi sekali peluang. Saya minta penjelasan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya cakap, saya sudah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah, sila duduk Yang Berhormat. Dia tidak bagi jalan.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Minta penjelasan. Bagi tak jalan?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya cakap, sudah.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Tidak berani cakap fasal Petronaslah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah, sila duduk.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *You* jangan sombong dalam Dewan ini. Ini *floor* saya.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Saya minta jalan sahaja. Minta Petronas.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Minta jalan, kalau saya bagi, saya bagilah. Saya cakap sudah habis isu keselamatan. Apa lagi *you* hendak bising.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah, sila duduk.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Saya ingat *you* belum habis. Tidak berani bagi jalankah? Saya minta penjelasan tentang Petronas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila duduk, Yang Berhormat Rasah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya tidak marahlah sebab dia orang baru, dia tidak tahu peraturan di Dewan yang mulia ini. Saya sudah bercakap mengenai isu keselamatan. Isu keselamatan ini saya minta Kementerian Dalam Negeri...

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Yang Berhormat baru masuk, saya minta jalan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya minta Kementerian Dalam Negeri ini ambil prihatin atas perkara isu keselamatan mengenai jenayah ini. Tiap-tiap hari kita mesti dengar orang menuduh polis tidak buat kerja. Saya memang tidak bersetuju. Kadang-kadang ada polis yang buat kerja pun kena marah. Kenapa saya soalkan perkara ini?

Contohnya di Sarawak. Ini melibatkan isu pendatang asing. Contohnya pendatang asing ini ada terlibat dalam kes rompakan, kecurian dan pembunuhan di Sarawak ini. Kita bertanya kepada polis, kenapa dia tidak menjalankan tugas? Polis kata, "Bukan saya tidak menjalankan tugas. Di sempadan sana pendatang asing melalui jalan tikus yang ada beratus-ratus".

Jadi, saya mohonlah kepada Kementerian Dalam Negeri ini, tolonglah ambil perhatian kepada kawasan sempadan ini. Kalau boleh binalah tembok di sempadan tersebut. Walaupun kosnya mahal kita memang mahukan ia dibina. Kalau tidak sampai bila pun masalah ini tidak boleh selesai. Pendatang asing ini terlibat dalam jenayah. Kemungkinan ada orang yang terlibat menjalankan aktiviti-aktiviti jenayah.

**Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]:** [Bangun]

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat Batu Kawan dan Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju bangun. Hendak bagi siapa, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Wangsa Maju, sila.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bintulu. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa soal keselamatan adalah satu masalah di tempat Yang Berhormat. Padahalnya isu keselamatan ini menjadi isu nasional dalam negara kita khasnya pendatang haram di kawasan Yang Berhormat dan juga berterusan di Kuala Lumpur, khasnya di Jalan Petaling.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di Jalan Petaling ini ada ramai pendatang haram yang berniaga di sana. Pihak imigresen dan DBKL ini mereka tidak nampak langsung. Kalau Menteri dan Timbalan Wilayah Persekutuan bila dia pergi ke sana memang pendatang haram sudah tidak ada di sana oleh kerana mereka pergi dengan van, pergi dengan *announcement*. Memanglah pendatang haram akan lari.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kalaulah Jabatan Imigresen, pihak polis dan juga DBKL itu *sincere*, saya rasa mereka boleh dapat menangkap kebanyakan pendatang haram di Jalan Petaling, di kawasan Wangsa Maju dan juga di seluruh negara. Ini kalau mereka ada *sincerity* dan keikhlasan untuk mengambil tindakan bagi keselamatan negara kita. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Yang Berhormat Wangsa Maju. Nanti *you* dengar dalam perbincangan saya ini. Isu ini pertamanya soal tembok. Satu lagi ialah soal kerjasama kehakiman. Kadang-kadang dia tangkap suspek, hendak masuk minta seminggu ambil siasatan tetapi masuk majistret dua hari dilepaskan. Kita mesti tahu dua hari apa yang *you* boleh buat. Ada satu lagi contoh, polis sudah tangkap dan ada bukti dadah tetapi apabila sampai mahkamah semua bukti ada dan dilepaskan. Habis salah siapa? Salah polis. Kita mesti tahu juga polis pun kadang-kadang ada bersalah. Kadang-

kadang dia pun ada susahya tetapi kita mesti mahu soal - memperbaiki masalah ini barulah kita boleh selesai.

Contoh yang satu lagi ialah *quality of the police personals*, dengan izin memang kita mesti ada. Kita daripada dahulu, tidak tahulah sama ada sudah diperbaiki atau belum. Saya difahamkan dahulu di pusat latihan orang itu menjadi jurulatih di ...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini masalah. Kita bercakap mengenai polis, dia cakap *national service*.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Baru Kulim bangun. Hendak beri jalan?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Nanti sekejap. Ini mengenai *police training centre* dengan izin.

■1620

PULAPOL. Dalam PULAPOL ini, semua *instructorkah*, mengajar undang-undang kah, itu bukan ada *qualified*. Kadang-kadang orang itu sudah di *'eye-spot'* setakat tempat itu. Ataupun orang kena disiplin, dia dibuang pergi ke sana. Kalau kita tidak jadi satu pusat yang mustahak ini, perlu kita ambil perhatian. Itu pegawai personel dia, kalau dia belum *training*, belum habis lagi, dia *training* dia sudah mahu jadi gila, Dia keluar selepas sahaja *training*, dia keluar dia sudah jadi gila. Macam mana dia mahu jalankan tugas?

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sedikit Yang Berhormat Bintulu.

**Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bintulu. Saya hendak minta penjelasan sedikit satu perkara sebab PULAPOL ini duduk berhampiran dengan kawasan saya, Pusat Latihan Polis. Saya rasa satu perkara yang sangat membimbangkan kalau Yang Berhormat Bintulu menyatakan bahawa tenaga-tenaga pengajar yang dihantar ke Pusat Latihan Polis ini terdiri dari polis-polis yang telah dikenakan tindakan disiplin ataupun yang hendak disejukkan di sana. Jadi bermakna, mereka ini akan melahirkan polis, kalau mereka ini adalah samseng-samseng di dalam polis, kalau boleh digunakanlah perkataan itu, maknanya diambil tindakan. Jadi yang dilahirkan daripada Pusat Latihan Polis itu, bagaimana agaknya bentuk polis? Adalah mereka ini pula keluar menjaga keselamatan negara. Jadi minta penjelasan sedikit.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Itulah yang saya persoalkan mengenai perkara ini. Kita mesti membaiki masalah ini. Kita ini, kalau Pusat Latihan Polis...

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Bintulu...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Belum habis...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ya.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Bintulu. Saya khuatir ucapan Yang Berhormat Bintulu tadi seolah-olah memberi gambaran ataupun cuba menyalahkan pihak polis, pihak keselamatan. Tidakkah Yang Berhormat bersetuju bahawa moral di kalangan pihak polis khususnya agak rendah kerana mereka disuruh buat kerja yang bukan kerja mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Contoh dia..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh pandang sini Yang Berhormat.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Ya, contoh dia Tuan Yang di-Pertua, contohnya banyak anggota polis yang kompelin kepada kita. Mereka sepatutnya menjaga keselamatan rakyat, tetapi dikerah untuk menjaga perhimpunan aman oleh pihak kami. Contohnya baru-baru ini perhimpunan di Dewan Sulaiman Kg. Baru. Ribuan anggota polis dikerah menjaga satu perhimpunan aman yang selepas itu mereka sudah keletihan. Mereka kena balik dan mat rempit berhari raya malam itu kerana polis tidak ada, letih menjaga perhimpunan aman di Kg. Baru malam itu, contohnya.

Kedua, contoh yang saya hendak bagi tahu, minta penjelasan Yang Berhormat Bintulu, moral pasukan polis agak tercabar. Apabila mereka membuat siasatan atau bangun mereka mengambil tindakan, tetapi tidak ada susulan. Contohnya kita dengar baru-baru ini, laporan seorang bekas menteri dituduh, didakwa meraba seorang wanita. Tiba-tiba wanita itu membawa kenyataan menyatakan bahawa dia hendak tarik balik repot. Pihak polis sudah mengambil tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Apa penjelasan Yang Berhormat? Minta penjelasan...

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Jadi saya hendak penjelasan lagi satu Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya hendak bagi tahu ini seolah-olah gambarannya pihak polis yang salah sedangkan moral mereka rendah. Contohnya baru-baru ini berlaku di tempat saya, Kulim Bandar Baharu dalam proses pengundian. Saya lihat sendiri bagaimana pihak polis di Kem Batalion 2, PGA Kulim. Mereka memberikan undi, rata-ratanya boleh kata memberikan undi. Saya kira tidak kurang daripada 500 yang telah memberikan undi kepada Pakatan Rakyat. Tiba-tiba keluar dalam pengiraan undi, Pakatan Rakyat mendapat 151. Jadi, mereka rasa seolah-olah mereka ini dipermainkan. Jadi robot bagi pihak pemerintah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, baik cukup Yang Berhormat...

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Jadi saya minta penjelasan daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup Yang Berhormat ya...

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Bintulu, tidakkah Yang Berhormat Bintulu setuju bahawa faktor-faktor ini memberi impak kepada pihak keselamatan khususnya polis dalam menjalankan tugas mereka. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Ini buat tuduhan. Orang undi, macam mana orang boleh tahu? Ini undi rahsia. Siapa yang hendak undi, undilah. Ini satu. Kedua, *you* kata polis ambil tindakan pun salah, tidak ambil tindakan pun salah. Jadi macam mana, dia jalankan tugas?

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Saya tidak ada kata, pihak polis tidak ambil tindakan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tetapi itulah saya cakap, itu macam *you* sentuh punya...

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Bintulu, saya ingat Yang Berhormat Bintulu...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Nanti dahululah, tunggu lah saya habis.



**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Tolong jangan putar belit cakap saya. Saya hendak cerita...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ikut peraturanlah. *Once to once*, saya punya *floor*, *you* dengarlah. *You* punya *floor*, saya turut dengar.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Jangan guna *floor*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, sila duduklah Yang Berhormat Kulim.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Duduklah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak! Ah, kalau macam ini tidak payah jawablah!

**Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita bagi dia jawab sendirilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Bintulu?

**Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Siapa bagi? Saya belum bagi lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Oh, dia tak bagi lagi. Dia tidak bagi. *[Ketawa]*

**Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]:** Boleh bagi laluan? Okey terima kasih. Saya cuma ini saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Bintulu. Dia sudah sentuh beberapa perkara. Semua ini bagus, tetapi masalahnya ialah satu kekeliruan besar antara apa itu dasar dan apa itu pelaksanaan. Oleh sebab itu, tidak ada suatu yang jelas antara dua bidang ini untuk menjalankan tugas kerajaan, tugas kepimpinan.

Saya rasa Yang Berhormat Bintulu ini telah memberi satu tanggungjawab besar kepada orang-orang yang melaksanakan tugas dan di samping itu mereka sebenarnya memberikan kepimpinan ini dilepaskan dari satu tanggungjawab yang besar. Saya ingat perkara yang saya sentuh ini tidak berapa besar dengan Yang Berhormat Tumpat tadi. Maka saya rasa, kita perlulah satu penjelasan apa itu dasar, apa itu pelaksanaan supaya akhirnya, janganlah kita tuduh si mangsa. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Yang Berhormat Batu Kawan. Ini nanti bagi menteri jawablah.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin Yang Berhormat Bintulu. Apakah Yang Berhormat Bintulu tidak merasa kesal apabila Yang Berhormat ditanya bertalu-talu, tetapi tidak dibantu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, menteri yang hadir yang sepatutnya apabila perbincangan...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa sila duduk, Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Sepatutnya di waktu perbincangan, paling tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada. Jangan tunggu penggulungan. Mana-mana tolonglah bantu bila kawan kena serang bertalu-talu. Tugas apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri? Tidakkah Yang Berhormat rasa kesal? Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ya, tidak mengapalah Yang Berhormat Pasir Mas. Nanti dia akan jawablah.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Minta laluan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa lagi, Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Kota Raja.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak payahlah, tidak payahlah. Gua kasi habislah, kawan sudah banyak bising dia cakap. Kalau macam ini dia orang lagi banyak peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi?

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Sebenarnya saya ingin menyokong Yang Berhormat. Saya ingin menyokong Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Okeylah, hendak bagi, bagilah. [*Ketawa*] *Last, last*lah. Ini *last* lah, habis saya buat rumusan.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Saya daripada Kota Raja amat berterima kasih kerana Yang Berhormat membawa isu keselamatan dan pendatang asing.

Di kawasan saya Kota Raja satu kawasan dinamakan Sri Muda, kebanjiran pendatang asing ini tidak kira yang haram ataupun yang halalnya, hampir menyeluruh di seluruh Sri Muda ini dan kadar jenayah di sini sudah meningkat dengan agak menakutkan. Seheinggakan dua hari yang lepas, Ketua Pemuda MIC Sri Muda, telah dirompak. Empat orang merompaknya dan terbunuh. Seminggu sebelum itu juga berlaku pembunuhan terbuka di dalam sebuah restoran. Apabila kami berjumpa dengan pihak berkuasa, kita dapati bahawa tidak ada satu usaha yang bersepadu untuk membanteras perkara pendatang asing dan jenayah yang mereka lakukan.

■ 1630

Polis mengatakan bahawa mereka tidak cukup kakitangan dan mereka tidak boleh menangkap pendatang asing sekiranya tidak melakukan kesalahan. Hanya pihak imigresen sahaja yang boleh menentukan sama ada mereka ini pendatang asing, haram atau halal. Kemudian mereka juga berniaga dengan berleluasa seheinggakan satu pasar malam di sana dipenuhi dengan pendatang asing.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya ingin mencadangkan kalau boleh Yang Berhormat Bintulu supaya kita mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya masalah pendatang asing ini kita tangani secara bersepadu bersama semua agensi yang terlibat. Kalau betul polis tidak mencukupi kakitangannya, inilah masanya kita menggunakan FRU dan sebagainya. Kita lihat FRU tak ada kerja lain, hanya menjaga perhimpunan-perhimpunan. Kalau boleh Yang Berhormat bersetuju, kita akan sama-sama menyokong Yang Berhormat Bintulu apabila Perdana Menteri datang esok dengan cadangan ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Ha, inilah cadangan yang baik. Terima kasihlah. Itulah tadi saya pun mahu sampaikan, minta FRU ini, PGA, apa itu? FRU, bukan FRU. PGA, hendak membantu menjaga keselamatan negara kita tetapi di sini saya minta kementerian prihatin. Minta maaf, tadi saya minta Yang Berhormat Kota Raja punya ucapan masuk saya punyalah.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Nanti dulu, wa habis dulu. Ini kacau-kacau, sudah pening ini. Nanti *point* semua sudah hilang. Nanti dulu tunggu saya habis dulu.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Mahu bantu juga ini, mahu bantu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bagi saya peluang, nanti sekejap. PGA ini memang dia tidak banyak kerja. Sekarang kita kekurangan kakitangan polis, minta dia orang bantu dan jalankan tugas tapi saya mahu Kementerian Dalam Negeri prihatin atas perkara ini contoh macam 26 hari bulan April 2008 lalu, di Sarawak sana. Cara dia orang menjalankan dia punya tugas memang baik tetapi masalahnya dia keluarkan itu *armored car* macam kita mahu pergi perang. Rakyat sudah pening. Inilah Tuan Yang di-Pertua, inilah dia *armored car* semua [*Sambil menunjukkan gambar armored car*] dua tiga buah di belakang sana. Orang nampak macam kita nak pergi perang. Kita minta tidak perlulah keluar *armored car*, kita keluarkan ramai sikit kakitangan turun ataupun *plain-cloth* kita turun menjalankan tugas, menyelesaikan masalah-masalah jenayah ini ataupun masalah-masalah pemecahan rumahkah? Apakah? Kes-kes ini.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Minta izin Yang Berhormat. Ayahanda Yang di-Pertua, saya Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai? Ya sila, okey sila.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih ayahanda. Tuan Yang di-Pertua, saya cukup kagum dengan hujah rakan kita daripada Bintulu di mana di Sarawak digunakan *armored car* oleh pihak polis. Mungkin mereka terlalu takut dengan rakyatkah, kita pun tak tahu tapi seperkara saya nak bawa perhatian, beberapa minggu lalu saya ke kem tahanan di Kamunting. Saya belum masuk kem lagi, saya hanya melihat di persekitaran kem. Semak samun, longkang sudah ditutup dengan rumput rampai..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai,

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ...ini untuk perhatian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai, boleh saya bercakap sekejap? Yang mencelah ini, duduk, duduk kalau saya bercakap, kalau Tuan Yang di-Pertua bercakap. Apabila kita mencelah seseorang wakil rakyat yang sedang bercakap kasi laluan, kita harus tanya khusus kepada persoalan yang dibangkitkan. Jangan gunakan pencelahan itu membangkitkan hujah baru. Kalau boleh, *straight to the point* apa penjelasan. Sila.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jadi, apa yang saya dengar daripada Yang Berhormat Bintulu memang ada kecuaihan di sebelah pihak Menteri Dalam Negeri dan itulah saya nak juga mengatakan ada ramai yang ditahan di bawah ISA di Kem Tahanan Kamunting. Keselamatan mereka bukan sahaja tidak terjamin oleh polis yang menjaga mereka tetapi keselamatan juga boleh tidak terjaga kerana suasana persekitaran terlalu banyak nyamuk dan kawasan itu memang tidak sesuai didiami oleh orang. Jadi saya mintalah supaya Yang Berhormat Bintulu boleh bawa ini ke perhatian Menteri Dalam Negeri kerana kalau kita tidak boleh menyediakan satu persekitaran yang betul-betul baik, yang selamat, yang selesa, jangan simpan tahanan di situ dan saya juga minta kalau boleh sokonglah supaya ISA dimansuhkan sebab saya juga bekas tahan ISA dan ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai, saya ...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ini saya mahu menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat..

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jadi..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tunggu sekejap. Sekejap. Ingatan saya tadi itu, jangan gunakan pencelahan untuk berhujah. Ada nanti ruang untuk Ahli-ahli Yang Berhormat berhujah sewaktu berbahas. Yang tadi itu saya perhatikan adalah alasan untuk berhujah mengenai dengan soal yang di luar tanggungjawab Yang Berhormat Bintulu. Kalau boleh, faham? Tolong.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jadi saya minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasihlah kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Mencilah, Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasihlah.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya membawa kepada perhatian..

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, saya faham sudah.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Memang ada Yang Berhormat daripada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih, terima kasih saudara.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Seperti Tuan Yang di-Pertua beritahu, saya bukan menteri. Saya tidak tahu. Ini perkara kita sentuh keselamatan, *you* sentuh ISA. Saya tidak sentuh ISA, okey?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila Yang Berhormat Bintulu. Teruskan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu memberi laluan kepada Yang Berhormat Kota Belud. Saya ingin mempertahankan hujah yang diberi oleh Yang Berhormat Bintulu tadi. Pertama sekali saya berpendapat bahawa polis sebenarnya, tadi Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu mengatakan bahawa maruah ataupun moral polis ini telah jatuh oleh kerana perbuatan kerajaan tetapi saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua, saya tahu yang banyak mengompelin, yang banyak membantah tingkah laku polis ini adalah pihak pembangkang. Di dalam blog yang pro-pembangkang, dalam blog-blog pembangkang sendiri banyak yang dikatakan mengenai polis dan hampir 100% yang diperkatakan oleh wakil-wakil rakyat pembangkang dan parti-parti pembangkang adalah menghina pihak polis. Ada yang menggunakan perkataan yang tidak patut digunakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jadi, saya minta kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, supaya isu polis ini janganlah dipermainkan oleh parti pembangkang kerana mereka lebih tahu bahawa yang menghina polis, yang membawa moral polis ini jatuh ialah pihak pembangkang sendiri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Bintulu, sebelum saya benarkan Yang Berhormat, saya ingin bercakap sikit lagi. Mencilah sewaktu seseorang berucap dibenarkan apabila yang mencilah itu minta penjelasan dari apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berucap. Kedua, apabila Ahli Yang Berhormat bertanya itu, yang mencilah itu mempunyai satu perkara yang dia ingin perjelaskan oleh kerana disalah tafsir oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Jadi, janganlah mencilah apabila celahan itu membangkitkan satu isu yang tidak ditujukan khusus kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sedang berucap. Jadi ini sebagai ingatan kerana apabila ini berlaku, maka mesyuarat kita saya rasa tidak dapat berjalan dengan lancar. Sila Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah, mahu menyelesaikan kes-kes jenayah ini, saya memohonlah kepada semua agensi penguat kuasa ini bekerjasama termasuklah Jabatan Imigresen, polis dan lain-lain yang terlibat. Minta dia orang semua bekerjasama. Kalau tidak, satu pihak sahaja memang sampai bila tidak boleh menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, ini isu mengenai PR (*permanent resident*) dengan izin. Saya meminta Kementerian Dalam Negeri, kalau bolehlah minta mengkaji balik semula *permanent resident* terutama sekali kepada suami dan isteri.

## ■1640

Ada rakyat kita kahwin di luar negeri, lelaki ataupun suami, isteri dia. Kalau kita tidak boleh membantu, rakyat akan terus berkata, dia pun daripada dia punya isteri ataupun lelaki daripada Malaysia, tetapi dia tidak ambil perhatian daripada negara kita. Kalau mereka pergi memohon kepada Jabatan Imigresen, mahu 3-4 kali turun naik, turun naik tidak boleh selesai. Macam-macam hendak minta. Sepatutnya kita boleh minta isteri dia ataupun suami dia jamin kepada dia. Kita, sepatutnya kita bagi terus. Tidak payahlah dia banyak kali turun naik, turun naik kepada Jabatan Imigresen untuk mendapatkan *permanent resident*, dengan izin.

Satu lagi saya memohon kepada Kementerian Dalam Negeri, mengkaji balik semula mengenai isu *red IC*. Saya difahamkan sudah lama dia dapat *red IC*, ada yang sudah berumur 60 tahun ataupun 70 tahun sudah sampai dia mahu minta *citizen* kita, tetapi tidak boleh dapat. Memanglah kita tahu ini adalah hak kerajaan ataupun kuasa kementerian. Saya minta kalau boleh kaji balik semula kalau yang mana patut diberi, diberilah kepada dia. Akhir sekali, saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat daripada Kulai sekarang ini terbuka untuk dibahas dan saya persilakan Ketua Pembangkang untuk membahaskan dahulu. Sila.

## 4.42 ptg.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf saya bangun kerana saya ingat terpaksa secepat mungkin. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan junjungan kasih yang tidak terhingga di atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud, mencemar Duli bagi merasmikan Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Ke-12 di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada lantikan Tuan Yang di-Pertua yang saya kira telah dengan izin, *headhunted* daripada Sabah untuk datang ke sini menjadi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Mungkin kerana kerajaan pada hari ini dia terdiri kerana kerusi-kerusi yang di Sabah dan Sarawak, [*Ketawa*] membolehkan satu majoriti untuk mendirikan kerajaan. Namun ikhlas saya mengucapkan tahniah.

Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih di atas kepercayaan dan sokongan rakan-rakan seperjuangan daripada parti-parti pakatan rakyat. Parti Keadilan sendiri, DAP dan Pas yang memberi mandat kepada saya sebagai Ketua Pembangkang. Mandat ini melakarkan... [*Tepuk*] Mandat ini melakarkan satu sejarah pelantikan Ketua Pembangkang wanita yang pertama di dalam Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*] Apatah lagi Dewan Rakyat kali ini pula mencatat sejarah di mana pembangkang menafikan majoriti 2/3 [*Tepuk*] parti pemerintah. Dengan demikian...

**Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zin [Besut]:** Tahniah.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih. Dengan demikian, kerajaan tidak lagi boleh menjadikan Dewan ini untuk membolos apa sahaja kemahuan mereka tanpa mengambil kira pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kalangan parti-parti pakatan rakyat. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang bangkit memberi sokongan kepada pakatan rakyat dalam pilihan raya baru-baru ini, di mana beberapa keputusan bersejarah telah dilakarkan di peringkat Pilihan Raya Parlimen. Pada keseluruhannya, 3,796,464 undi atau 49% undi popular diperolehi oleh calon-calon pembangkang. [*Tepuk*]

Natijahnya, kini Dewan Rakyat menyaksikan kehadiran 82 orang Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang kerana perkiraan sistem dan amalan demokrasi ala *Westminster* dengan izin, yang masih diguna pakai dalam negara kita, pihak pembangkang yang memperoleh 49.4% undi popular hanya diwakili oleh 36.9% bilangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Jika sistem perwakilan berkadar atau *proportionate representation*, dengan izin diguna pakai secara mutlak bagi pilihan raya yang lalu, maka pada hari ini, pembangkang seharusnya paling tidak diwakili oleh 110 ahli berbanding 112 ahli dari Barisan Nasional iaitu perbezaan hanya 2 kerusi.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ya, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat ketua pembangkang. Dengan adanya keputusan pilihan raya yang sedemikian, apakah Yang Berhormat beranggapan bahawa negara kita ini benar-benar mengamalkan sistem demokrasi sehingga ada negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional dimenangi oleh pembangkang, sehingga kemenangan Barisan Nasional 2/3 dikurangkan ataupun masih belum telus lagi pilihan raya yang kita hadapi, dan akan ada lagi demonstrasi di jalanan meminta BERSIH dalam pilihan raya kita.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat yang sudah lama dalam Parlimen. Memanglah kita sudah lalui Pilihan Raya Umum yang baru berlalu, tetapi saya juga hendak bertanya kenapa pada saat-saat akhir sekali tidak boleh kita adakan dakwat hitam? [*Tepuk*] Kenapakah apa yang kita katakan daftar pemilih itu berbeza? Apakah kita ada masalah lagi yang tidak ditangani oleh kerajaan? Namun saya berterima kasih kepada rakyat yang berani bangun, kalau pun kita ada banyak halangan, kami masih lagi mendapat mandat rakyat. Bayangkanlah kalau kita dapat semuanya adil dan saksama. [*Tepuk*]

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Minta jalan sedikit.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih. Ini tajuk kecil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mencilah, Pengkalan Chepa.

**Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut kenyataan yang dikeluarkan oleh Tan Sri Pengerusi SPR, ada 4.5 juta nama-nama yang tidak patut ada di dalam daftar pemilih masih ada iaitu mulai daripada 1957 sampai Julai 2002. Ada pun nama-nama mulai Julai 2002 sampai hari ini boleh dibersihkan. Maknanya pilihan raya ini masih tidak telus. Kuasa yang ada dalam Akta Pilihan Raya itu, SPR dibenarkan membuat pembersihan. Ini perlu, kerajaan mengambil satu sikap meminda akta itu untuk membersihkan. Ini hanya ada dalam kuasa kerajaan. Apakah Yang Berhormat Permatang Pauh bersetuju dengan kenyataan itu?

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Pengkalan Chepa. Memang saya bersetuju. Itulah yang saya katakan tadi. Kalaulah kita ada pilihan raya yang betul-betul bersih, kemungkinan lain. Meski pun demikian Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur bahawa rakyat juga telah membuat keputusan dengan memberi mandat kepada pembentukan kerajaan pakatan rakyat di negeri Selangor, Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan. Saya yakin dan percaya segala keputusan ini merupakan isyarat jelas bahawa rakyat inginkan perubahan, yakni perubahan ke arah Malaysia baru di masa hadapan.

■1650

Insya-Allah, mandat yang diberikan rakyat tidak akan disia-siakan oleh kami dan kami akan memastikan suara dan harapan mereka akan diungkit dan diisi, bukan sahaja dalam Parlimen tetapi di mana jua ruang dan peluang yang ada. Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Lualan, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kasi laluan, Batu Pahat?

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Silakan Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Pertama saya hendak ambil kesempatan hendak ucap tahniah kerana dilantik sebagai Ketua Pembangkang dan menjadi satu sejarah kepada negara kita, wanita menjadi Ketua Pembangkang. Yang kedua, cuma hendak tanya sahaja. Dengan kemenangan Parti Keadilan tersebut, apakah ada cadangan Parti Keadilan untuk menukar logonya kepada logo baru untuk melihatkan keadilan PKR yang lebih futuristik?

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Alhamdulillah, saya ingat logo Keadilan itu memang cantik, [*Ketawa*] [*Tepuk*] tidak perlu diubah-ubah – lambang mata.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali yang ingin saya kemukakan sebagai memulakan tugas rasmi saya sebagai Ketua Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini ialah dengan ikhlasnya saya meminta kerajaan, saya memohon kerajaan agar membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri [*Tepuk*] dengan segera tanpa syarat atau bicarakan mereka dalam mahkamah terbuka jika terdapat sebarang dakwaan terhadap mereka.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1960, Akta ISA telah menjadi alat yang paling berkuasa bagi pihak eksekutif untuk menahan seseorang individu atau kumpulan tanpa bicara. ISA juga menyekat kebebasan individu dan meningkatkan kuasa eksekutif serta melemahkan kuasa mahkamah dari menyamak sebarang ketidakadilan, selain menjadi ancaman terhadap hak asasi manusia. ISA juga mempunyai kesan terhadap masyarakat sivil dan ianya menjejaskan kegiatan dan penglibatan politik di Malaysia. ISA sering kali digunakan untuk menyekat aktiviti politik, bukan sahaja politik, akademik, sosial serta mencengkam pandangan badan-badan bukan kerajaan dan parti-parti politik.

Dengan ugutan dan ancaman penggunaan ISA, ia juga sering disalahgunakan untuk mempertahankan kepentingan mereka yang berkuasa dan bukan untuk kepentingan keselamatan negara. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sejak ISA digubal dan dijadikan akta, bilangan mereka yang pernah ditahan di bawah ISA kini sudah mencecah angka seramai 10,711 orang. Kesemuanya ditahan tanpa bicara.

Dalam pengamatan kami, kini terdapat seramai 70 orang yang sedang ditahan di bawah ISA di Kem Tahanan Kamunting. Tahanan-tahanan tersebut dilabelkan sebagai JI, Jemaah Islamiah seramai 29 orang, Darul Islam – 17 orang, dokumen palsu dan syiling – 8 orang, ejen perisik asing – 7 orang, Hindraf – 5 orang, Gerakan Pemisah Thai – 2 orang, nuklear – 1 orang dan pendatang tanpa izin – 1 orang. Melalui Dewan ini, pertamanya kerajaan dituntut supaya membebaskan semua tahanan ISA dengan segera tanpa sebarang syarat atau dakwaan mereka di mahkamah terbuka [*Tepuk*] jika terdapat sebarang tuduhan menurut undang-undang.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua...

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya habiskan ini sekejap ya. Keduanya, kerajaan dituntut...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pasir Salak minta laluan.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** ...supaya menutup Kem Tahanan Kamunting di Taiping.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pasir Salak minta laluan.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Sekejap. Saya tahu Yang Berhormat duduk di tempat situ. Sekejap saya habiskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu. Sila.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Keduanya, kerajaan dituntut supaya menutup Kem Tahanan

Kamunting di Taiping, Perak dengan segera. Ketiganya, kerajaan dituntut supaya mansuhkan ISA. [*Tepuk*] Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Permatang Pauh kerana telah dilantik menjadi Ketua Pembangkang yang menempa sejarah.

Berhubung kait dengan ISA ini, pertama sekali saya hendak nyatakan bahawa saya juga pernah menjadi tahanan ISA. Saya faham dan saya arif apa itu ISA. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, berlatarbelakangkan bahawa negara kita ini terdiri daripada berbilang kaum, kita mempunyai ancaman dari segi keselamatan negara oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang ingin membangkitkan semangat perkauman di antara satu sama lain. Selain daripada itu, kita juga menghadapi ancaman dari luar yang cuba untuk mengganggu-gugat keselamatan dalam negara.

Yang Berhormat Permatang Pauh, saya rasa bersetuju dengan saya bahawa keselamatan dan kestabilan negara adalah amat penting bagi kesejahteraan rakyat, bagi pembangunan rakyat, bagi kemajuan rakyat dan negara kita dan kita telah membuktikan, rakyat Malaysia telah membuktikan di bawah kepimpinan yang menerajui pemerintahan selama ini, kita dapat menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat berbanding dengan banyak negara lain, satu daripada instrumen yang digunakan oleh kerajaan dalam hal ini ialah ISA iaitu sebagai satu langkah preventif.

Jadi Yang Berhormat Permatang Pauh, kita telah melihat banyak peristiwa, banyak insiden, banyak demonstrasi, banyak tunjuk perasaan yang kadang-kadang ianya boleh keterlanjuran. *You can get carry away*, dengan izin, dengan perhimpunan ribuan manusia walaupun tidak ada tujuan untuk mewujudkan keadaan yang tidak baik, tetapi bagaimana kita boleh mengawal keselamatan dan kestabilan, keamanan di mana adanya perhimpunan 20 ribu, 30 ribu atau 50 ribu orang? Bolehkah pihak pembangkang memberikan jaminan setiap kali mengadakan perhimpunan, ribu-ribu dengan berarak ke sana dan ke mari dengan semangat yang berkobar-kobar boleh menjaga keselamatan negara?

**Tuan Yang di-Pertua:** Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, tolong jawab, tolong beri jawapan kepada Dewan ini, kalau sekiranya ada ISA hendak dijadikan ataupun hendak dihapuskan, tolong beri apakah satu cara yang betul-betul boleh menjamin keselamatan dan kestabilan negara ini. Jangan buat satu permintaan dan tidak ada cadangan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Pasir Salak saya rasa sudah jelaslah itu. Sila Permatang Pauh.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersimpatilah Yang Berhormat Pasir Salak pun biasa ditahan. Jadi saya rasa sepatutnya Yang Berhormat mengetahui bagaimana peritnya mereka yang telah ditahan, lagi-lagi perit keluarga mereka yang ditahan, tetapi Yang Berhormat, atas alasan apa pun kita tidak boleh jadi kejam. Atas alasan apa pun, kita tidak boleh membuat perkara yang tidak adil. Kalaulah mereka yang ditahan ini, yang ada 70 orang ini dihadapkan ke mahkamah, apakah tidak lebih adil? Apakah kita tidak percaya dengan sistem kehakiman kita ini? Memanglah kita tidak berapa percaya. Sebab itulah baru hendak diadakan – minta maaf – baru hendak diadakan suruhanjaya hendak memilih jawatan, tetapi kalau kita ikutkan, kita semua bersubahat.

■1700

Saya tak mahu kalaulah diadakan akta yang begitu kejam ini dan berterusan, kita sama-sama mesti menjawab.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** [*Bangun*]



**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya ingat Tuan Yang di-Pertua kata sudah. Saya sudah jawab cukup setakat itu, dan saya hendak tanya satu soalan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu hendak bagi laluan?

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Ya, ya silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ada kroni juga ya. Ada kroni jugalah ini.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Penjelasan. Yang Berhormat saya minta penjelasan. Oleh kerana akta berkenaan ISA ini adalah warisan daripada zaman penjajahan, ianya diwujudkan ketika negara kita dalam keadaan darurat, menghadapi komunis dan selepas negara kita mencapai kemerdekaan ianya diteruskan.

Kini, darurat sudah tak ada lagi dan kita menuju ke arah pembaharuan demokrasi yang lebih baik. Adalah menjadi amalan kepada negara-negara demokrasi yang moden, ISA ini sudah tak perlu lagi kerana ISA menunjukkan seolah-olah negara kita tidak selamat dan tidak aman. Apalagi dalam suasana yang ada lebih menunjukkan, ISA ini lebih digunakan untuk kepentingan politik parti yang memerintah daripada kepentingan untuk keselamatan dalam negeri yang sebenarnya tidak wujud. Sekian, terima kasih. [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Marang dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak gunakan kroni, saya bagi peluang apa. Kalau saya tak bagi peluang itu katalah kroni. Tak baik, itu sangkaan jahat. Tak boleh.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Oleh sebab Naib Presiden Parti Keadilan ada menyebut soal kroni pagi tadi, kalau tak silap saya. Jadi jangan mulakan! Kenal saya tak? Saya kenal saudara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Permatang Pauh duduk sekejap. Saya mahu cakap.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Permatang Pauh, duduk sekejap.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Oh!

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin ingatkan lagi, kalau seseorang ahli itu sedang bercakap itu hak dia. *The floor* hak dia, kecuali dia memberi laluan. Jadi saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, cuma tengok apabila Ahli Yang Berhormat cakap kasi laluan, kasi laluan. Saya ingatkan lagi, pencilahan itu jangan gunakan untuk berhujah. Tanya kepada Ahli Yang Berhormat yang sedang bercakap itu. Itu sahaja permohonan saya. Sila teruskan.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita perlu mentakrif semula. Saya pergi kepada ISA, habis terus, tapi satu soalan saya hendak tanya kepada pemimpin-pemimpin, apakah satu soalan yang berkaitan dengan Vithayamurti yang berada dalam '*self exile*', dengan izin di London. Apakah dia akan ditangkap apabila dia kembali ke tanah air. Itu satu soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih sekarang bahawa kita perlu mentakrif semula asas baru falsafah dan konsep negara tercinta ini mengekal yang baik dan membasmi serta menghapuskan segala keburukan penyalahgunaan kuasa, pembaziran kewangan dan ekonomi dan manipulasi polisi awam secara sistematik dan terancang untuk kepentingan peribadi. Ini juga telah disentuh oleh ke bawah Duli.

Kita akan kemukakan idea-idea baru untuk penyelesaian dalam pengurusan ekonomi. Kita juga akan mencadangkan keperluan reformasi agar negara muncul sebagai sebuah negara yang benar-benar demokratik. Mengambil yang baik dari pengalaman lama serta dengan suntikan idea-idea baru, kita akan membina asas baru falsafah dan konsep negara, dengan mengambil kira agenda ekonomi Malaysia. Akan memulakan reformasi bagi memastikan keadilan dan kesaksamaan terlaksana untuk semua lapisan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi moden negara diasaskan dari pembangunan industri getah dan timah. Kemudian pada dekad 70-an dan 80-an, kita berjaya menyusun semula asas ekonomi dengan menjadi pusat pengeluaran semi konduktor dan barangan elektronik pengguna yang sehingga hari ini menyumbang kepada lebih 30% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK. Kita berterima kasih kepada perancang awal ekonomi negara yang membuat penilaian betul dan tepat pada ketika itu.

Penemuan minyak dan gas di pesisiran pantai negara pada dekad yang sama, telah menjana sumber kekayaan dan asas baru ekonomi dengan pembangunan industri berasaskan petrol dan petrokimia berpusat di Sarawak, Sabah, Pantai Timur Semenanjung, Johor dan Melaka. Pada dekad yang sama juga, negara memberi penekanan dan tumpuan yang besar pada kajian dan penyelidikan dalam industri minyak kelapa sawit dan berjaya menghasilkan industri minyak sawit terbesar dunia pada suatu ketika dahulu. Ini juga telah disentuh oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam Titah Ucapan semalam, pada perkiraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, negara sepatutnya sudah menjana kekayaan yang berupaya menanggung seluruh rakyat dengan selesa. Ia sepatutnya berupaya menyediakan infrastruktur, prasarana, kemudahan dan perkhidmatan awam bertaraf dunia pertama kepada rakyatnya pada kadar tol, caj dan cukai yang munasabah dan berpatutan. Negara sepatutnya berupaya menyediakan kemudahan asas kesihatan dan pendidikan secara percuma. Dalam perumahan, negara sepatutnya menyediakan kemudahan yang berupaya dimiliki penduduk dalam usaha menggalakkan pemilikan rumah oleh rakyat.

Secara teori, ekonomi kita sepatutnya berdaya menyediakan pendapatan yang baik kepada semua golongan berasaskan sumbangan produktif mereka dalam ekonomi. Dengan hasil bumi yang kaya, barangan komoditi yang pelbagai dan daya usaha gigih di kalangan penduduk, ekonomi kita sepatutnya cukup dan amat berjaya dan menduduki tangga ekonomi terbilang dunia.

Namun demikian, rakyat kini kian terhimpit dengan peningkatan kos saraan hidup yang begitu ketara dengan inflasi yang tidak dapat dikawal termasuk keperluan asas isi rumah. Ini juga telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pagi tadi, apabila beliau membahas dan memberi jawapan tentang soalan saya tentang tender terbuka.

Keluarga sederhana tertekan untuk memenuhi keperluan dan saraan hidup harian, kerana terpaksa membayar penggunaan kemudahan infrastruktur, pendidikan dan kesihatan. Ramai tidak dapat memenuhi tuntutan bayaran bulanan...

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Rasah minta laluan.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat minta laluan.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Silakan.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi, berkenaan soalan yang ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada pagi ini, mengenai dasar tender terbuka. Jawapan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa 68% projek-projek awam diberikan secara

tender terbuka dan ada lagi 32% melalui *direct negotiation tender*. Beliau mengatakan bahawa, ada perkara-perkara yang penting seperti sektor keselamatan tidak boleh dibuka tendernya, kena *direct nego*. Memangnya kalau beli *submarine* itu kena berhati-hati, tapi masalahnya saya ada satu contoh. Ini bukan pasal beli *submarine*, buat jalan pun dia kena buat *direct nego*. Saya pernah tanya dalam Dewan Undangan Negeri Sembilan satu projek di kawasan saya, Projek Naik Taraf Jalan Seremban ke Senawang yang menghubungkan Seremban ke Rembau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Soalan saya, soalan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rasah, ini satu alasan untuk berhujah.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Saya tanya, penjelasan. Satu projek RM150 juta diberikan secara *direct negotiation*, hanya bina jalan!

■ 1710

Adakah ini kerajaan cakap tak serupa bikin? Kata nak buat *direct nego* tetapi pada hakikatnya banyak projek awam masih dijalankan melalui cara *direct negotiation* yang menyebabkan bahawa banyak kebocoran dalam ekonomi kita, banyak kebocoran dalam perbelanjaan kerajaan kita yang tidak sepatutnya dibocorkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Rasah, sudah diberi peluang untuk mencelah ...

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Setuju ke Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa kerajaan cakap tak serupa bikin?

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Rasah, saya bersetuju.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Sebentar, saya jawab Rasah dulu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya hendak ini, tuduhan liar daripada Rasah, boleh saya mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terpulang Yang Berhormat.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya nak jawab Rasah dulu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini buat tuduhan liar, ambil kesempatan.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Ini jawapan daripada Dewan Undangan Negeri.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia *abuse*, dengan izin, *he's abusing the opportunity to ask question*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Permatang Pauh dulu untuk ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau betul ada penyelewengan, keluar Dewan tolong buat laporan.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Ini jawapan yang diberikan dalam Dewan Undangan Negeri memang ada *direct negotiation*.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya cabar kepada Yang Berhormat Rasah, dalam kata ada penyelewengan dan sebagainya ...

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Ini betul, ini kenyataan, *statement*, fakta.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Lepas ini saya cabar Yang Berhormat Rasah buat laporan polis.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Saya dipilih oleh rakyat untuk berucap dalam Dewan Rakyat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuduhan liar tidak boleh dibuat di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Salak dan Rasah tolong duduk, yang tadi ...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya wakil kerajaan, saya wakil pihak kepada kerajaan oleh pihak pembangkang. [*Tepuk*]

Ini tuduhan tidak bertanggungjawab, tidak bermoral, tidak beretika.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Siapa yang tidak bermoral?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat, tidak bermoral, tidak beretika.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Saya dipilih oleh rakyat untuk berucap di dalam Dewan Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh tak duduk dua-dua dulu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Fitnah, rakyat tidak suruh Yang Berhormat buat fitnah. Rakyat suruh Yang Berhormat bercakap secara bertanggungjawab.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak bermoral, nak tarik apa? Nak suruh tarik apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Salak, Rasah, boleh tak duduk dulu? Duduk dulu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Inilah perangai contoh parti pembangkang. Pecat sahaja.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Pecat apa?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Rakyat Rasah tidak suruh buat fitnah.

**Beberapa Ahli:** Duduk!

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Pasir Salak dan Rasah duduk dulu.

[*Dewan riuh*]

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Padang Serai, apa lagi ini? Ini *point* pasal apa, untuk penjelasan ke? Yang *point* ini untuk apa? Untuk penjelasan ke, untuk apa? Itu pun baru selesai, Padang Serai pula mencelah.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Pasir Salak kata dia bekas tahanan ISA. Dia setuju ditahan bawah ISA, kalau dia setuju ditahan bawah ISA, dan dia juga ditahan, dia memang tidak layak duduk dalam Parlimen. Ini kerana kalau dia setuju dia ditahan bermakna dia adalah seorang yang bersalah.

Saya ditahan di bawah ISA, saya tidak setuju saya ditahan kerana saya tidak bersalah. Bila Pasir Salak setuju dia ditahan bermakna dia seorang yang bersalah.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Itu *you* punya hallah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Seorang yang bersalah tidak layak duduk dalam Parlimen.

*[Dewan riuh] [Tepuk]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, inilah pengecut, kena tahan sikit sudah menangis, takut. Pengecut.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Boleh kata apa pun, tetapi saya telah saman Kerajaan Malaysia dan saya menang dalam kes, tetapi Pasir Salak kamu langsung tak lawan balik bermakna kamu bersalah dan kamu tidak layak duduk dalam Parlimen.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah kedua-dua Ahli Yang Berhormat duduk dahulu? Boleh? Duduk dulu.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pilihan raya sudah berlalu, hendakkan 'speech' pilihan raya berucap depan rakyat itu belum cukup, cukuplah itu.

Kita sekarang mahu dengar perbahasan yang mantap. Tolonglah Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ada yang mencelah itu, celahlah dengan baik-baik. Itulah makanya Ahli Yang Berhormat yang sedang berucap mempunyai hak untuk memberi laluan mencelah atau tidak. Kadang-kadang ada yang memberi laluan, kadang-kadang ada yang tidak. Apabila bagi laluan, timbul pula kekecohan macam ini.

Ini Dewan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kamu dapat berbincang dengan baik. Saya cuma duduk di sini mendengar, terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mahu berbincang dengan baik ataupun melepaskan emosi yang terlampau panas. Bersabarlah kita semua, silalah Yang Berhormat dari Permatang Pauh, sila.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh tiada lagi celahan, sila.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** *[Ketawa]* Saya nak menjawab Rasah kerana tadi pagi saya pun tidak berpeluang membuat soalan tambahan.

Saya faham apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan, kalau ada *negotiation* tender, tender berunding terus, kita nak jaga sektor bumiputera, sektor mereka yang dalam erti kata keselamatan, saya faham.

Namun, seperti mana yang Rasah sebutkan tadi, apakah dalam projek-projek seperti Stadium Kuala Terengganu, projek yang sepatutnya memakan jumlah RM200 juta menjadi RM400 juta.

Sekolah Kebangsaan Wakaf Tapai, sekolah Tuan Yang di-Pertua, dibina dengan wang ihsan dan bumbungnya baru saja roboh. Ini yang dikatakan kita tidak perlu *expertise* yang besar-besar ini, nak buat sekolah. Apa yang kita hendakkan, menjaga wang rakyat yang diamanahkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya nak masuk sikit *point* itu sebab pagi tadi Tuan Yang di-Pertua sendiri pun tidak bagi saya soalan tambahan. Itu soalan saya Tuan Yang di-Pertua.

Okey, sekarang ini saya sambung, terima kasih. Ramai tidak dapat memenuhi tuntutan bayaran bulanan dan rumah-rumah terutama rumah kos rendah dan sederhana terlebih meningkat tahun demi tahun. Bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang terdiri daripada lebih 50% daripada penduduk negara, keupayaan menyimpan sudah hampir tiada tetapi 10% lagi rakyat yang berada ...

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Penjelasan.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Silakan.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Dengan izin, apakah yang dimaksudkan oleh Ketua Pembangkang tadi ialah merupakan perumahan yang menjangkau contohnya di Balik Pulau menjangkau sehingga RM800 ribu, RM700 ribu yang mana rata-rata orang Balik Pulau kebanyakan kerjanya hanya pendapatan RM700, RM800; tidak mampu merupakan satu dasar yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang. Maksudnya tidak akan ada lagi rumah-rumah yang tidak mampu milik oleh terutama sekali penduduk tempatan. Mohon penjelasan.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Balik Pulau. Itu yang saya nak katakan Tuan Yang di-Pertua, bahawa kadang-kadang kita melihat tidak ada *safety net*, satu jaringan untuk keselamatan bagi kebanyakannya nelayan dan mereka terpaksa diusir keluar kerana *developers* datang untuk membuat bangunan-bangunan tinggi yang harganya RM700 ribu, RM800 ribu. Mereka ini adalah rakyat Malaysia, bukan pendatang tanpa izin atau dengan izin.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua, tetapi 10% lagi rakyat yang berada di sekeliling pusat pembangunan pesat menikmati kemewahan ketara hasil hubungan rapat mereka dengan kepimpinan negara. Jurang pendapatan di antara 10% rakyat terkaya dan 90% yang lain begitu ketara. Daripada perubahan kepada ekonomi moden seperti dibayangkan dalam Wawasan 2020 di mana jurang pendapatan dirapatkan di kalangan penduduk setiap tahun negara diselubungi dengan pelbagai masalah.

Laporan Pembangunan Insan Bangsa-bangsa Bersatu 2007 menunjukkan Malaysia yang tercinta mempunyai jurang pendapatan di antara yang kaya dan yang miskin paling tinggi di Asia Tenggara dan kedua tertinggi di Asia selepas Papua New Guinea Tuan Yang di-Pertua, kita jurang yang paling lebar. 10% rakyat terkaya menguasai 38.4% kekayaan negara. Manakala 10% rakyat termiskin memiliki hanya 1.7%.

Inilah simbol dan manifestasi kerasuahan dan kerakusan polisi ekonomi negara yang cuma mengejar kadar pertumbuhan keluaran dalam negara kasar atau KDNK, *figures* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Boleh nampak cantik, kitalah maju, kitalah apa, bagaimana rasa rakyat termiskin di bawah?

#### ■ 1720

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita berhadapan dengan kesilapan dalam pengurusan ekonomi sejak kerajaan memperkenalkan konsep persyarikatan Malaysia atau Malaysia *incorporated* dengan izin yang menyamakan negara seperti sebuah syarikat. Manakala syarikat ini membuat keputusan dan pertimbangan tanpa perlu merujuk kepada pemegang saham terbesar iaitu rakyat. Rakyat hanya boleh mempersoal melalui sidang Parlimen yang diwakili oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat. Oleh kerana wujud dominasi parti pemerintah yang begitu mutlak di dalam Parlimen pada ketika itu. Maka tidak ada banyak halangan bagi kerajaan untuk melakukan apa sahaja demi kepentingan mereka.

Dalam banyak hal rakyat tidak tahu menahu apa yang kerajaan lakukan kerana semua saluran maklumat dikuasai dan dikongkong oleh kerajaan. Pertanggungjawaban dan ketelusan diketepikan dengan alasan untuk memecut pembangunan ekonomi. Di bawah konsep ini kerajaan mengalihkan ratusan bilion ringgit sumber kewangan negara dianggarkan antara RM500 hingga RM550 bilion yang hampir kesemuanya dipinjam dari institusi kewangan baik dalam mahupun luar negara ke dalam projek-projek mega dan yang terakhir termasuk projek Masjid Kristal yang disalurkan melalui wang ehsan. Masjid itu cantik Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Minta penjelasan. Setujukah Yang Berhormat kalau saya katakan ratusan bilion yang dibelanjakan itu memang tidak dibelanjakan dengan betul dan rakyat tidak mendapat faedah daripadanya.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya kena *qualify*. Ada juga yang dibelanjakan Tuan Yang di-Pertua, kita kena rasional dan objektif. Ada juga yang baik tetapi, kita hendak berhentikan pembaziran, penyalahgunaan kuasa yang telah dimasukkan di dalam titah ucapan. Kenapa difokuskan? Negara kita negara kaya, *point* itu yang saya hendak katakan. Negara kita...

**Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kuala Kedah bangun.

**Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, ketua pembangkang. Saya ingin mendapat penjelasan ringkas mengapakah Masjid Kristal di Terengganu itu dimasukkan dalam projek mega membazir. Jadi minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, terima kasih.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sedikit juga tentang pembaziran. Minta laluan sedikit. Saya juga ingin di sini minta penjelasan kerana pagi tadi kita mendengar Yang Berhormat bagi Kinabatangan bagaimana di tempat dia jalan raya begitu teruk. Di sini saya ingin memaklumkan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh di kawasan saya Kampung Baru ada sebuah jalan yang pendek sahaja satu kilometer sahaja tetapi dibina dengan harga RM17 juta. Bermakna satu meter RM17 ribu harganya. Saya bersimpati dengan sahabat-sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak kerana tidak mendapat kemudahan asas jalan raya, api dan air serta elektrik. Tetapi pembaziran dilakukan di Kuala Lumpur dan juga di sesetengah bahagian negara kita. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat itu. Saya hendak menjawab Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dahulu. Saya diberitahu Tuan Yang di-Pertua, cantik Masjid Kristal itu, memang cantik. Saya difahamkan bahawa kosnya yang sepatutnya jadi itu adalah RM60 juta tetapi telah meningkat dalam kompleksnya RM360 juta. Saya difahamkan Yang Berhormat dari Marang boleh, sebab saya inginkan orang Terengganu memberikan penjelasan tetapi setakat yang saya tahu apabila saya pergi ke Terengganu apabila Parlimen mula-mula dibubarkan, masjid itu tidak boleh ditakrifkan, diisytiharkan, diumumkan sebagai masjid kerana tidak ada qariah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Maaf, saya bukan orang Terengganu, saya diberitahu. Minta maaf Yang Berhormat bagi Kota Belud. Kota Belud di Sabah, saya hendak bercakap tentang Terengganu sekejap. Minta maaf.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Penjelasan.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Minta maaf.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Penjelasan.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Maaf ya, saya bagi kepada orang Terengganu sebab Masjid Kristal di Terengganu.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Ketua Pembangkang, oleh kerana ianya dinamakan Masjid Kristal merupakan satu projek tamadun Islam yang keseluruhan perbelanjaannya hampir RM1 bilion. Masjid itu sahaja sebagaimana yang disebut ia merupakan replika-replika masjid yang terkenal di dunia untuk tatapan pelancong dan pelancong sudah tentu pergi ke masjid-masjid yang asal dan tidak datang ke replika itu. Maka apa faedahnya projek seperti ini untuk rakyat? Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, sebelum respons.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Minta Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu. Nanti dahulu, sekejap-sekejap. Duduk sekejap. Saya cuma ingin mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat mengenai dengan Peraturan Mesyuarat 36 (12) iaitu mana-mana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan sebagai menghina Majlis. Jadi yang dibangkitkan ini adalah *figures* yang spesifik. Jadi saya ingatkan kalau umpamanya mahu menyentuh *figures* yang spesifik, ambil kira dengan Peraturan Tetap 36 (12).

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak bagi laluan.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Saya jawab Terengganu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab Terengganu dahulu.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberikan saya peringatan kerana saya tidak ada *figurenya* tetapi *pointnya* ialah pembaziran. *Pointnya* yang saya diberitahu bahawa masjid itu telah dibelanjakan dengan begitu banyak tidak boleh ditakrifkan sebagai sebuah masjid kerana tidak ada qariah. Kalau hendak pergi ke masjid itu saya difahamkan kena naik bot. RM17, tambang itu betul. Saya diberitahu RM17 untuk menunaikan ibadah di situ. Jadi saya hendak katakan dalam *point* pembaziran...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Minta Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kota Belud minta penjelasan.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** *Point* pembaziran ini, inilah yang hendak ditunjukkan sebagai satu contoh. Sila Yang Berhormat bagi Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Saya cuma ingin bertanya mengenai masjid ini. Yang Berhormat berkata masjid ini membazir, rasuah, harga terlalu tinggi dan sebagainya. Saya ingin meminta penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Ketua Pembangkang, apakah dengan kemenangan 2/3 di Terengganu oleh Barisan Nasional bermakna rakyat Terengganu mahukan masjid ini dan menyokong tindakan kerajaan membina masjid ini, terima kasih.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Itu keputusan pilihan raya. Saya bercakap tentang masjid. Kalau ditakrifkan kata masjid itu tidak boleh dikatakan sebagai masjid dan asas pembinaan masjid itu adalah untuk pelancongan. Itu yang saya hendak. Tuan Yang di-Pertua, saya telah diberitahu bahawa arah kiblat pun telah dikeluarkan 6 *degree*...

**Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]:** Penjelasan.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Sila Yang Berhormat.

**Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, apa yang saya dengar daripada ucapan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh ialah satu jurang yang begitu besar antara retorika dengan realiti di Malaysia. Pembangunan yang tidak seimbang, pembangunan yang mengakibatkan pembaziran yang keterlaluan, maka konsep *sustainable development* ini tidak wujud, misalnya di kawasan saya di Batu Kawan, tanah yang luas boleh didapati di kawasan saya di Batu Kawan. Malangnya orang tempatan ini tidak ada rumah, tidak ada kawasan untuk memelihara lembu-lembu, ayam dan sebagainya, tidak ada sekolah, tidak ada tempat ibadah. Inilah pembangunan yang telah dilakukan selama 20 tahun atau 30 tahun khususnya di Batu Kawan. Nampaknya bahawa apa yang dapat kita bayangkan dalam ucapan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh ialah bahawa retorika jugalah yang diberikan perhatian, tetapi realitinya adalah sesuatu yang sangat-sangat berbeza, terima kasih.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, saya memohon maaf kerana masa kita sudah sampai 5.30 petang. Jadi hujah Yang Berhormat Permatang Pauh boleh disambung pada hari Isnin, 5 haribulan. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin 5 Mei 2008. Mesyuarat ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.**



**LAMPIRAN**

**PARLIMEN**

**MALAYSIA**

---

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
29 APRIL 2008**

---

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG  
AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN IBNI  
ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**

***Bismillaahir Rahmaanir Rahiim  
Al-hamdulillahi Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'in  
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh  
dan Salam Sejahtera***

***Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan  
Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat  
sekalian.***

*Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Istiadat Perasmian Penggal Pertama, Parlimen Kedua Belas.*

*2. Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala pilihan raya umum yang kedua belas telah berjaya dilaksanakan dengan lancar mengikut lunas-lunas demokrasi. Beta melafazkan penghargaan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, Polis Diraja Malaysia dan semua pihak yang terlibat yang telah berjaya mengendalikan pilihan raya tersebut dengan baik. Beta juga mengucapkan terima kasih kepada rakyat jelata yang telah menunaikan kewajipan dan menggunakan hak mereka untuk memilih sebuah kerajaan.*

3. Kepada Ahli-Ahli Dewan Rakyat yang terpilih, Beta ucapkan tahniah dan berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, ikhlas, jujur serta sentiasa menunjukkan tingkah laku yang terpuji demi maruah diri dan negara. Penghormatan dan keyakinan rakyat kepada Parlimen sebagai sebuah badan perundangan tertinggi negara bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jadikanlah Dewan yang mulia ini sebagai persada untuk menyampaikan teguran yang membina dan pendapat-pendapat yang bernas. Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah menjadikan kepentingan negara sebagai matlamat utama dan tidak menggunakan Dewan yang mulia ini bagi kepentingan politik individu. Justeru, penyertaan aktif dan perbincangan yang berkualiti hendaklah dijadikan keutamaan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

4. Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri kerana telah membawa ekonomi negara mencapai kejayaan walaupun menghadapi pelbagai cabaran luar seperti pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih sederhana, kenaikan harga minyak mentah dan bahan makanan dunia serta persaingan sengit perdagangan dan pelaburan.

5. Ekonomi negara pada tahun 2007 telah berkembang enam perpuhuan tiga peratus melebihi sasaran enam peratus dan pendapatan per kapita meningkat melebihi dua puluh tiga ribu ringgit. Kadar inflasi kekal rendah pada dua peratus manakala kadar pengangguran pada tiga perpuhuan tiga peratus. Jumlah defisit fiskal pula semakin menurun kepada tiga perpuhuan dua peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar. Lebihan akaun perdagangan luar negara dan peningkatan kemasukan modal pula terus menyumbang kepada pertumbuhan rizab bersih antarabangsa kepada tiga ratus sembilan puluh perpuhuan satu bilion ringgit mampu untuk menampung selama sembilan perpuhuan tujuh bulan import tertangguh. Perkembangan ini telah memperkukuhkan lagi nilai ringgit.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

6. Beta menghargai kesungguhan Kerajaan Beta melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Sehingga Mac 2008 sebanyak lapan puluh satu perpuhuan tujuh bilion ringgit bersamaan empat puluh perpuhuan lapan peratus daripada peruntukan sebanyak dua ratus bilion ringgit telah dibelanjakan. Ini telah memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara terutamanya sektor pembinaan dan industri berkaitan pembinaan.

7. Beta berharap kadar pertumbuhan yang mapan ini dapat dikekalkan. Sehubungan ini, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan hendaklah memberi tumpuan kepada usaha-usaha meningkatkan daya tahan dan daya saing negara serta menilai semula keutamaan program dan projek pembangunan bagi mencapai lima teras Misi Nasional.

8. Beta sukacita negara telah dipilih dua tahun berturut-turut sebagai destinasi pelancongan terbaik di dunia. Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 telah berjaya menarik kedatangan pelancong asing dan menjana pendapatan yang melebihi sasaran. Kejayaan ini juga telah membantu meningkatkan lebih kukuh dalam akaun perjalanan dan buat pertama kali

dalam sejarah negara menyumbang kepada lebih dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran negara sejak suku kedua tahun 2007. Atas kejayaan tersebut, Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2008. Sehubungan ini juga, Kerajaan Beta akan terus meningkatkan usaha-usaha meneroka pasaran baru dan menghasilkan produk-produk pelancongan yang lebih menarik.

9. Kejayaan atlet-atlet negara menjuarai beberapa kejohanan antarabangsa seperti skuasy, bina badan dan boling telah melonjakkan lagi minat rakyat dalam bidang sukan. Semoga kejayaan-kejayaan tersebut akan mendorong atlet-atlet negara menempa sejarah merangkul pingat emas pertama negara di Sukan Olimpik 2008 di Beijing kelak.

10. Beta yakin kejayaan yang lebih besar akan dikecap apabila negara memasuki fasa lima puluh tahun yang kedua selepas kemerdekaan setanding dengan negara-negara maju. Kejayaan tersebut boleh dicapai melalui usaha gigih dan sokongan semua pihak serta semangat permuafakatan pemimpin dan rakyat seperti mana yang diamalkan selama ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

11. Beta berharap kejayaan-kejayaan yang telah dicapai diperkukuhkan lagi dengan memberi tumpuan kepada usaha-usaha mempertingkatkan daya tahan dan daya saing negara. Ini dapat dihasilkan melalui pemantapan institusi pelaksanaan dan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam, modal insan bertaraf dunia, perpaduan negara dan ketenteraman awam, kesejahteraan dan kemakmuran serta jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa bagi memastikan negara berupaya menghadapi cabaran-cabaran di era globalisasi. Tumpuan juga hendaklah diberikan kepada inovasi dan pengurusan teknologi yang cekap serta berkesan untuk mewujudkan sumber pertumbuhan ekonomi yang baru. Sehubungan ini, Pelan Tindakan Inovasi Negara telah dirangka untuk mempertingkatkan lagi daya saing negara.

12. Sektor swasta juga perlu bergiat cergas dan memainkan peranan sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara. Inisiatif Pembiayaan Swasta telah diperkenalkan untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam berlandaskan perkongsian pintar antara sektor awam, swasta dan institusi kewangan.

13. Dengan persekitaran luar yang semakin mencabar, kita perlu meneroka sumber-sumber pertumbuhan dan pasaran baru di samping memperluaskan pasaran sedia ada, menghasilkan produk dan perkhidmatan baru, membina perkongsian pintar serta mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti. Sehubungan ini, Kerajaan Beta akan terus berunding dengan rakan dagang di peringkat dua hala, pelbagai hala dan serantau bagi memperluaskan lagi pasaran barangan dan perkhidmatan serta menarik lebih banyak pelaburan. Di samping itu, sektor perkhidmatan telah dikenal pasti sebagai sektor untuk dipergiatkan bagi meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi. Justeru, usaha-usaha akan diteruskan untuk menggalak perkembangan dan liberalisasi sektor perkhidmatan bagi memantapkan daya saing sektor tersebut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

14. Kerajaan Beta akan terus berusaha memajukan sektor pertanian sejajar dengan matlamat menjadikannya sebagai penjana ketiga pertumbuhan ekonomi negara melalui transformasi daripada pertanian tradisional kepada entiti komersial. Pengeluaran produk utama pertanian dan yang berasaskan pertanian akan memberi tumpuan kepada penyatuan dan pemuliharaan tanah serta industri asas tani yang akan meningkatkan pendapatan masyarakat tani. Di samping itu, Kerajaan Beta akan berusaha untuk meningkatkan pelaburan sektor swasta termasuk oleh syarikat berkaitan Kerajaan, anak syarikat agensi pertanian serta persatuan dan koperasi petani dan nelayan.

15. Bagi membolehkan sektor perladangan dan komoditi negara terus berdaya saing, Beta berharap program penyelidikan dan pembangunan dipergiatkan lagi untuk mencipta kegunaan baru yang boleh diperdagangkan melalui aktiviti hiliran. Misalnya, pokok kelapa sawit bukan hanya menghasilkan minyak dari buahnya tetapi setiap bahagian pokok boleh menghasilkan produk pelbagai kegunaan. Produktiviti yang lebih tinggi pula boleh dicapai melalui penghasilan klon-klon baru bermutu tinggi, penggunaan teknologi terkini dan amalan pertanian baik yang dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengusaha ladang dan pekebun kecil. Sektor ini akan terus digalakkan untuk meneroka sumber pertumbuhan baru yang berpotensi seperti tanaman kenaf, sagu, jarak dan bahan biokomposit.

16. Beta sukacita Malaysia diiktiraf sebagai peneraju pensijilan halal. Standard Halal Malaysia akan diperluaskan pemakaiannya di peringkat antarabangsa khususnya di kalangan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam. Penubuhan Perbadanan Pembangunan Industri Halal dan Taman Halal akan mengukuhkan lagi usaha-usaha mempromosikan Malaysia sebagai hab halal di rantau ini. Ia juga akan menggalakkan aktiviti-aktiviti baru bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan halal di beberapa negeri serta meningkatkan eksport produk halal negara di pasaran antarabangsa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

17. Usaha-usaha penambahbaikan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam telah mula menampakkan hasil, misalnya pasport antarabangsa Malaysia dan MyKad masing-masing boleh disiapkan dalam tempoh tiga jam dan dua puluh empat jam di cawangan-cawangan utama jabatan berkenaan. Bayaran bil-bil Kerajaan juga telah dapat diselesaikan dalam tempoh empat belas hari. Kini terdapat seribu seratus tujuh puluh empat perkhidmatan dalam talian meliputi kemudahan membuat pertanyaan, mendapat maklumat, penyerahan borang dan membuat bayaran telah disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan kepada orang ramai termasuk komuniti perniagaan. Di samping itu, penubuhan pusat-pusat setempat telah mempercepat dan memudahkan kelulusan pelbagai permohonan. Ini telah dapat mengurangkan kos mengendali perniagaan serta mewujudkan suasana mesra perniagaan.

18. Beta sukacita Perkhidmatan Awam akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapannya. Ini terbukti dengan pengisytiharan Komitmen Perkhidmatan Awam Malaysia 2008 berkonsepkan "Satu Perkhidmatan, Satu Penyampaian

dan Dasar Tiada Pintu Yang Salah” yang di dokong oleh enam teras utama bagi memastikan segala matlamat dapat dicapai. Penekanan untuk menyediakan Perkhidmatan Awam kelas pertama merupakan agenda berterusan yang akan menyaksikan lebih banyak penambahbaikan dilakukan.

19. Rakyat sentiasa mahukan perkhidmatan yang berkualiti, cepat dan persekitaran yang kondusif di mana mereka boleh berurusan dengan Kerajaan tanpa mengira waktu dan tempat. Beta berharap usaha-usaha penambahbaikan yang telah dilaksanakan ini akan diteruskan bagi memenuhi kehendak rakyat dan pelabur.

20. Pencapaian ekonomi dan pembangunan yang dinikmati selama ini tidak akan bermakna sekiranya rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan masih berlaku. Justeru, seperti mana yang diumumkan oleh Mamanda Perdana Menteri, usaha-usaha pembanteras rasuah akan dipertingkatkan lagi melalui pengstruktur semula Badan Pencegah Rasuah dengan menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jawatankuasa Parlimen Mengenai Pencegahan Rasuah dan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah serta penambahan bilangan pegawai pencegah rasuah. Beta berharap usaha-usaha tersebut akan meningkatkan lagi keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti dalam usaha membanteras rasuah di negara ini.

21. Kerajaan Beta adalah komited untuk mengadakan penambahbaikan bagi memperkasakan sistem kehakiman negara supaya terus kekal adil, dihormati dan bebas dari sebarang pengaruh selari dengan hasrat rakyat seperti mana langkah-langkah yang telah diumumkan oleh Mamanda Perdana Menteri baru-baru ini. Sistem kehakiman yang adil dan efektif adalah penting untuk meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem perundangan negara. Sehubungan ini, Suruhanjaya Pelantikan Hakim akan ditubuhkan bagi membantu menilai serta memilih calon-calon yang sesuai untuk dilantik sebagai hakim atau ke jawatan hakim lebih kanan bagi pertimbangan Mamanda Perdana Menteri dan seterusnya perkenan Beta untuk dirundingi dengan Majlis Raja-Raja.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

22. Pembangunan modal insan yang berkualiti adalah salah satu daripada lima teras Misi Nasional dan merupakan agenda utama Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam persekitaran globalisasi yang cepat berubah, pemilikan sumber asli yang banyak dan teknologi canggih sahaja tidak dapat menjamin kejayaan, pembangunan dan kemajuan negara. Modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, berinovasi dan mengamalkan etika kerja positif serta berintegriti juga sama penting dalam memastikan negara akan terus menikmati tahap dan kualiti hidup yang lebih tinggi pada masa akan datang.

23. Untuk mencapai matlamat menghasilkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama, pendidikan dan latihan adalah amat penting. Hasil kajian oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris mendapati kanak-kanak di bawah umur lima tahun yang mengikuti Program Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Permata Negara atau PERMATA mempunyai perkembangan emosi, sosial, intelek, rohani, pengurusan diri dan kemahiran komunikasi yang tinggi. Sehubungan ini, kurikulum dan kaedah pembelajaran PERMATA sesuai untuk

diperluaskan penggunaannya dalam pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di seluruh negara.

24. Beta sukacita dengan kesungguhan Kerajaan Beta melaksanakan pembangunan modal insan di peringkat sekolah dan di peringkat pengajian tinggi melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Beta yakin kedua-dua pelan tersebut mampu merealisasikan Misi Nasional dan mengangkat sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi. Sehubungan ini, satu atau dua Universiti Apex akan ditubuhkan.

25. Modal insan yang berkualiti di kalangan belia akan terus dipertingkatkan melalui program-program latihan di Institut Kemahiran Belia Negara dan Sistem Latihan Dual Nasional yang bertujuan melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran, berketerampilan dan berdaya saing selaras dengan kehendak industri.

26. Seiring dengan pembangunan modal insan dan dalam usaha untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, infrastruktur jalur lebar adalah amat penting untuk menganjak kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Sehubungan ini, Kerajaan Beta telah menyasarkan untuk meningkatkan lagi kadar penembusan jalur lebar mengikut isi rumah kepada lima puluh peratus menjelang tahun 2010.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

27. Kunci kejayaan negara selama ini adalah hasil daripada kestabilan politik dan perpaduan kaum. Sehubungan ini, Beta menyeru semua pihak memikul tanggungjawab memastikan semua kaum bersatu padu dan menangkis segala cubaan untuk memecahbelahkan rakyat.

28. Pada keseluruhannya Beta berpuas hati dengan prestasi Polis Diraja Malaysia dalam menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam. Namun, masih ada ruang untuk penambahbaikan. Untuk ini, pelbagai tindakan sedang dan akan diambil untuk menjadikan Polis Diraja Malaysia sebagai sebuah pasukan terunggul, antaranya menambah pengambilan anggota, membina pusat-pusat latihan baru, menyediakan modal insan yang berkualiti, menambah keperluan logistik dan mewujudkan balai-balai polis di taman-taman perumahan. Beta menyeru rakyat jelata untuk turut sama memikul tanggungjawab menjaga keamanan dan ketenteraman awam melalui penyertaan dalam Rakan Cop, Ikatan Relawan Rakyat, Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela.

29. Angkatan Tentera Malaysia terus berperanan penting mempertahankan kedaulatan negara khususnya di sepanjang sempadan negara. Penubuhan Rejimen Sempadan merupakan kesinambungan dasar Kerajaan Beta ke arah mengawal keselamatan negara secara komprehensif bagi mencegah aktiviti-aktiviti jenayah lintas sempadan seperti penyeludupan dan kemasukan pendatang asing tanpa izin sekali gus menjamin kesejahteraan rakyat jelata. Beta juga sukacita perairan negara berada dalam keadaan lebih selamat dan terkawal sejak penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dua tahun yang lalu. Kes-kes pelanunan telah menurun dan ini meningkatkan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap keselamatan perairan negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

30. Dalam melaksanakan projek-projek pembangunan, Kerajaan Beta akan memastikan semua rakyat dapat menikmatinya. Pembangunan ekonomi tidak hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan tertentu tetapi akan meliputi seluruh negara. Sehubungan ini, Beta berharap pelaksanaan lima koridor pembangunan ekonomi wilayah akan menggiatkan lagi aktiviti ekonomi, menaikkan taraf hidup rakyat, membasmi kemiskinan serta mengurangkan jurang pendapatan antara kaum, negeri dan wilayah. Lebih dua belas juta pekerjaan akan diwujudkan dalam pelbagai sektor ekonomi. Pelbagai insentif telah disediakan di samping pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta terutamanya pelabur tempatan di koridor-koridor tersebut. Beta juga sukacita sehingga kini sejumlah tiga puluh tiga bilion ringgit pelaburan akan dilaburkan dalam sektor hartanah, pelancongan dan rekreasi di wilayah Iskandar Malaysia.

31. Beta berbangga atas kejayaan Kerajaan Beta mengurangkan kadar kemiskinan kepada tiga persepuluh enam peratus berbanding tujuh puluh lima peratus semasa negara mencapai kemerdekaan. Manakala kemiskinan tegar pula telah berjaya dikurangkan kepada kosong persepuluh tujuh peratus. Beta yakin kemiskinan tegar akan dapat dihapuskan menjelang tahun 2010. Pelbagai program akan terus dilaksanakan antaranya Pelan Strategi dan Penambahbaikan Program Pembasmian Kemiskinan, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan yang terbaru iaitu Program Lonjakan Mega Luar Bandar berkonsepkan agropolitan yang merupakan projek pembangunan bersepadu meliputi komponen pembangunan sumber manusia, ekonomi dan fizikal berasaskan pertanian.

32. Kerajaan Beta sedar akan kewujudan kemiskinan di bandar. Sehubungan ini, Sistem Maklumat Kemiskinan Bandar telah dibangunkan bagi menyelaras dan memantau pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dengan berkesan. Pusat Sejahtera pula telah ditubuhkan bagi membantu golongan miskin dan miskin tegar di bandar mendaftar dan memohon bantuan serta menyertai Program Membina Keupayaan Keluarga Cemerlang.

33. Kerajaan Beta juga sedar terdapat segolongan rakyat yang berpendapatan rendah termasuk peniaga kecil, nelayan dan petani menghadapi masalah mendapatkan pinjaman untuk membeli rumah kerana tidak berpendapatan tetap. Sehubungan ini, Skim Pinjaman Perumahan Berjamin telah dilancarkan bagi membolehkan golongan ini membeli rumah kos rendah dan kos sederhana.

34. Kejayaan yang dicapai oleh FELDA membuktikan Kerajaan Beta telah berjaya membasmi kemiskinan. Kini, FELDA memberi penekanan khusus untuk memperkasa generasi kedua dan ketiga melalui lapan inisiatif baru melibatkan peruntukan sebanyak seratus sembilan juta ringgit. FELDA juga akan terus memperkukuhkan aktiviti yang bukan berasaskan perladangan. Pelaksanaan program tersebut akan dipercepatkan bagi menjamin pembangunan usahawan dengan memberi penekanan kepada industri kecil dan sederhana serta pembangunan kraf. Kejayaan seumpama ini wajar diteladani oleh agensi-agensi lain yang berkaitan dengan pembangunan tanah, perladangan dan masyarakat luar bandar.

35. Beta sukacita usaha gigih Kerajaan untuk membasmi kemiskinan telah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini telah menyuntik semangat Kerajaan Beta untuk menggiatkan lagi usaha-usaha membasmi kemiskinan dengan kerjasama semua pihak termasuk sektor swasta, badan bukan kerajaan, pemimpin masyarakat dan kumpulan sasar. Sehubungan ini, Beta juga sukacita dengan usaha Kerajaan memperkenalkan program Tanggungjawab Sosial Korporat dan Beta menyeru sektor swasta bersama-sama memberi sokongan terhadap program tersebut.

36. Kerajaan Beta akan meneruskan usaha-usaha bagi memperluaskan penyediaan kemudahan asas di luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak. Pembangunan masyarakat Orang Asli juga akan dipertingkatkan meliputi bidang pendidikan, ekonomi dan kemudahan asas. Selain itu, pembangunan ladang getah dan kelapa sawit merupakan strategi utama bagi menambahkan pendapatan dan sekali gus mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.

37. Dalam usaha meningkatkan tahap kesihatan rakyat serta memodenkan sistem kesihatan negara, Kerajaan Beta juga tidak lupa kepada amalan perubatan tradisional yang juga berkesan untuk merawat penyakit. Sehubungan ini, beberapa langkah telah diambil untuk mengintegrasikan amalan perubatan tradisional dan komplementari yang terbukti berkesan secara saintifik ke dalam sistem kesihatan negara. Untuk mewujudkan persekitaran yang bersih, sihat dan selamat bagi kesejahteraan rakyat, perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan diambil alih daripada pihak berkuasa tempatan supaya ia diurus dengan lebih cekap.

38. Dalam sektor pengangkutan, Kerajaan Beta sedang mempergiatkan usaha untuk menambah baik sistem pengangkutan awam di bandar-bandar utama, antara bandar, pengangkutan berasaskan rel serta pengangkutan udara. Berdasarkan pertambahan penumpang pengangkutan udara termasuk perkhidmatan udara tambang murah, sebuah terminal pengangkutan tambang murah yang tetap akan dibina di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang. Semoga semua usaha ini akan meningkatkan lagi integrasi nasional dan industri pelancongan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

39. Beta berbangga kerana Kerajaan Beta telah menyediakan pelbagai subsidi bagi membendung kenaikan harga barang dan meringankan beban perbelanjaan rakyat. Dalam tahun 2008, lebih tiga puluh enam bilion ringgit telah diperuntukkan bagi memberi subsidi dan pelbagai bantuan kepada rakyat. Ini meliputi gas, diesel, petroleum, pertanian, kesihatan dan pendidikan dari pra-sekolah sehingga ke pengajian tinggi serta golongan warga emas, orang kurang upaya dan ibu tunggal. Kerajaan Beta juga akan berusaha sedaya upaya untuk meneruskan pemberian subsidi dan pelbagai bantuan lain demi kesejahteraan rakyat.

40. Paras harga minyak di pasaran antarabangsa yang tinggi telah memberi kesan langsung kepada harga barangan dan perkhidmatan. Sehubungan ini, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah termasuk mengenakan kawalan harga dan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan untuk membendung



kenaikan harga demi kesejahteraan rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Usaha-usaha ini sahaja tidak mencukupi. Rakyat hendaklah bijak dengan berbelanja di tempat-tempat yang menawarkan harga berpatutan.

41. Beta kesal kerana terdapat pihak-pihak tertentu yang menyalah guna kemudahan subsidi yang disediakan oleh Kerajaan ke atas barangan perlu dengan menyorok dan menyeludup barangan tersebut ke luar negara untuk mengaut keuntungan besar. Perbuatan tersebut adalah sangat hina kerana mendatangkan kesusahan dan merampas hak rakyat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

42. Globalisasi dan proses perbandaran merubah corak dan perkembangan ekonomi, sosiobudaya serta sistem nilai dalam sesebuah masyarakat. Usaha-usaha bagi menangani perubahan ini memerlukan tindakan bersepadu dan komitmen semua pihak. Sehubungan ini, Kerajaan Beta telah memulakan langkah yang tepat dan bijaksana untuk melaksanakan Transformasi Kebajikan Masyarakat bagi meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian kepada kumpulan sasaran, memperluaskan jangkauan ke peringkat akar umbi lantas memudahkan proses integrasi mereka ke dalam masyarakat.

43. Pembangunan kerohanian juga penting bagi meningkatkan kesejahteraan ummah. Beta memandang berat gejala sosial seperti penagihan dadah, penyelewengan akidah dan sebagainya yang boleh menjejaskan kesucian agama Islam. Tindakan tegas perlu diambil secara bersepadu bagi memastikan supaya pembangunan modal insan dan kerohanian selari dengan pendekatan Islam Hadhari.

44. Kepelbagaian seni, budaya dan warisan merupakan aset berharga bagi rakyat Malaysia yang berlatar belakang pelbagai kaum, budaya dan agama. Sehubungan ini, Kerajaan Beta akan terus melaksanakan program-program merakyat, menyemarakkan dan mengekalkan kepelbagaian seni, budaya dan warisan di negara ini. Penekanan akan diberikan kepada aspek mengkomersialkan produk-produk seni dan warisan supaya rakyat turut mendapat manfaat dan peluang meningkat taraf hidup.

45. Fenomena pemanasan global yang mengakibatkan kenaikan suhu persekitaran dan ketidakseimbangan ekosistem merupakan isu yang kini diberi fokus di peringkat antarabangsa. Kerajaan Beta akan memberi penekanan yang lebih terhadap pembangunan lestari selaras dengan pengiktirafan kepada negara sebagai salah sebuah daripada dua belas buah negara mega biodiversiti di dunia. Bagi memenuhi komitmen Malaysia kepada Protokol Kyoto, penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui melalui Pelan Tindakan Tenaga Yang Boleh Diperbaharui akan digalakkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

46. Jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa adalah penting bagi memastikan keamanan dan kestabilan di samping meningkatkan kemakmuran serta daya saing negara. Sehubungan ini, Beta berbangga dengan kejayaan-kejayaan yang terus diraih dalam usaha meningkatkan imej dan kewibawaan negara di arena antarabangsa. Hubungan Malaysia dengan negara-negara lain terutamanya negara-

*negara jiran akan terus diperkukuhkan merangkumi pelbagai bidang.*

*47. Beta berbangga Malaysia terus memainkan peranan penting dalam organisasi-organisasi antarabangsa. Beta mengucapkan tahniah di atas kejayaan negara terpilih menganggotai Lembaga Eksekutif UNESCO, UNICEF, Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa, Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa dan sebagai Pengerusi Suruhanjaya Sains dan Teknologi Bagi Pembangunan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kejayaan-kejayaan tersebut membuktikan kepercayaan masyarakat antarabangsa kepada keupayaan Malaysia dalam memberi sumbangan kepada kesejahteraan dunia. Beta berharap usaha-usaha mempertingkatkan kerjasama di peringkat dua hala dan pelbagai hala dapat dipergiatkan lagi bagi menjamin keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat di tahun-tahun mendatang.*

*48. Beta mengambil maklum bahawa negara kita telah menyerahkan jawatan pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam kepada Senegal setelah menerajuiinya sejak Oktober 2003. Selama tempoh tersebut Malaysia telah berjaya memartabatkan imej Islam di persada dunia yang sebelum ini sering diberi tanggapan negatif oleh pihak-pihak tertentu. Malaysia juga telah berjaya melaksanakan pelbagai program bagi membangunkan sosioekonomi umat Islam. Beta amat bangga dengan sumbangan yang diberikan dan yakin Malaysia akan terus berperanan aktif walaupun tidak lagi memimpin organisasi tersebut.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

*49. Beta menghargai sumbangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam terutama mereka yang berkhidmat melebihi kebiasaan dan menghadapi pelbagai ancaman serta risiko. Pengorbanan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia dalam memelihara keselamatan dan keamanan negara juga amat dihargai.*

*50. Pilihan raya umum telah pun berlalu dan rakyat telah memberi mandat sekali lagi kepada Kerajaan untuk mentadbir negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah menunjukkan sifat dan tingkah laku yang terpuji agar nama baik Dewan yang mulia ini sentiasa terpelihara. Laksanakanlah kepercayaan yang diberi oleh rakyat dengan mengambil bahagian yang aktif dengan penuh tanggungjawab dalam semangat demokrasi berparlimen.*

*51. Akhirnya Beta menyeru Ahli-Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat supaya menjalankan tugas dan kewajipan yang diamanahkan oleh rakyat dengan ikhlas, jujur, amanah dan berhemah tinggi demi kepentingan negara.*

*Wabillahi Taufik Walhidayah,*

*Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*